26. Seseorang adalah dikatakan mempunyai “sebab untuk mempercayai” sesuatu perkara jika dia mempunyai sebab yang mencukupi untuk mempercayai perkara itu tetapi tidak dengan sebab lain.

“Harta dalam milikan isteri, kerani atau orang gaji”

27. Apabila harta ada dalam milikan isteri, kerani atau orang gaji seseorang bagi pihak orang itu, maka harta itu adalah dalam milikan orang itu dalam makna Kanun ini.

Huraian – Seseorang yang bekerja sementara atau pada suatu masa yang tertentu sebagai seorang kerani atau orang gaji adalah kerani atau orang gaji dalam makna bab ini.

“Memalsukan”

28. Seseorang adalah dikatakan “memalsukan”, jika dia menyebabkan satu benda menyerupai benda lain, dengan niat dengan jalan penyerupaan itu hendak melakukan perdayaan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan bahawa perdayaan dengan yang demikian akan dilakukan.

Huraian 1 – Tidaklah perlu bagi pemalsuan bahawa tiruan itu betul-betul serupa.

Huraian 2 – Apabila seseorang menyebabkan satu benda menyerupai benda lain, dan penyerupaan itu adalah sebegitu sehingga seseorang boleh terpedaya olehnya, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang yang menyebabkan satu benda menyerupai benda lain itu berniat, dengan jalan penyerupaan itu, hendak melakukan perdayaan, atau mengetahui berkemungkinan bahawa perdayaan dengan yang demikian akan dilakukan.

“Dokumen”

29. Perkataan “dokumen” bererti apa-apa perkara yang dinyatakan atau diperihalkan atas apa-apa benda dengan menggunakan huruf, angka atau tanda, atau dengan menggunakan lebih daripada satu huruf, angka atau tanda itu, yang dimaksudkan untuk digunakan, atau yang boleh digunakan, sebagai keterangan mengenai perkara itu.

Huraian 1 – Tidaklah material dengan cara apa, atau atas benda apa, huruf, angka atau tanda itu dibentuk, atau sama ada keterangan itu dimaksudkan untuk, atau boleh digunakan dalam, Mahkamah Keadilan atau tidak.

Misalan-misalan

Tulisan yang menyatakan terma-terma suatu kontrak, yang boleh digunakan sebagai keterangan mengenai kontrak itu, adalah suatu dokumen.

Cek kepada bank adalah suatu dokumen.

Surat kuasa wakil adalah suatu dokumen.

Peta atau pelan yang dimaksudkan untuk digunakan, atau yang boleh digunakan, sebagai keterangan, adalah suatu dokumen.

Tulisan yang mengandungi arahan atau petunjuk adalah suatu dokumen.

Huraian 2 – Apa-apa jua yang dinyatakan dengan menggunakan huruf, angka atau tanda, sebagaimana yang diterangkan dari kelaziman perdagangan atau kelaziman lain, adalah dianggap sebagai dinyatakan dengan huruf, angka atau tanda itu dalam makna bab ini, walaupun ia mungkin tidak sebenarnya dinyatakan.

Misalan

A menulis namanya di belakang suatu bil pertukaran yang boleh dibayar mengikut perintahnya. Makna catitan itu sebagaimana yang diterangkan dari kelaziman perdagangan, adalah bahawa bil itu akan dibayar kepada pemegangnya. Catitan itu adalah suatu dokumen dan mestilah ditafsirkan sama seperti seolah-olah perkataan-perkataan “bayar kepada pemegang”, atau perkataan-perkataan yang bermaksud sedemikian, telah ditulis di atas tandatangan itu.

“Jaminan berharga”

30. Perkataan-perkataan “jaminan berharga” bererti suatu dokumen yang merupakan, atau dikatakan sebagai, dokumen yang dengannya sebarang hak di sisi undang-undang

diwujudkan, diperluaskan, dipindahkan, dihadkan, dihapuskan atau dilepaskan, atau yang dengannya mana-mana orang mengakui bahawa dia bertanggungan di sisi undang-undang atau tidak mempunyai sesuatu hak di sisi undang-undang.

Misalan

A menulis namanya di belakang suatu bil pertukaran. Oleh kerana kesan catitan ini adalah memindah hak terhadap bil itu kepada mana-mana orang yang mungkin menjadi pemegangnya yang sah, maka catitan itu adalah “jaminan berharga”.

“Wasiat”

31. Perkataan “wasiat” bererti apa-apa dokumen perwasiatan.

Perkataan yang merujuk kepada perbuatan termasuk peninggalan yang menyalahi undang-undang

32. Dalam setiap bahagian Kanun ini, kecuali jika terdapat tujuan yang bertentangan dalam konteksnya, perkataan yang merujuk kepada perbuatan yang dilakukan juga termasuk peninggalan yang menyalahi undang-undang.

“Perbuatan” dan “peninggalan”

33. (1) Perkataan “perbuatan” bererti satu siri perbuatan dan juga satu perbuatan.

(2) Perkataan “peninggalan” bererti satu siri peninggalan dan juga satu peninggalan.

Perbuatan yang dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama

34. Apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang, bagi mencapai niat bersama mereka semua, setiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggungan atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang.

Apabila suatu perbuatan itu menjadi jenayah oleh sebab dilakukan dengan pengetahuan atau niat jenayah

35. Apabila suatu perbuatan, yang menjadi jenayah hanya oleh sebab perbuatan itu dilakukan dengan suatu pengetahuan atau niat jenayah, dilakukan oleh beberapa orang, setiap

seorang daripada mereka itu yang turut sama melakukan perbuatan itu dengan pengetahuan atau niat itu adalah bertanggungan atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang dengan pengetahuan atau niat itu.

Kejadian yang disebabkan sebahagiannya dengan perbuatan atau sebahagiannya dengan peninggalan

36. Jika menyebabkan sesuatu kejadian, atau cuba menyebabkan kejadian itu, dengan suatu perbuatan atau dengan suatu peninggalan, menjadi suatu kesalahan, maka hendaklah difahamkan bahawa menyebabkan kejadian itu sebahagiannya dengan suatu perbuatan dan sebahagiannya dengan suatu peninggalan adalah kesalahan itu juga.

Misalan

A dengan sengaja menyebabkan kematian Z, sebahagiannya dengan meninggalkan dengan menyalahi undang-undang daripada memberi makanan kepada Z dan sebahagiannya dengan memukul Z. Maka A telah melakukan kesalahan membunuh orang.

Kerjasama melakukan satu daripada beberapa perbuatan menjadi kesalahan

37. Apabila suatu kesalahan dilakukan dengan cara beberapa perbuatan, barang siapa dengan sengaja bekerjasama melakukan kesalahan itu dengan melakukan mana-mana satu daripada perbuatan-perbuatan itu, sama ada berseorangan, atau bersesama dengan mana-mana orang lain, adalah melakukan kesalahan itu.

Misalan-misalan

(a) A dan B bersetuju membunuh Z dengan cara masing-masing, dan pada masa yang berlainan, memberikannya sedikit dos racun. A dan B memberikan racun tersebut mengikut persetujuan itu dengan niat hendak membunuh Z. Z mati akibat beberapa dos racun yang diberikan kepadanya. Di sini, A dan B dengan sengaja bekerjasama melakukan kesalahan membunuh orang, dan oleh sebab tiap-tiap seorang daripada mereka melakukan suatu perbuatan yang menyebabkan kematian itu, maka mereka berdua adalah melakukan kesalahan itu, walaupun perbuatan mereka itu berasingan.

(b) A dan B sama-sama pegawai penjara, dan dengan yang demikian, bertanggungjawab menjaga Z, seorang banduan, secara bergilir-gilir selama 6 jam sekali. A dan B, yang berniat hendak menyebabkan kematian Z, dengan mengetahuinya bekerjasama menyebabkan kejadian itu dengan meninggalkan dengan menyalahi undang-undang, masing-masing dalam masa jagaannya, daripada memberi Z makanan yang telah diberikan kepada mereka bagi maksud itu. Z mati kerana kelaparan. Maka A dan juga B adalah melakukan kesalahan membunuh Z.

(c) A, seorang pegawai penjara, bertanggungjawab menjaga Z, seorang banduan. A, yang berniat hendak menyebabkan kematian Z, dengan menyalahi undang-undang meninggalkan daripada memberi Z makanan, akibatnya tenaga Z menjadi amat berkurangan, tetapi kebulurannya itu tidak cukup untuk menyebabkan kematianya. A dipecat daripada jawatannya dan B mengantikannya. B tanpa berpaktat atau bekerjasama dengan A, dengan menyalahi undang-undang meninggalkan daripada memberi Z makanan dengan mengetahuinya bahawa dia mungkin dengan yang demikian menyebabkan kematian Z. Z mati kerana kelaparan: B adalah melakukan kesalahan membunuh orang; tetapi, oleh kerana A tidak bekerjasama dengan B, maka A adalah hanya melakukan kesalahan cuba membunuh orang.

Orang yang terlibat dalam perbuatan jenayah mungkin melakukan kesalahan yang berlainan

38. Jika beberapa orang mengambil bahagian atau terlibat dalam melakukan suatu perbuatan jenayah, mereka mungkin melakukan kesalahan-kesalahan yang berlainan dengan cara perbuatan itu.

Misalan

A menyerang *Z* dalam hal keadaan bangkitan marah yang besar bahawa pembunuhan *Z* olehnya adalah hanya kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang. *B*, yang ada niat jahat terhadap *Z*, dan bermaksud hendak membunuhnya dan bukannya dalam bangkitan marah itu menolong *A* untuk membunuh *Z*. Di sini, walaupun *A* dan *B* kedua-duanya mengambil bahagian pada menyebabkan kematian *Z*, *B* adalah melakukan kesalahan membunuh orang dan *A* adalah melakukan hanya kesalahan mematikan orang dengan salah.

“Dengan sengaja”

39. Seseorang itu adalah dikatakan menyebabkan suatu kejadian “dengan sengaja” apabila dia menyebabkan kejadian itu dengan cara yang dia bermaksud hendak menyebabkannya atau dengan cara yang, pada masa menggunakan cara itu, dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai mungkin menyebabkan kejadian itu.

Misalan

A, pada waktu malam, membakar sebuah rumah yang didiami di sebuah bandar besar, bagi tujuan untuk memudahkan rompakan, dan dengan yang demikian menyebabkan kematian seseorang. Di sini, *A* mungkin tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian, dan malahan mungkin kesalahan kematian telah berlaku disebabkan oleh perbuatannya; akan tetapi, jika dia mengetahui bahawa dia mungkin menyebabkan kematian, maka dia telah menyebabkan kematian dengan sengaja.

“Kesalahan”

40. (1) Kecuali dalam Penggal dan bab-bab yang disebutkan dalam ceraian-ceraian (2) dan (3), perkataan “kesalahan” bererti sesuatu perkara yang boleh dikenakan hukuman menurut Kanun ini.

(2) Dalam Penggal IV dan dalam bab-bab 66, 71, 109, 110, 112, 114, 115, 116, 117, 187, 194, 195, 203, 211, 213, 214, 221, 222, 223, 224, 225, 327, 328, 329, 330, 331, 347, 348, 388, 389 dan 445, perkataan “kesalahan” bererti sesuatu perkara yang boleh dihukum di bawah Kanun ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu.

(3) Dalam bab-bab 141, 176, 177, 201, 202, 212, 216 dan 441, “kesalahan” mempunyai makna yang sama apabila perkara yang boleh dihukum di bawah undang-undang

khas atau tempatan boleh dihukum penjara di bawah undang-undang itu selama tempoh 6 bulan atau lebih, sama ada dengan denda atau tidak.

“Undang-undang khas”

41. “Undang-undang khas” adalah undang-undang yang dikenakan kepada suatu perkara tertentu.

“Undang-undang tempatan”

42. “Undang-undang tempatan” adalah undang-undang yang hanya dikenakan kepada suatu bahagian tertentu di Negara Brunei Darussalam.

“Menyalahi undang-undang”

43. Perkataan “menyalahi undang-undang” adalah dikenakan kepada tiap-tiap perkara yang menjadi kesalahan, atau yang dilarang oleh undang-undang, atau yang memberi alasan bagi suatu tindakan sivil: dan seseorang itu adalah dikatakan sebagai “terikat di sisi undang-undang untuk melakukan” apa-apa jua yang baginya adalah menyalahi undang-undang untuk meninggalkannya.

“Kcederaaan”

44. Perkataan “kecederaan” bererti apa-apa kerosakan pun yang berlaku dengan menyalahi undang-undang kepada tubuh, minda, nama baik atau harta mana-mana orang.

“Nyawa”

45. Perkataan “nyawa” bererti nyawa seorang manusia, melainkan jika terdapat sebaliknya daripada konteksnya.

“Kematian”

46. Perkataan “kematian” bererti kematian seorang manusia, melainkan jika terdapat sebaliknya daripada konteksnya.

“Haiwan”

47. Perkataan “haiwan” bererti mana-mana makhluk yang bernyawa selain daripada seorang manusia.

“Vesel”

48. Perkataan “vesel” bererti apa-apa jua yang dibina untuk mengangkut manusia atau harta dengan jalan air.

“Tahun, bulan”

49. Apabila perkataan “tahun” atau perkataan “bulan” digunakan, maka hendaklah difahamkan bahawa tahun atau bulan itu akan dihitung mengikut kalender British.

“Bab”

50. Perkataan “bab” bererti salah satu bahagian dalam sesuatu Penggal Kanun ini yang dikenali dengan angka-angka yang dibubuh pada pangkalnya.

“Sumpah”

51. Perkataan “sumpah” termasuk suatu ikrar yang dibuat dengan sesungguhnya yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai ganti sumpah, dan apa-apa pengakuan yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang untuk dibuat di hadapan seorang kakitangan kerajaan, atau untuk digunakan bagi tujuan bukti, sama ada dalam Mahkamah Keadilan atau tidak.

“Suci hati”

52. Tidaklah boleh dikatakan sebagai dilakukan atau dipercayai dengan “suci hati” apa-apa yang dilakukan atau dipercayai tanpa kecermatan dan perhatian yang sewajarnya.

PENGGAL III
HUKUMAN

Hukuman

53. (1) Hukuman yang boleh dikenakan kepada pesalah-pesalah di bawah peruntukan-peruntukan Kanun ini adalah –

- (a) mati;
- (aa) penjara seumur hidup;
- (b) penjara;
- (c) pelucuthakan harta;
- (d) denda;
- (e) sebat, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, perkataan-perkataan “penjara seumur hidup” bermakna penjara selama sisa hayat orang yang dijatuhi hukuman itu.

54. (*Tidak ada bab*).

Meringankan hukuman penjara

55. Dalam setiap kes di mana hukuman mati, atau hukuman penjara bagi sebarang tempoh tidak kurang daripada 7 tahun telah dijatuhkan, Menteri* boleh tanpa persetujuan orang yang dijatuhi hukuman itu meringankan hukuman itu kepada pengusiran sementara atau berkekalan daripada Negara Brunei Darussalam.

56. – 62. (*Tidak ada bab-bab*).

*Dipindahkan daripada Menteri Undang-Undang kepada Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, mulai dari 26hb Julai 1999 — [S 37/1999]

Amaun denda

63. Jika tiada jumlah wang dinyatakan yang sesuatu denda itu boleh sampai, amaun denda yang boleh dikenakan kepada pesalah itu adalah tidak terhad, tetapi tidaklah boleh berlebihan.

64. – 70. (*Tidak ada bab-bab*).

Had hukuman bagi kesalahan yang mengandungi beberapa kesalahan

71. Jika apa-apa jua yang menjadi suatu kesalahan mengandungi bahagian-bahagian, mana-mana satu daripada bahagian-bahagian itu sendirinya menjadi suatu kesalahan, maka pesalah itu tidaklah boleh dihukum dengan hukuman lebih daripada satu atas kesalahan-kesalahan tersebut, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata demikian.

Jika apa-apa jua menjadi suatu kesalahan yang termasuk di bawah dua atau lebih takrifan yang berasingan dalam sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu yang menurutnya kesalahan-kesalahan ditakrifkan atau dihukum, atau jika beberapa perbuatan, satu atau lebih daripada satu perbuatan itu akan dengan sendirinya menjadi suatu kesalahan, apabila disatukan, menjadi suatu kesalahan yang berlainan, maka pesalah itu tidaklah boleh dihukum dengan hukuman yang lebih berat daripada hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah yang membicarakannya bagi mana-mana satu daripada kesalahan-kesalahan itu.

Misalan-misalan

(a) A memukul Z 50 kali dengan sebatang tongkat. Di sini, A mungkin telah melakukan kesalahan kerana menyebabkan cedera dengan sengaja kepada Z dengan kesemua pukulan itu, dan juga dengan setiap pukulan daripada kesemua pukulan itu. Jika A boleh dikenakan hukuman bagi setiap pukulan itu, dia boleh dipenjarakan selama 50 tahun, setahun bagi setiap pukulan; tetapi dia boleh dikenakan hanya satu hukuman sahaja bagi kesemua pukulan itu.

(b) Tetapi jika, semasa A memukul Z, Y masuk campur dan A dengan sengaja memukul Y. Di sini, oleh kerana pukulan yang dikenakan kepada Y itu bukannya sebahagian daripada perbuatan yang A dengan sengaja menyebabkan cedera kepada Z. A boleh dikenakan satu hukuman kerana menyebabkan cedera dengan sengaja kepada Z dan satu hukuman lagi kerana memukul Y.

Hukuman bagi orang yang melakukan satu daripada beberapa kesalahan, tetapi penghakiman menyatakan bahawa adalah diragui yang mana satu daripada kesalahan-kesalahan itu dilakukan

72. Dalam semua kes yang diberikan penghakiman bahawa seseorang itu adalah melakukan satu daripada beberapa kesalahan yang dinyatakan dalam penghakiman itu, tetapi diragui yang mana satu daripada kesalahan-kesalahan itu dilakukannya, pesalah itu hendaklah dihukum atas kesalahan yang ringan sekali hukumannya yang diperuntukkan baginya jika hukuman yang sama tidak diperuntukkan bagi semuanya.

73. – 74. (*Tidak ada bab-bab*).

Hukuman bagi orang yang disabitkan kesalahan yang boleh dihukum dengan 3 tahun penjara, selepas sabitan yang dahulu

75. Barang siapa, setelah disabitkan atas suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh 3 tahun atau lebih di bawah Kanun ini, atau setelah disabitkan di Persekutuan Malaysia atau di Republik Singapura atas suatu kesalahan yang sama jenisnya dengan mananya kesalahan itu, melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh 3 tahun atau lebih, hendaklah bagi tiap-tiap kesalahan yang kemudian itu dikenakan hukuman penjara selama 10 tahun.

PENGGAL IV
KECUALIAN AM

Perbuatan dilakukan oleh orang yang terikat, atau oleh sebab silap faham fakta percaya dirinya terikat, di sisi undang-undang

76. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terikat di sisi undang-undang untuk melakukannya, atau yang, oleh sebab silap faham fakta, dan bukannya oleh sebab silap faham undang-undang, dengan suci hati percaya dirinya terikat di sisi undang-undang untuk melakukannya.

Misalan-misalan

(a) A, seorang soldadu, melepaskan tembakan ke atas sekumpulan perusuh dengan perintah pegawai atasannya menurut perintah undang-undang. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(b) A, seorang pegawai Mahkamah Keadilan, yang diperintahkan oleh Mahkamah itu untuk menangkap Y, dan selepas menjalankan siasatan yang sewajarnya dengan mempercayai Z sebagai Y, menangkap Z. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Perbuatan Hakim apabila bertindak secara kehakiman

77. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang Hakim apabila bertindak secara kehakiman pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang, atau yang dipercayainya dengan suci hati diberikan kepadanya oleh undang-undang.

Perbuatan dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah

78. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah Keadilan atau apa-apa jua yang dibenarkan oleh penghakiman atau perintah Mahkamah Keadilan, jika dilakukan dalam masa penghakiman atau perintah itu masih berjalan kuat kuasanya, walaupun Mahkamah itu mungkin tidak mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan penghakiman atau perintah itu, dengan syarat orang yang melakukan perbuatan itu percaya dengan suci hati bahawa Mahkamah itu mempunyai bidang kuasa itu.

Perbuatan dilakukan oleh orang yang dibenarkan oleh undang-undang atau oleh sebab silap faham fakta percaya dirinya dibenarkan oleh undang-undang

79. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana orang yang dibenarkan oleh undang-undang pada melakukannya, atau oleh mana-mana orang yang oleh sebab silap faham fakta dan bukannya oleh sebab silap faham undang-undang, dengan suci hati percaya dirinya sebagai dibenarkan oleh undang-undang pada melakukannya.

Misalan

A nampak Z melakukan perbuatan yang kelihatan kepada A sebagai kesalahan membunuh orang. A, dengan sebaik-baik perhitungan yang diambilnya dengan suci hati, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada semua orang untuk menangkap orang-orang yang melakukan pembunuhan, menangkap Z dengan tujuan hendak membawa Z ke hadapan pihak-pihak

berkuasa yang berkenaan. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan walaupun mungkin sebenarnya Z bertindak bagi mempertahankan dirinya.

Melakukan dengan tidak sengaja perbuatan yang sah di sisi undang-undang

80. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan malang dan tanpa apa-apa niat atau pengetahuan jenayah, pada melakukan suatu perbuatan yang sah di sisi undang-undang secara yang sah di sisi undang-undang dengan jalan yang sah di sisi undang-undang, dan dengan hemat dan cermat yang sepatutnya.

Misalan

A bekerja dengan sebilah kapak, mata kapak itu terpelanting dan membunuh seorang yang berdiri berdekatan di situ. Di sini, jika tidak ada kurang cermat yang sepatutnya di pihak A, maka perbuatannya itu bolehlah dimaafkan dan tidaklah menjadi kesalahan.

Perbuatan yang mungkin menyebabkan kerosakan, tetapi dilakukan tanpa niat jenayah, dan bagi mencegah kerosakan lain

81. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan semata-mata oleh sebab ia dilakukan dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan kerosakan, jika ia dilakukan tanpa apa-apa niat jenayah hendak menyebabkan kerosakan, dan dengan suci hati bagi maksud mencegah atau mengelakkan kerosakan lain kepada orang atau harta.

Huraian – Adalah menjadi suatu soal fakta dalam hal seperti itu sama ada kerosakan yang hendak dicegah atau dielakkan itu sedemikian keadaannya dan sebegitu hampir akan berlaku hingga boleh mematutkan atau memaafkan risiko bahaya melakukan perbuatan itu dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan kerosakan.

Misalan-misalan

(a) A, kapten sebuah vesel stim, dengan tiba-tiba dan tanpa apa-apa kesalahan atau kecualian di pihaknya, mendapati dirinya dalam keadaan bahawa, sebelum dia dapat memberhentikan veselnnya, dia mesti tidak dapat tidak melanggar sebuah bot B dengan dua puluh atau tiga puluh orang penumpang di dalamnya, melainkan jika dia menukar haluan veselnnya, dan bahawa, dengan menukar haluannya, dia mesti menghadapi risiko bahaya melanggar sebuah bot C dengan hanya dua orang penumpang sahaja di dalamnya, yang dia mungkin boleh mengelakkannya. Di sini, jika A mengubah haluannya tanpa niat hendak melanggar bot C itu dan dengan suci hati bagi maksud hendak mengelakkan bahaya kepada penumpang di dalam bot B itu, dia tidak melakukan suatu kesalahan, walaupun dia mungkin melanggar bot C itu dengan melakukan suatu perbuatan yang diketahuinya

mungkin menyebabkan kejadian itu, sekiranya didapati sebenarnya bahawa bahaya yang dia bermaksud hendak mengelakkannya itu adalah sedemikian keadaannya hingga boleh memaafkannya menghadapi risiko bahaya melanggar bot C itu.

(b) A, dalam suatu kebakaran besar, meruntuhkan rumah-rumah bagi menahan api itu daripada merebak. Dia berbuat demikian dengan niat dengan suci hati hendak menyelamatkan nyawa manusia atau harta. Di sini, sekiranya didapati bahawa kerosakan yang hendak dicegah itu sedemikian keadaannya dan sebegitu hampir akan berlaku hingga boleh memaafkan perbuatan A itu, maka A tidak melakukan suatu kesalahan.

Perbuatan kanak-kanak yang berumur di bawah 7 tahun

82. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak yang berumur di bawah 7 tahun.

Perbuatan kanak-kanak yang berumur lebih daripada 7 tahun tetapi di bawah 12 tahun yang belum cukup akal

83. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak yang berumur lebih daripada 7 tahun tetapi di bawah 12 tahun yang belum cukup akal untuk menimbangkan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu.

Perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal

84. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang, pada masa melakukannya oleh sebab akalnya tidak sempurna, tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu, atau apa yang dilakukannya itu adalah salah atau berlawanan dengan undang-undang.

Bila mabuk menjadi suatu pembelaan

85. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab ini dan dalam bab 86, mabuk tidaklah boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sebarang pertuduhan jenayah.

(2) Mabuk hendaklah menjadi suatu pembelaan terhadap sebarang pertuduhan jenayah jika oleh sebab mabuk orang yang dituduh itu pada waktu perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu tidak tahu bahawa perbuatan atau peninggalan itu salah atau tidak tahu apa yang dilakukannya dan –

- (a) keadaan mabuk itu berlaku tanpa kerelaannya disebabkan oleh perbuatan jahat atau cuai orang lain; atau
- (b) orang yang dituduh itu oleh sebab mabuk, menjadi tidak siuman, buat sementara atau pun selainnya, pada waktu perbuatan atau peninggalan itu.

Kesan pembelaan mabuk apabila dibuktikan

86. (1) Jika pembelaan di bawah bab 85(2) dibuktikan, maka dalam kes yang termasuk di bawah perenggan (a) bab itu, orang yang dituduh itu hendaklah dibebaskan, dan dalam kes yang termasuk di bawah perenggan (b) bab itu, peruntukan-peruntukan bab 84 dan bab-bab 319 dan 320 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) dikenakan.

(2) Mabuk hendaklah diambil kira bagi maksud menentukan sama ada orang yang dituduh itu ada mempunyai apa-apa niat, tertentu atau pun selainnya, yang dengan ketiadaannya dia tidak akan bersalah atas kesalahan itu.

(3) Bagi maksud bab ini dan bab 85, “mabuk” adalah dianggap termasuk suatu keadaan yang disebabkan oleh narkotik atau dadah.

Perbuatan yang tidak diniatkan, dan tidak diketahui sebagai mungkin, menyebabkan kematian atau cedera parah, dilakukan dengan kerelaan

87. Tidaklah apa-apa jua yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian atau cedera parah, dan yang tidak diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kematian atau cedera parah, menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan oleh orang yang melakukannya supaya berlaku, kepada mana-mana orang yang berumur lebih daripada 18 tahun, yang telah memberi kerelaan sama ada nyata atau tersirat, bagi menanggung kerosakan itu; atau oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin berlaku kepada mana-mana orang itu yang telah rela menempuh bahaya kerosakan itu.

Misalan

A dan Z bersetuju bermain pedang antara satu sama lain untuk bersuka-suka. Persetujuan ini membayangkan kerelaan tiap-tiap orang untuk menanggung apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku tanpa melanggar peraturan-peraturan dalam masa bermain pedang itu; dan jika A, semasa bermain dengan sepatutnya, mencederakan Z, maka A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Perbuatan yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, dilakukan dengan kerelaan dengan suci hati untuk faedah seseorang

88. Tidaklah apa-apa jua yang tidak diniatkan bagi menyebabkan kematian, menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan oleh orang yang melakukannya supaya berlaku, atau diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin berlaku, kepada mana-mana orang yang untuk faedahnya ia dilakukan dengan suci hati, dan yang telah memberi kerelaan, sama ada nyata atau tersirat, bagi menanggung kerosakan itu atau menempuh bahaya kerosakan itu.

Misalan

A, seorang doktor bedah, yang mengetahui bahawa suatu pembedahan yang tertentu mungkin menyebabkan kematian Z, yang menderita suatu kesakitan yang amat sangat, menjalankan pembedahan itu ke atas Z dengan kerelaan Z dengan tidak berniat hendak menyebabkan kematian Z, tetapi berniat, dengan suci hati, untuk faedah Z. Maka A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah kanak-kanak atau orang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan penjaga

89. Tidaklah apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang yang berumur di bawah 12 tahun atau yang tidak sempurna akal, oleh atau dengan kerelaan, sama ada nyata atau tersirat, penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaga orang itu, menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan oleh orang yang melakukannya supaya berlaku, atau diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin berlaku, kepada orang itu:

Dengan syarat bahawa kecualian ini tidak termasuk –

- (a) menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan untuk menyebabkan kematian;

- (b) melakukan apa-apa jua yang diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kematian, untuk sebarang tujuan melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera parah, atau menyembuhkan apa-apa penyakit yang teruk atau kelemahan;
- (c) menyebabkan cedera parah dengan sengaja, atau percubaan hendak menyebabkan cedera parah, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera parah, atau menyembuhkan apa-apa penyakit yang teruk atau kelemahan;
- (d) bersubahat melakukan apa-apa kesalahan yang tidak termasuk dalam kecualian ini.

Misalan

A, dengan suci hati untuk faedah anaknya tanpa kerelaan anaknya telah meminta seorang doktor bedah untuk menjalankan pembedahan ke atas anaknya bagi mengeluarkan batu karang, dengan mengetahui bahawa pembedahan itu mungkin akan menyebabkan kematian anaknya itu, tetapi tidak berniat untuk menyebabkan kematian anaknya itu. A adalah termasuk dalam kecualian ini oleh sebab tujuannya ialah hendak menyembuhkan penyakit anaknya itu.

Kerelaan yang diketahui sebagai diberikan dalam keadaan takut atau salah faham dan kerelaan kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal

90. Kerelaan bukanlah suatu kerelaan yang dimaksudkan oleh mana-mana bab Kanun ini jika –

- (a) kerelaan itu diberikan oleh seseorang dalam keadaan takutkan kecederaan atau dalam keadaan salah faham fakta; dan
- (b) orang yang melakukan perbuatan itu mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, bahawa –
 - (i) kerelaan itu telah diberikan oleh sebab ketakutan atau salah faham itu;
 - (ii) kerelaan itu diberikan oleh seseorang yang, oleh sebab akalnya tidak sempurna atau oleh sebab mabuk, tidak boleh memahami keadaan dan akibat daripada apa yang direlakan olehnya; atau
 - (iii) melainkan jika terdapat sebaliknya daripada konteksnya, kerelaan itu diberikan oleh seseorang yang berumur di bawah 12 tahun.

Kecualian bagi perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada kerosakan yang berlaku

91. Kecualian-kecualian dalam bab-bab 87, 88 dan 89 tidak termasuk perbuatan yang sendirinya menjadi kesalahan dengan tidak bergantung kepada sebarang kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan supaya berlaku, atau diketahui mungkin berlaku, kepada orang yang memberi kerelaan itu, atau kepada orang yang bagi pihaknya kerelaan itu diberikan.

Misalan

Menyebabkan keguguran (melainkan jika disebabkan dengan suci hati bagi maksud menyelamatkan nyawa perempuan itu) adalah sendirinya menjadi suatu kesalahan dengan tidak bergantung kepada sebarang kerosakan yang mungkin berlaku, atau diniatkan supaya berlaku, kepada perempuan itu. Oleh yang demikian, menyebabkan keguguran tidaklah menjadi suatu “kesalahan oleh sebab kerosakan itu”, dan adanya kerelaan perempuan itu atau penjaganya bagi menyebabkan keguguran itu tidak bererti membenarkan perbuatan itu.

Perbuatan dilakukan dengan suci hati untuk faedah seseorang tanpa kerelaan

92. Tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku kepada seseorang yang untuk faedahnya apa-apa jua dilakukan dengan suci hati, walaupun tanpa kerelaan orang itu, jika keadaannya adalah sedemikian rupa sehingga orang itu tidak mungkin menyatakan kerelaan, atau jika orang itu tidak dapat memberi kerelaan, dan tidak mempunyai penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaganya yang kerelaan daripadanya mungkin sempat diperolehi bagi perkara itu dilakukan untuk faedahnya:

Dengan syarat bahawa kecualian ini tidak termasuk –

- (a) menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan untuk menyebabkan kematian;
- (b) melakukan apa-apa jua yang diketahui oleh orang yang melakukannya sebagai mungkin menyebabkan kematian, untuk sebarang tujuan melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera parah atau menyembuhkan apa-apa penyakit yang teruk atau kelemahan;

(c) menyebabkan cedera dengan sengaja, atau percubaan hendak menyebabkan cedera, untuk sebarang tujuan melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera;

(d) bersubahat melakukan apa-apa kesalahan yang tidak termasuk dalam kecualian ini.

Misalan-misalan

(a) Z tercampak dari kudanya lalu pengsan. A, seorang doktor bedah, mendapati Z terpaksa ditebus tulang kepalanya. A, yang tidak bermaksud menyebabkan kematian Z, tetapi dengan suci hati, untuk faedah Z, menjalankan tebusan tulang kepala itu sebelum Z sedar daripada pengsan dan boleh membuat pertimbangan sendiri. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(b) Z diheret oleh seekor buaya. A menembak buaya itu dengan mengetahui bahawa tembakan itu mungkin membunuh Z, tetapi tidak bermaksud untuk membunuh Z, dan dengan suci hati bermaksud untuk faedah Z. Tembakan A melukakan Z sehingga menyebabkannya mati. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(c) A, seorang doktor bedah, melihat seorang kanak-kanak ditimpas suatu kemalangan yang mungkin menyebabkan kanak-kanak itu mati melainkan jika suatu pembedahan dijalankan dengan segera. Tiada masa untuk meminta persetujuan daripada penjaga kanak-kanak itu. A yang bermaksud dengan suci hati untuk faedah kanak-kanak itu, menjalankan pembedahan itu dengan tidak menghiraukan permintaan kanak-kanak itu supaya pembedahan itu tidak dijalankan. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

(d) A berada di dalam sebuah rumah yang terbakar, bersama-sama Z, seorang kanak-kanak. Orang-orang di bawah membentangkan sehelai kain selimut. A menjatuhkan kanak-kanak itu dari atas rumah itu, dengan mengetahui bahawa perbuatannya itu mungkin membunuh kanak-kanak itu tetapi tidak bermaksud untuk membunuh kanak-kanak itu, bahkan bermaksud, dengan suci hati, untuk faedah kanak-kanak itu. Di sini, walaupun kanak-kanak itu terbunuh oleh sebab perbuatan menjatuhkannya itu, A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan.

Huraian – Faedah kewangan semata-mata bukanlah faedah dalam makna bab-bab 88, 89 dan 92.

Pemakluman dibuat dengan suci hati

93. Pemakluman yang dibuat dengan suci hati tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa kerosakan kepada orang yang dimaklumkan itu, jika pemakluman itu dibuat untuk faedah orang itu.

Misalan

A, seorang doktor bedah, dengan suci hati, memaklumkan pendapatnya kepada pesakitnya bahawa pesakit itu tidak boleh hidup. Pesakit itu mati oleh sebab terperanjat. A tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, meskipun dia mengetahui bahawa pemakluman itu mungkin menyebabkan kematian pesakit itu.

Perbuatan yang terpaksa dilakukan seseorang oleh sebab ugutan

94. Kecuali kesalahan membunuh orang dan kesalahan-kesalahan di bawah bab 121, yang boleh dihukum mati, tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa melakukannya oleh sebab ugutan, yang, pada masa melakukannya, menyebabkan orang itu membuat tanggapan dengan munasabah bahawa jika dia tidak melakukannya dia akan mati serta-merta:

Dengan syarat, orang yang melakukan perbuatan itu tidak, dengan kemahuannya sendiri, meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu atau oleh sebab suatu tanggapan yang munasabah akan kerosakan kepada dirinya melainkan kematian serta-merta.

Huraian 1 – Seseorang yang, dengan kemahuannya sendiri, atau oleh sebab ugutan akan dipukul, masuk kumpulan perompak, dengan mengetahui watak mereka, tidaklah berhak mendapat faedah dari kecualian ini atas alasan dia telah dipaksa oleh perompak-perompak sekutunya untuk melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang.

Huraian 2 – Seseorang yang ditangkap oleh sekumpulan perompak, dan dipaksa, dengan ugutan kematian serta-merta, supaya melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang – misalnya, seorang tukang besi yang dipaksa mengambil perkakas-perkakasnya dan memecahkan pintu sebuah rumah supaya kumpulan perompak itu dapat masuk dan merompak – adalah berhak mendapat faedah dari kecualian ini.

Perbuatan yang menyebabkan kerosakan ringan

95. Tidaklah menjadi kesalahan oleh sebab apa-apa jua yang menyebabkan, atau bermaksud hendak menyebabkan, atau diketahui mungkin menyebabkan apa-apa kerosakan, jika kerosakan itu adalah begitu ringan hingga seseorang yang berakal dan berperangai biasa tidak akan mengadu kerosakan seperti itu.

Hak Pertahanan Persendirian

Perkara yang dilakukan dalam pertahanan persendirian

96. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian.

Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh dan harta

97. Tiap-tiap orang mempunyai hak, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang terkandung dalam bab 99, untuk mempertahankan –

(a) tubuhnya sendiri, dan tubuh mana-mana orang lain, daripada apa-apa kesalahan yang menyentuh tubuh manusia;

(b) hartanya sendiri atau harta mana-mana orang lain, sama ada harta alih atau harta tak alih, daripada apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan yang termasuk di bawah takrifan mencuri, merompak, khianat atau pencerobohan jenayah, atau yang merupakan cubaan untuk melakukan kesalahan mencuri, merompak, khianat atau pencerobohan jenayah.

Hak pertahanan persendirian daripada perbuatan orang yang tidak sempurna akal dll.

98. Apabila suatu perbuatan yang menjadi kesalahan dilakukan, tidak akan menjadi kesalahan oleh sebab orang yang melakukan perbuatan itu belum cukup umur, belum cukup akal, tidak sempurna akal, atau mabuk, atau oleh sebab dia salah faham, maka tiap-tiap orang mempunyai hak pertahanan persendirian daripada perbuatan itu sama seperti hak yang dipunyainya sekiranya perbuatan itu adalah menjadi kesalahan.

(a) Z, oleh sebab gila, cuba membunuh A. Z tidaklah melakukan apa-apa kesalahan; tetapi A mempunyai hak pertahanan persendirian sama seperti hak yang dipunyainya sekiranya Z tidak gila.

(b) A memasuki sebuah rumah pada waktu malam yang dia berhak di sisi undang-undang untuk memasukinya. Z, dengan suci hati, menyangkakan A seorang pemecah rumah, menyerang A. Di sini, Z, dengan menyerang A dalam keadaan salah faham ini, tidaklah melakukan apa-apa kesalahan; tetapi A mempunyai hak pertahanan persendirian terhadap Z, sama seperti yang dipunyainya sekiranya Z menyerang bukannya dalam keadaan salah faham ini.

Perbuatan yang tiada hak pertahanan persendirian dan setakat mana hak itu boleh dijalankan

99. (1) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian terhadap suatu perbuatan yang tidak menyebabkan dengan munasabah ketakutan akan mati atau cedera parah, jika perbuatan itu dilakukan, atau cuba dilakukan, oleh seorang kakitangan kerajaan yang bertindak dengan suci hati atas alasan jawatannya, meskipun perbuatan itu mungkin benar-benar tidak ada justifikasinya di sisi undang-undang.

(2) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian terhadap suatu perbuatan yang tidak menyebabkan dengan munasabah ketakutan akan mati atau cedera parah, jika perbuatan itu dilakukan, atau cuba dilakukan, menurut arahan seorang kakitangan kerajaan yang bertindak dengan suci hati atas alasan jawatannya, meskipun arahan itu mungkin benar-benar tidak ada justifikasinya di sisi undang-undang.

(3) Tidaklah ada hak pertahanan persendirian dalam hal-hal yang sempat mendapat perlindungan pihak berkuasa awam.

(4) Hak pertahanan persendirian tidak sekali-kali termasuk mengenakan kerosakan yang lebih daripada yang perlu dikenakan bagi maksud pertahanan.

Huraian 1 – Seseorang tidak terlucut hak pertahanan persendirian terhadap suatu perbuatan yang dilakukan atau cuba dilakukan oleh seorang kakitangan kerajaan, sebagai yang demikian, melainkan jika dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang yang melakukan perbuatan itu adalah seorang kakitangan kerajaan.

Huraian 2 – Seseorang tidak terlucut hak pertahanan persendirian terhadap suatu perbuatan yang dilakukan atau cuba dilakukan menurut arahan seorang kakitangan kerajaan melainkan jika dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang yang melakukan perbuatan itu bertindak menurut arahan tersebut, atau melainkan jika orang itu menyatakan kuasa yang membolehkannya bertindak, atau, sekiranya orang itu mempunyai kuasa secara bertulis, melainkan jika dia menunjukkan kuasa itu apabila diminta.

Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian

100. Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh termasuk, di bawah sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 99, menyebabkan kematian dengan sengaja, atau apa-apa kerosakan lain, kepada penyerang itu jika kesalahan yang menyebabkan hak itu dijalankan adalah daripada mana-mana perihalan yang berikut –

- (a) serangan yang mungkin menyebabkan dengan munasabah ketakutan bahawa kematian sebaliknya akan berlaku akibat daripada serangan tersebut;
- (b) serangan yang mungkin menyebabkan dengan munasabah ketakutan bahawa cedera parah sebaliknya akan berlaku akibat daripada serangan tersebut;
- (c) suatu serangan dengan niat hendak melakukan rogol;
- (d) suatu serangan dengan niat hendak memuaskan nafsu luar tabii;
- (e) suatu serangan dengan niat hendak menculik atau mlarikan orang;
- (f) suatu serangan dengan niat hendak mengurung seseorang dengan salah dalam keadaan yang mungkin menyebabkannya dengan munasabah takut bahawa dia tidak akan dapat meminta pertolongan daripada pihak berkuasa awam bagi pembebasannya.

Bila hak pertahanan persendirian termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan selain kematian

101. Jika kesalahan itu bukan daripada mana-mana perihalan yang disenaraikan dalam bab 100, maka hak pertahanan persendirian mengenai tubuh tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja kepada penyerang itu, tetapi termasuk, di bawah sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 99, menyebabkan dengan sengaja kepada penyerang itu apa-apa kerosakan selain kematian.

Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula dan berterusan

102. Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula sebaik sahaja timbul suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya pada tubuh dari sesuatu percubaan atau ugutan hendak melakukan kesalahan itu, walaupun kesalahan itu tidak mungkin dilakukan dan hak itu berterusan selagi ketakutan akan bahaya pada tubuh itu berterusan.

Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta termasuk menyebabkan kematian

103. Hak pertahanan persendirian mengenai harta termasuk, di bawah sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 99, menyebabkan kematian dengan sengaja, atau apa-apa kerosakan lain kepada orang yang berbuat salah itu, jika kesalahan itu, apabila dilakukan, atau cuba dilakukan, menyebabkan hak itu dijalankan, adalah satu kesalahan daripada mana-mana perihalan yang berikut –

- (a) rompakan;
- (b) pecah rumah pada waktu malam;
- (c) khianat dengan api yang dilakukan ke atas mana-mana bangunan, khemah atau vesel, iaitu bangunan, khemah atau vesel yang digunakan sebagai tempat kediaman manusia, atau sebagai tempat menyimpan harta;
- (d) mencuri, khianat atau menceroboh rumah, dalam keadaan yang menyebabkan dengan munasabah ketakutan bahawa kematian atau cedera parah akan berlaku akibat daripadanya, jika hak pertahanan persendirian tersebut tidak dijalankan.

Bila hak pertahanan persendirian termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan selain kematian

104. Jika kesalahan itu, apabila dilakukan, atau cuba dilakukan, menyebabkan hak pertahanan persendirian dijalankan, adalah kesalahan mencuri, khianat atau pencerobohan jenayah, yang bukannya daripada mana-mana perihalan yang disebutkan dalam bab 103, maka hak itu tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja, tetapi termasuk, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang disebutkan dalam bab 99, menyebabkan dengan sengaja kepada orang yang berbuat salah itu apa-apa kerosakan selain kematian.

Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta bermula dan berterusan

105. (1) Hak pertahanan persendirian mengenai harta bermula apabila suatu ketakutan yang munasabah akan bahaya pada harta itu bermula.

(2) Hak pertahanan persendirian mengenai harta terhadap kesalahan mencuri berterusan sehingga pesalah itu telah lepas lari dengan harta itu atau sama ada pertolongan pihak berkuasa awam diperolehi atau harta itu telah didapatkan balik.

(3) Hak pertahanan persendirian mengenai harta terhadap rompakan berterusan selagi pesalah itu menyebabkan atau cuba menyebabkan kematian, kecederaan atau halangan salah kepada mana-mana orang, atau selagi ketakutan akan kematian serta-merta atau halangan diri serta-merta berterusan.

(4) Hak pertahanan persendirian mengenai harta terhadap pencerobohan jenayah atau khianat berterusan selagi pesalah itu terus melakukan pencerobohan jenayah atau khianat.

(5) Hak pertahanan persendirian mengenai harta terhadap pecah rumah pada waktu malam berterusan selagi pencerobohan rumah yang dimulakan dengan pecah rumah itu berterusan.

Hak pertahanan persendirian terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada risiko kerosakan kepada orang yang tidak bersalah

106. Jika, pada menjalankan hak pertahanan persendirian terhadap suatu serangan yang menyebabkan dengan munasabah ketakutan akan mati, orang yang mempertahankan dirinya itu adalah dalam keadaan tidak dapat menjalankan hak itu dengan berkesan tanpa mendatangkan risiko kerosakan kepada seseorang yang tidak bersalah, maka hak pertahanan persendiriannya termasuklah mendatangkan risiko itu.

Misalan

A diserang oleh sekumpulan perusuh yang cuba hendak membunuhnya. Dia tidak dapat menjalankan hak pertahanan persendirinya dengan berkesan tanpa melepaskan tembakan ke atas kumpulan perusuh itu dan dia tidak dapat melepaskan tembakan itu tanpa mendatangkan risiko kerosakan kepada kanak-kanak yang bergaul dalam kumpulan perusuh itu. *A* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan jika dengan melepaskan tembakan itu dia mencederakan mana-mana kanak-kanak itu.

PENGGAL V
SUBAHAT

Menyubahati sesuatu perkara

107. Seseorang bersubahat melakukan sesuatu perkara jika dia –

- (a) menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu; atau
- (b) mengambil bahagian bersama dengan seorang atau beberapa orang lain dalam apa-apa pakatan jahat bagi melakukan perkara itu, jika suatu perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang berlaku menurut pakatan jahat itu dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau
- (c) dengan sengaja membantu melakukan perkara itu dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang.

Huraian 1 – Seseorang yang, dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, atau cuba menyebabkan atau mendapatkan, sesuatu perkara dilakukan, dengan sengaja menyalahnyatakan, atau dengan sengaja menyembunyikan sesuatu fakta material yang dia terikat untuk menyatakannya, adalah dikatakan “menghasut” supaya perkara itu dilakukan.

Misalan

A, seorang pegawai kerajaan, diberi kuasa dengan suatu waran daripada Mahkamah Keadilan untuk menangkap *Z*. *B*, yang mengetahui hal itu, dan juga yang mengetahui bahawa *C* bukannya *Z*, dengan sengaja menyatakan kepada *A* bahawa *C* ialah *Z* dan dengan yang demikian dengan sengaja menyebabkan *A* menangkap *C*. Di sini, *B* bersubahat dalam penangkapan *C* dengan jalan hasutan.

Huraian 2 – Barang siapa, sama ada sebelum, atau pada waktu, suatu perbuatan dilakukan, melakukan apa-apa jua untuk memudahkan perbuatan itu dilakukan, dan dengan yang demikian memudahkan perbuatan itu dilakukan, adalah dikatakan “membantu” melakukan perbuatan itu.

Penyubahat

108. Seseorang adalah menyubahati suatu kesalahan jika dia bersubahat melakukan suatu kesalahan, atau bersubahat melakukan suatu perbuatan yang akan menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan suatu kesalahan, dengan niat atau pengetahuan yang sama dengan niat atau pengetahuan penyubahat itu.

Huraian 1 – Menyubahati suatu perbuatan yang ditinggalkan dengan menyalahi undang-undang boleh terjumlah kepada suatu kesalahan sungguhpun penyubahat itu sendiri tidak terikat untuk melakukan perbuatan itu.

Huraian 2 – Bagi menjadikan kesalahan subahat, maka tidaklah perlu supaya perbuatan yang disubahati itu dilakukan, atau supaya kejadian yang diperlukan bagi menjadikan kesalahan itu berlaku.

Misalan-misalan

(a) *A menghasut B supaya membunuh C. B enggan melakukannya. A adalah melakukan kesalahan kerana bersubahat dengan B supaya melakukan kesalahan membunuh orang.*

(b) *A menghasut B supaya membunuh D. B menurut hasutan itu menikam D. D sembah daripada lukanya. A adalah melakukan kesalahan kerana menghasut B supaya melakukan kesalahan membunuh orang.*

Huraian 3 – Tidaklah perlu supaya orang yang disubahati itu berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan suatu kesalahan, atau supaya dia mempunyai niat atau pengetahuan salah yang sama dengan niat atau pengetahuan salah penyubahat itu, atau mempunyai apa-apa niat atau pengetahuan salah.

Misalan-misalan

(a) A, dengan niat salah, bersubahat dengan seorang kanak-kanak atau orang bercelaru mental supaya melakukan suatu perbuatan yang akan menjadi suatu kesalahan, sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan suatu kesalahan, dan mempunyai niat yang sama dengan A. Di sini, sama ada perbuatan itu dilakukan atau tidak, A adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati suatu kesalahan.

[S 25/2014]

(b) A, dengan niat hendak membunuh Z menghasut B, seorang kanak-kanak yang berumur di bawah 7 tahun, supaya melakukan suatu perbuatan yang menyebabkan kematian Z. Oleh sebab subahat itu, B melakukan perbuatan itu semasa A tiada dan dengan yang demikian menyebabkan kematian Z. Di sini, walaupun B tidak berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan suatu kesalahan, A, boleh dihukum sama seperti seolah-olah B berupaya di sisi undang-undang untuk melakukan suatu kesalahan, dan telah melakukan kesalahan membunuh orang, dan oleh sebab itu A boleh dikenakan hukuman mati.

(c) A menghasut B supaya membakar sebuah rumah kediaman. B, oleh sebab tidak sempurna akal dan dia tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu, atau bahawa apa yang dilakukannya itu adalah salah atau berlawanan dengan undang-undang, membakar rumah itu oleh sebab hasutan A. B tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, tetapi A adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan membakar sebuah rumah kediaman, dan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(d) A, yang bermaksud hendak menyebabkan kesalahan mencuri dilakukan, menghasut B supaya mengambil harta yang dipunyai oleh Z daripada milik Z. A mendorong B untuk mempercayai bahawa harta itu adalah dipunyai oleh A. B mengambil harta itu daripada milik Z, dengan suci hati, mempercayainya sebagai harta A. B, yang bertindak di bawah salah faham ini, tidak mengambil harta itu secara tidak jujur dan oleh sebab itu tidaklah melakukan kesalahan mencuri; tetapi A adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan mencuri dan boleh dikenakan hukuman yang sama seolah-olah B telah melakukan kesalahan mencuri itu.

Huraian 4 – Oleh kerana menyubahati sesuatu kesalahan adalah suatu kesalahan maka menyubahati subahat itu adalah juga suatu kesalahan.

Misalan

A menghasut B supaya menghasut C untuk membunuh Z. B dengan yang demikian menghasut C supaya membunuh Z dan C melakukan kesalahan itu oleh sebab hasutan B. B boleh dihukum bagi kesalahannya dengan hukuman kerana kesalahan membunuh orang; dan, oleh sebab A menghasut B untuk melakukan kesalahan itu, maka A juga boleh dikenakan hukuman yang sama.

Huraian 5 – Tidaklah perlu bagi melakukan kesalahan subahat dengan jalan pakatan jahat bahawa penyubahat itu menyertai kesalahan itu bersama orang yang melakukannya. Memadailah jika dia mengambil bahagian dalam pakatan jahat itu dan kesalahan itu dilakukan menurut pakatan jahat itu.

Misalan

A menyertai B dalam suatu rancangan untuk meracun Z. Adalah dipersetujui bahawa A akan memberi racun itu. B kemudiannya menghuraikan rancangan itu kepada C, dengan menyebut bahawa orang lain akan memberi racun itu, tetapi tidak menyebut nama A. C bersetuju mendapatkan racun itu, lalu mendapatkan dan menyerahkannya kepada B bagi tujuan untuk digunakan dengan cara yang telah dihuraikan itu. A memberi racun itu. Akibatnya Z mati. Di sini, walaupun A dan C tidak berpaktat jahat bersama-sama, akan tetapi C telah mengambil bahagian dalam pakatan jahat itu dan Z telah dibunuh menurut pakatan jahat itu. Oleh sebab itu, C telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini dan boleh dikenakan hukuman kerana kesalahan membunuh orang.

Menyubahati di Negara Brunei Darussalam kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam

108A. Seseorang adalah menyubahati suatu kesalahan, dalam makna Kanun ini, jika –

- (a) dia, di dalam Negara Brunei Darussalam, menyubahati apa-apa perbuatan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam; atau
- (b) dia, di luar Negara Brunei Darussalam, menyubahati apa-apa perbuatan yang dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam jika perbuatan itu akan menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

Misalan

A, di Negara Brunei Darussalam, menghasut B, orang asing di Singapura, untuk melakukan kesalahan membunuh orang di Singapura. A adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan membunuh orang.

Hukuman bagi subahat jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat dan jika tiada peruntukan yang nyata dibuat bagi hukumannya

109. Barang siapa menyubahati apa-apa kesalahan hendaklah, jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan oleh sebab subahat itu dan tiada peruntukan yang nyata dibuat oleh Kanun ini berkenaan dengan hukuman bagi subahat itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Huraian – Suatu perbuatan atau kesalahan adalah dikatakan sebagai dilakukan oleh sebab subahat apabila perbuatan atau kesalahan itu dilakukan oleh sebab hasutan, atau menurut pakatan jahat, atau dengan bantuan yang menjadi subahat itu.

Misalan-misalan

(a) A memberi rasuah kepada B, seorang kakitangan kerajaan sebagai ganjaran kerana menunjukkan pilih kasih kepada A semasa B menjalankan tugas-tugas rasminya. B menerima rasuah itu. A telah menyubahati kesalahan yang ditakrifkan dalam bab 161.

(b) A menghasut B supaya memberi keterangan palsu. B, oleh sebab hasutan itu melakukan kesalahan tersebut. A adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang sama seperti B.

(c) A dan B berpaktat jahat hendak meracun Z. A, menurut pakatan jahat itu mendapatkan racun lalu menyerahkannya kepada B supaya dia boleh memberikannya kepada Z. B, menurut pakatan jahat itu memberi racun itu kepada Z semasa A tiada dan dengan yang demikian menyebabkan kematian Z. Di sini, B adalah melakukan kesalahan membunuh orang. A adalah melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan itu dengan jalan pakatan jahat dan boleh dikenakan hukuman kerana kesalahan membunuh orang.

Hukuman bagi subahat jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan dengan niat yang lain daripada niat penyubahat

110. Barang siapa bersubahat melakukan suatu kesalahan hendaklah, jika orang yang disubahati itu melakukan perbuatan itu dengan niat atau pengetahuan yang lain daripada niat atau pengetahuan penyubahat itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan yang mungkin telah dilakukan sekiranya perbuatan itu telah dilakukan dengan niat atau pengetahuan penyubahat itu tetapi tidak dengan apa-apa niat atau pengetahuan lain.

Tanggungan penyubahat apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan

111. Apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan, penyubahat itu adalah bertanggungan kerana perbuatan yang dilakukan itu, dengan cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia telah menyubahatinya secara langsung:

Dengan syarat bahawa perbuatan yang dilakukan itu adalah akibat yang mungkin berlaku dari subahat itu, dan telah dilakukan di bawah pengaruh hasutan, atau dengan bantuan atau menurut pakatan jahat yang menjadi subahat itu.

Misalan-misalan

(a) A menghasut seorang kanak-kanak supaya memasukkan racun ke dalam makanan Z dan memberi racun kepadanya bagi maksud itu. Kanak-kanak itu, oleh sebab hasutan itu, tersilap masukkan racun itu ke dalam makanan Y, yang ada di sebelah makanan Z. Di sini, jika kanak-kanak itu telah bertindak di bawah pengaruh hasutan A dan perbuatan yang dilakukan itu adalah akibat kejadian yang mungkin berlaku dari subahat itu, maka A adalah bertanggungan dengan cara yang

sama dan setakat yang sama seolah-olah *A* telah menghasut kanak-kanak itu supaya memasukkan racun itu ke dalam makanan *Y*.

(b) *A* menghasut *B* supaya membakar rumah *Z*. *B* membakar rumah itu dan juga mencuri harta di situ. *A*, walaupun melakukan kesalahan kerana menyubahati pembakaran rumah itu, tidak melakukan kesalahan kerana menyubahati kesalahan mencuri itu; kerana mencuri itu adalah suatu perbuatan yang berlainan dan bukan akibat yang mungkin berlaku dari pembakaran itu.

(c) *A* menghasut *B* dan *C* supaya memecah masuk ke dalam sebuah rumah yang didiami pada tengah malam bagi maksud merompak dan memberikan kepada mereka senjata-senjata bagi maksud itu. *B* dan *C* memecah masuk ke dalam rumah itu, dan oleh sebab ditentang oleh *Z*, salah seorang penghuni rumah itu, mereka membunuh *Z*. Di sini, jika kesalahan membunuh orang itu adalah akibat yang mungkin berlaku dari subahati itu, maka *A* boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan membunuh orang.

Bila penyubahat boleh dikenakan hukuman tambahan kerana perbuatan yang disubahati dan kerana perbuatan yang dilakukan

112. Jika perbuatan yang penyubahat itu bertanggungan di bawah bab 111 dilakukan di samping perbuatan yang disubahati itu, dan menjadi suatu kesalahan yang berlainan, maka penyubahat itu boleh dikenakan hukuman bagi tiap-tiap satu kesalahan itu.

Misalan

A menghasut *B* supaya menentang dengan kekerasan tahanan harta yang dibuat oleh seorang kakitangan kerajaan. Akibatnya, *B* menentang tahanan harta itu. Dalam memberikan tentangan, *B* dengan sengaja menyebabkan cedera parah kepada pegawai yang melaksanakan tahanan harta itu. Oleh kerana *B* telah melakukan kesalahan menentang tahanan harta itu dan juga kesalahan menyebabkan dengan sengaja cedera parah itu, *B* boleh dikenakan hukuman bagi kedua-dua kesalahan itu; dan jika *A* mengetahui bahawa *B* mungkin menyebabkan dengan sengaja cedera parah dalam menentang tahanan harta itu, maka *A* akan juga dikenakan hukuman bagi tiap-tiap satu kesalahan itu.

Tanggungan penyubahat kerana kejadian yang disebabkan oleh perbuatan yang disubahati itu lain daripada yang dimaksudkan oleh penyubahat

113. Apabila suatu perbuatan disubahati dengan niat pada pihak penyubahat itu hendak menyebabkan suatu kejadian yang tertentu, dan suatu perbuatan yang penyubahat itu bertanggungan oleh sebab subahati itu menyebabkan suatu kejadian yang lain daripada yang dimaksudkan oleh penyubahat itu, maka penyubahat itu adalah bertanggungan kerana kejadian yang berlaku itu dengan cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia telah menyubahati perbuatan itu dengan niat hendak menyebabkan kejadian itu, dengan syarat dia mengetahui bahawa perbuatan yang disubahati itu mungkin menyebabkan kejadian tersebut.

Misalan

A menghasut B supaya menyebabkan cedera parah kepada Z. B, oleh sebab hasutan itu, menyebabkan cedera parah kepada Z. Z mati akibatnya. Di sini, jika A mengetahui bahawa cedera parah yang disubahati itu mungkin menyebabkan kematian, maka A boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan membunuh orang.

Penyubahat hadir pada masa kesalahan dilakukan

114. Apabila mana-mana orang yang, sekiranya tidak hadir, boleh dikenakan hukuman sebagai seorang penyubahat, hadir pada masa perbuatan atau kesalahan yang dia boleh dihukum oleh sebab subahat itu dilakukan, maka dia hendaklah dianggap telah melakukan perbuatan atau kesalahan itu.

Menyubahati kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara selama 15 tahun

115. Barang siapa bersubahat melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara selama 15 tahun hendaklah, jika kesalahan itu tidak dilakukan oleh sebab subahat itu dan tiada apa-apa peruntukan yang nyata dibuat oleh Kanun ini berkenaan dengan hukuman bagi subahat itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Jika apa-apa perbuatan yang penyubahat itu bertanggungan oleh sebab subahat itu dan yang menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang, dilakukan, maka penyubahat itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 14 tahun dan denda.

Misalan

A menghasut B supaya membunuh Z. Kesalahan itu tidak dilakukan. Sekiranya B telah membunuh Z, dia mungkin boleh dikenakan hukuman mati. Oleh sebab itu, A boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan juga denda; dan jika apa-apa kecederaan dilakukan ke atas Z oleh sebab subahat itu, maka dia boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 14 tahun dan denda.

Menyubahati kesalahan yang boleh dihukum penjara jika kesalahan tidak dilakukan

116. Barang siapa menyubahati suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara hendaklah, jika kesalahan itu tidak dilakukan oleh sebab subahat itu dan tiada apa-apa peruntukan yang nyata dibuat oleh Kanun ini berkenaan dengan hukuman bagi subahat itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

Dan jika penyubahat itu atau orang yang disubahati itu adalah seorang kakitangan kerajaan, yang kewajipannya adalah untuk mencegah berlakunya kesalahan itu, maka penyubahat itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi separuh daripada tempoh yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

Misalan-misalan

(a) A memberi rasuah kepada B, seorang kakitangan kerajaan, sebagai ganjaran kerana menunjukkan pilih kasih kepada A semasa B menjalankan tugas-tugas rasminya. B enggan menerima rasuah itu. A boleh dihukum di bawah bab ini.

(b) A menghasut B supaya memberi keterangan palsu. Di sini, walaupun B tidak memberi keterangan palsu, A walau bagaimanapun telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini dan boleh dihukum dengan sewajarnya.

(c) A, seorang pegawai polis, yang kewajipannya adalah untuk mencegah rompakan, menyubahati rompakan dilakukan. Di sini, walaupun rompakan itu tidak dilakukan, A boleh dikenakan separuh daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu dan juga denda.

(d) B menyubahati suatu rompakan yang dilakukan oleh A, seorang pegawai polis, yang kewajipannya adalah untuk mencegah kesalahan itu. Di sini, walaupun rompakan itu tidak dilakukan, B boleh dikenakan separuh daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan merompak dan juga denda.

Menyubahati kesalahan yang dilakukan oleh orang ramai atau oleh lebih daripada sepuluh orang

117. Barang siapa menyubahati apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang ramai pada amnya, atau oleh sebilangan atau segolongan orang melebihi sepuluh, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Misalan

A menampalkan di suatu tempat awam sekeping pelekat, yang menghasut suatu mazhab yang terdiri daripada lebih 10 orang ahli, supaya bertemu pada masa dan di tempat tertentu bagi maksud hendak menyerang ahli-ahli suatu mazhab yang berlainan ketika mereka mengadakan suatu perarakan. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara

118. Barang siapa yang bermaksud hendak memudahkan, atau yang mengetahuinya kemungkinan dia dengan yang demikian akan memudahkan, berlakunya suatu kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara selama 15 tahun, dengan sengaja menyembunyikan, dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang, adanya suatu rancangan hendak melakukan kesalahan itu, atau membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu berkenaan dengan rancangan itu, hendaklah –

- (a) jika kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun; atau
- (b) jika kesalahan itu tidak dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun,

dan dalam salah satu hal, hendaklah juga dikenakan denda.

Misalan

A, yang mengetahui bahawa suatu rompakan berkumpulan hampir akan dilakukan di *B*, dengan salah memberitahu Majistret bahawa suatu rompakan berkumpulan hampir akan dilakukan di *C*, suatu tempat di arah yang bertentangan, dan dengan yang demikian mengelirukan Majistret dengan niat hendak memudahkan kesalahan itu dilakukan. Rompakan berkumpulan itu dilakukan di *B* menurut rancangan itu. *A* boleh dihukum di bawah bab ini.

Kakitangan kerajaan menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang dia berkewajipan untuk mencegahnya

119. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, yang bermaksud hendak memudahkan atau yang mengetahuinya kemungkinan dia dengan yang demikian akan memudahkan suatu kesalahan dilakukan yang dia berkewajipan sebagai kakitangan kerajaan itu untuk mencegahnya, dengan sengaja menyembunyikan, dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang, adanya suatu rancangan hendak melakukan kesalahan itu, atau membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu berkenaan dengan rancangan itu, hendaklah –

- (a) jika kesalahan itu dilakukan, dihukum –
 - (i) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi separuh daripada tempoh hukuman penjara itu yang paling lama, denda

- sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali; atau
- (ii) jika kesalahan itu boleh dihukum mati atau penjara selama 15 tahun, penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 10 tahun; atau
- (b) jika kesalahan itu tidak dilakukan, dihukum dengan apa-apa perihalan hukuman penjara yang diperuntukkan bagi kesalahan itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh hukuman penjara itu yang paling lama, denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

Misalan

A, seorang pegawai polis yang terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat mengenai segala rancangan hendak melakukan rompakan yang mungkin sampai ke pengetahuannya dan mengetahui bahawa *B* merancang hendak melakukan rompakan, meninggalkan daripada memberikan maklumat tersebut, dengan niat hendak memudahkan kesalahan itu dilakukan. Di sini, *A*, telah dengan suatu peninggalan yang menyalahi undang-undang menyembunyikan adanya rancangan *B* itu dan boleh dihukum menurut peruntukan-peruntukan bab ini.

Menyembunyikan rancangan hendak melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara

120. Barang siapa, yang bermaksud hendak memudahkan atau yang mengetahuinya kemungkinan dia dengan yang demikian akan memudahkan suatu kesalahan dilakukan yang

boleh dihukum penjara, dengan sengaja menyembunyikan, dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang, adanya suatu rancangan hendak melakukan kesalahan itu, atau membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya, sebagai palsu berkenaan dengan rancangan itu, hendaklah –

- (a) jika kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat; dan
- (b) jika kesalahan itu tidak dilakukan, satu perlapan daripada tempoh hukuman penjara itu yang paling lama, denda sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau kedua-duanya sekali.

PENGGAL VA
PAKATAN JAHAT JENAYAH

Takrifan pakatan jahat jenayah

120A. Apabila dua orang atau lebih bersetuju melakukan atau menyebabkan supaya dilakukan –

- (a) suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang; atau
- (b) suatu perbuatan yang tidak menyalahi undang-undang dengan cara yang menyalahi undang-undang,

persetujuan tersebut dinamakan suatu “pakatan jahat jenayah”:

Dengan syarat bahawa persetujuan kecuali persetujuan untuk melakukan suatu kesalahan tidaklah terjumliah kepada suatu pakatan jahat jenayah melainkan jika sesuatu perbuatan selain daripada persetujuan itu dilakukan oleh satu pihak atau lebih kepada persetujuan itu menurut persetujuan itu.

Huraian – Tidaklah material sama ada perbuatan yang menyalahi undang-undang itu adalah tujuan muktamad persetujuan itu, atau semata-mata bersampingan dengan tujuan itu.

Hukuman bagi pakatan jahat jenayah

120B. (1) Barang siapa menjadi suatu pihak dalam suatu pakatan jahat jenayah untuk melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum mati, atau penjara selama tempoh 2 tahun

atau lebih, hendaklah, jika tiada peruntukan yang nyata dibuat dalam Kanun ini bagi hukuman pakatan jahat itu, dihukum sama seperti seolah-olah dia telah menyubahati kesalahan tersebut.

(2) Barang siapa menjadi suatu pihak dalam suatu pakatan jahat jenayah selain daripada pakatan jahat jenayah untuk melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum sebagaimana yang tersebut di atas hendaklah dihukum penjara selama 10 tahun dan denda.

PENGGAL VI
KESALAHAN TERHADAP NEGARA

Berperang atau cuba berperang, atau menyubahati perang menentang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

121. Barang siapa berperang atau cuba berperang, atau menyubahati perang menentang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah dihukum mati atau penjara seumur hidup.

Misalan

A menyertai pemberontakan menentang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Pakatan jahat untuk melakukan kesalahan yang boleh dihukum menurut bab 121

121A. Barang siapa, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, berpakat jahat untuk melakukan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum menurut bab 121, atau melucutkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan daripada kedaulatan Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana bahagiannya, atau berpakat jahat untuk menakutkan Kerajaan, dengan menggunakan kekerasan jenayah atau dengan menunjukkan kekerasan jenayah, hendaklah dihukum penjara seumur hidup.

Huraian – Untuk menjadikan suatu pakatan jahat di bawah bab ini, tidaklah perlu supaya apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang berlaku menurut pakatan jahat itu.

Mengumpulkan senjata dll. dengan niat hendak berperang menentang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

122. Barang siapa mengumpulkan orang, senjata atau peluru atau pun selainnya bersiap untuk berperang, dengan niat sama ada hendak berperang, atau bersiap untuk berperang menentang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Menyembunyikan dengan niat hendak memudahkan rancangan untuk berperang

123. Barang siapa dengan apa-apa perbuatan, atau dengan apa-apa peninggalan yang menyalahi undang-undang, menyembunyikan adanya suatu rancangan untuk berperang menentang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan maksud dengan penyembunyian itu hendak memudahkan, atau dengan mengetahuinya kemungkinan penyembunyian itu akan memudahkan, pererangan itu dilancarkan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

124. – 124A. (*Tidak ada bab-bab*).

125. – 130. (*Tidak ada bab-bab*).

PENGGAL VII

KESALAHAN BERKENAAN DENGAN ANGKATAN TENTERA DARAT, LAUT,
UDARA DAN PASUKAN POLIS

Menyubahati pemberontakan untuk menyesatkan soldadu dll. daripada kewajipannya

131. Barang siapa menyubahati pemberontakan yang dilakukan oleh seorang pegawai atau konstabel dalam Pasukan Polis Diraja Brunei atau oleh seorang pegawai, soldadu, kelasi atau askar udara dalam angkatan bersenjata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau cuba menyesatkan mana-mana orang itu daripada taat setianya atau kewajipannya hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Huraian – Dalam bab ini, “pegawai” termasuk seorang pegawai bertauliahan, seorang pegawai tidak bertauliahan dan seorang pegawai waran.

Menyubahati pemberontakan, jika pemberontakan dilakukan oleh sebab subahat itu

132. Barang siapa menyubahati pemberontakan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 131 hendaklah, jika pemberontakan dilakukan oleh sebab subahat itu, dihukum mati, atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Menyubahati serangan yang dilakukan oleh soldadu dll. ke atas pegawai atasannya semasa melaksanakan tugasnya

133. Barang siapa menyubahati suatu serangan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 131 ke atas mana-mana pegawai atasannya yang sedang melaksanakan tugasnya hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Menyubahati serangan jika serangan itu dilakukan

134. Barang siapa menyubahati suatu serangan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 131 ke atas mana-mana pegawai atasannya yang sedang melaksanakan tugasnya hendaklah, jika serangan itu dilakukan oleh sebab subahat itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Menyubahati tinggal tugas

135. Barang siapa menyubahati tinggal tugas yang dilakukan oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 131 hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Melindungi peninggal tugas

136. Barang siapa, kecuali sebagaimana yang dikecualikan selepas ini, yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 131 telah meninggalkan tugas, melindungi orang itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Kecualian – Peruntukan ini tidak termasuk kes jika perlindungan diberikan oleh seorang isteri kepada suaminya.

Peninggal tugas bersembunyi di dalam vesel dagangan kerana kecuaian juragan

137. Juragan atau orang yang menjaga sebuah vesel dagangan, yang di dalamnya mana-mana peninggal tugas daripada Pasukan Polis Diraja Brunei atau daripada angkatan bersenjata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bersembunyi, hendaklah, walaupun dia tidak tahu apa-apa tentang

persembunyian itu, dikenakan penalti sebanyak \$4,000, sekiranya dia mungkin telah mengetahui akan persembunyian itu kalaulah tidak kerana sesuatu kecuaian dalam kewajipannya sebagai juragan atau orang yang menjaga vesel itu, atau kalaulah tidak kerana sesuatu kekurangan disiplin di dalam vesel itu.

Menyubahati perbuatan ingkar perintah oleh soldadu dll.

138. Barang siapa menyubahati apa yang diketahuinya sebagai suatu perbuatan ingkar perintah oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 131 hendaklah, jika perbuatan ingkar perintah itu dilakukan oleh sebab subahat itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau kedua-duanya sekali.

139. (*Tidak ada bab*).

Memakai pakaian atau membawa tanda yang digunakan oleh soldadu dll.

140. Barang siapa –

(a) yang bukan seorang pegawai atau konstabel dalam Pasukan Polis Diraja Brunei, memakai apa-apa pakaian atau membawa apa-apa tanda yang digunakan oleh pegawai atau konstabel itu; atau

(b) yang bukan seorang pegawai, atau soldadu, kelasi atau askar udara dalam angkatan bersenjata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, memakai apa-apa pakaian atau membawa apa-apa tanda yang menyerupai apa-apa pakaian atau tanda yang digunakan oleh pegawai atau konstabel itu, atau oleh pegawai atau soldadu, kelasi atau askar udara itu, mengikut mana yang berkenaan,

dengan niat supaya mungkin dipercayai bahawa dia adalah pegawai atau konstabel itu, atau pegawai atau soldadu, kelasi atau askar udara itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

PENGGAL VIII
KESALAHAN TERHADAP KETENANGAN AWAM

Perhimpunan yang menyalahi undang-undang

141. Perhimpunan seramai lima orang atau lebih adalah dinamakan “perhimpunan yang menyalahi undang-undang” jika tujuan bersama orang-orang yang membentuk perhimpunan itu adalah –

- (a) untuk menakutkan, dengan kekerasan jenayah atau dengan menunjukkan kekerasan jenayah, Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana kakitangan kerajaan pada menjalankan kuasanya yang sah;
- (b) untuk menentang pelaksanaan sebarang undang-undang atau apa-apa proses undang-undang;
- (c) untuk melakukan sebarang khianat, pencerobohan jenayah atau kesalahan lain;
- (d) dengan menggunakan kekerasan jenayah, atau dengan menunjukkan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, untuk mengambil milik atau mendapat milik apa-apa harta, atau untuk melucutkan mana-mana orang daripada menikmati hak lalu-lalang, atau hak menggunakan air atau hak tak zahir lain yang dimiliki atau dinikmatinya, atau untuk menguatkuasakan apa-apa hak atau hak yang disangkakan ada; atau
- (e) dengan menggunakan kekerasan jenayah, atau dengan menunjukkan kekerasan jenayah, untuk memaksa mana-mana orang supaya melakukan sesuatu yang dia tidak terikat di sisi undang-undang untuk melakukannya, atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu yang dia berhak di sisi undang-undang untuk melakukannya.

Huraian – Perhimpunan yang tidak menyalahi undang-undang apabila berhimpun boleh kemudiannya menjadi perhimpunan yang menyalahi undang-undang.

Anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang

142. Barang siapa, yang mengetahui hal-hal yang menjadikan mana-mana perhimpunan itu perhimpunan yang menyalahi undang-undang, dengan sengaja menyertai perhimpunan

itu, atau terus berada dalam perhimpunan itu, adalah dikatakan menjadi seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang.

Hukuman

143. Barang siapa menjadi seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang dengan bersenjatakan senjata maut

144. Barang siapa, yang bersenjatakan dengan apa-apa senjata maut, atau apa-apa benda yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian, menjadi seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Menyertai atau terus berada dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang, dengan mengetahui perhimpunan itu telah diperintahkan bersurai

145. Barang siapa menyertai atau terus berada dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang, dengan mengetahui bahawa perhimpunan yang menyalahi undang-undang itu telah diperintahkan bersurai mengikut cara yang ditetapkan oleh undang-undang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Merusuhs

146. Apabila kekerasan atau kekejaman digunakan oleh perhimpunan yang menyalahi undang-undang, atau oleh mana-mana anggotanya, dalam menjalankan tujuan bersama perhimpunan itu, setiap anggota perhimpunan itu adalah melakukan kesalahan merusuhs.

Hukuman kerana merusuhs

147. Barang siapa melakukan kesalahan merusuhs hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 5 tahun dan denda.

Merusuh, dengan bersenjatakan senjata maut

148. Barang siapa melakukan kesalahan merusuh, dengan bersenjatakan suatu senjata maut atau apa-apa benda yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Setiap anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang melakukan kesalahan yang dilakukan pada menjalankan tujuan bersama

149. Jika suatu kesalahan dilakukan oleh mana-mana anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang pada menjalankan tujuan bersama perhimpunan itu, atau sebagaimana yang diketahui oleh anggota-anggota perhimpunan itu sebagai mungkin dilakukan pada menjalankan tujuan itu, setiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, menjadi anggota perhimpunan itu, adalah melakukan kesalahan itu.

Mengupah, atau membiarkan orang diupah supaya menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang

150. Barang siapa mengupah, mengguna khidmat, menggaji, menggalakkan atau membiarkan mana-mana orang diupah, diguna khidmat atau digaji supaya menyertai atau menjadi seorang anggota mana-mana perhimpunan yang menyalahi undang-undang boleh dihukum sebagai seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang itu, dan kerana apa-apa kesalahan yang mungkin dilakukan oleh mana-mana orang itu sebagai seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang itu oleh sebab diupah, diguna khidmat atau digaji itu, sama seperti seolah-olah dia adalah seorang anggota perhimpunan yang menyalahi undang-undang itu, atau sama seperti seolah-olah dia sendiri telah melakukan kesalahan itu.

Dengan mengetahui menyertai atau terus berada dalam perhimpunan seramai lima orang atau lebih selepas perhimpunan itu diperintahkan bersurai

151. Barang siapa dengan mengetahui menyertai atau terus berada dalam mana-mana perhimpunan seramai lima orang atau lebih yang mungkin menyebabkan gangguan kepada keamanan awam selepas perhimpunan itu diperintahkan secara sah di sisi undang-undang

supaya bersurai hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau kedua-duanya sekali.

Huraian – Jika perhimpunan itu adalah perhimpunan yang menyalahi undang-undang dalam makna bab 141, pesalah itu boleh dihukum di bawah bab 145.

Menyerang atau menghalang kakitangan kerajaan semasa menumpaskan rusuhan dll.

152. Barang siapa –

(a) menyerang atau mengugut hendak menyerang, atau menghalang atau cuba menghalang, mana-mana kakitangan kerajaan dalam menjalankan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu yang berusaha menyuraikan perhimpunan yang menyalahi undang-undang, atau menumpaskan rusuhan atau pergaduhan; atau

(b) menggunakan, atau mengugut atau cuba menggunakan, kekerasan jenayah terhadap kakitangan kerajaan itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Sewenang-wenangnya mendatangkan bangkitan marah dengan niat hendak menyebabkan rusuhan

153. Barang siapa dengan jahatnya atau sewenang-wenangnya dengan melakukan apa-apa jua yang menyalahi undang-undang mendatangkan bangkitan marah kepada mana-mana orang, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan bangkitan marah itu akan menyebabkan kesalahan merusuh dilakukan, hendaklah –

(a) jika kesalahan merusuh itu dilakukan oleh sebab bangkitan marah itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali; dan

(b) jika kesalahan merusuh itu tidak dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebih satu tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menggalakkan permusuhan antara golongan

153A. Barang siapa dengan perkataan, sama ada percakapan atau bertulis, atau dengan isyarat, atau dengan gambaran yang boleh dilihat, atau pun selainnya, menggalakkan atau cuba menggalakkan perasaan permusuhan atau benci antara golongan rakyat Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berlainan di Negara Brunei Darussalam hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Huraian – Tidaklah terjumliah kepada suatu kesalahan dalam makna bab ini untuk menyatakan, tanpa niat jahat dan dengan pandangan jujur bagi penghapusannya, perkara-perkara yang mendatangkan, atau mempunyai kecenderungan untuk mendatangkan, perasaan permusuhan atau benci antara golongan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berlainan di Negara Brunei Darussalam.

Pemilik atau penghuni tanah di mana perhimpunan yang menyalahi undang-undang diadakan

154. Apabila mana-mana perhimpunan yang menyalahi undang-undang atau rusuhan berlaku, pemilik atau penghuni tanah di mana perhimpunan yang menyalahi undang-undang itu diadakan, atau rusuhan itu dilakukan, dan mana-mana orang yang mempunyai atau menuntut suatu kepentingan ke atas tanah itu, hendaklah dihukum dengan denda tidak melebihi \$4,000 jika dia atau ejennya atau pengurusnya, dengan mengetahui bahawa kesalahan itu sedang atau telah dilakukan, atau mempunyai sebab untuk mempercayai kesalahan itu mungkin dilakukan, tidak –

- (a) memberitahu hal itu seawal yang dia atau mereka terdaya memberitahunya kepada pegawai utama di balai polis yang berdekatan;
- (b) sekiranya dia atau mereka yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kesalahan itu hampir hendak dilakukan, menggunakan segala cara yang sah di sisi undang-undang yang dia atau mereka terdaya menghalangnya; dan
- (c) sekiranya kesalahan itu berlaku, tidak menggunakan segala cara yang sah di sisi undang-undang yang dia atau mereka terdaya menyuraikan atau menumpaskan perhimpunan yang menyalahi undang-undang atau rusuhan itu.

Tanggungan orang yang untuk faedahnya rusuhan dilakukan

155. Apabila suatu rusuhan dilakukan untuk faedah, atau bagi pihak, mana-mana orang yang –

- (a) menjadi pemilik atau penghuni mana-mana tanah yang berkenaan dengannya rusuhan itu berlaku;
- (b) menuntut apa-apa kepentingan ke atas tanah itu, atau ke atas apa-apa perkara yang dipertikaikan yang menimbulkan rusuhan itu; atau
- (c) telah menerima atau mendapat apa-apa faedah daripadanya,

maka orang itu hendaklah dihukum dengan denda jika dia atau ejennya atau pengurusnya, yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa rusuhan itu mungkin dilakukan, atau bahawa perhimpunan yang menyalahi undang-undang yang melakukan rusuhan itu mungkin diadakan, masing-masing tidak menggunakan segala cara yang sah di sisi undang-undang yang dia atau mereka terdaya menghalang rusuhan atau perhimpunan itu daripada berlaku dan bagi menumpaskan dan menyuraikannya.

Tanggungan ejen pemilik atau penghuni yang untuk faedahnya rusuhan dilakukan

156. Apabila suatu rusuhan dilakukan untuk faedah, atau bagi pihak, mana-mana orang yang menjadi pemilik atau penghuni mana-mana tanah yang berkenaan dengannya rusuhan itu berlaku, atau mana-mana orang yang menuntut apa-apa kepentingan ke atas tanah itu, atau ke atas apa-apa perkara yang dipertikaikan yang menimbulkan rusuhan itu, atau mana-mana orang yang telah menerima atau mendapat apa-apa faedah daripadanya, maka ejen atau pengurus orang itu boleh dihukum dengan denda jika ejen atau pengurus itu, yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa rusuhan itu mungkin dilakukan, atau bahawa perhimpunan yang menyalahi undang-undang yang melakukan rusuhan itu mungkin diadakan, tidak menggunakan segala cara yang sah di sisi undang-undang yang dia terdaya menghalang rusuhan atau perhimpunan itu daripada berlaku, dan bagi menumpaskan dan menyuraikannya.

Melindungi orang yang diupah untuk perhimpunan yang menyalahi undang-undang

157. Barang siapa melindungi, menerima atau menghimpunkan di dalam mana-mana rumah atau premis yang didudukinya atau dalam jagaannya, atau di bawah kawalannya,

mana-mana orang, dengan mengetahui bahawa orang itu telah diupah, diambil atau digaji, untuk menyertai, atau menjadi anggota, suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau kedua-duanya sekali.

Diupah untuk mengambil bahagian dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang atau rusuhan atau bersenjata

158. (1) Barang siapa diambil atau diupah, atau menawarkan diri atau cuba diambil atau diupah, untuk melakukan atau menolong melakukan apa-apa perbuatan yang dinyatakan dalam bab 141, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Barang siapa, yang diambil atau diupah sebagaimana yang tersebut di atas, bersenjatakan, atau melibatkan atau menawarkan diri untuk bersenjatakan, dengan apa-apa senjata maut atau apa-apa benda yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Pergaduhan

159. Apabila dua orang atau lebih mengganggu ketenteraman awam dengan berkelahi di suatu tempat awam, mereka adalah dikatakan “melakukan pergaduhan”.

Hukuman kerana melakukan pergaduhan

160. Barang siapa melakukan pergaduhan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

PENGGAL IX
KESALAHAN YANG DILAKUKAN OLEH ATAU BERKENAAN DENGAN
KAKITANGAN KERAJAAN

Kakitangan kerajaan mengambil suapan kecuali ganjaran di sisi undang-undang berkaitan dengan perbuatan rasmi

161. Barang siapa, sebagai atau menjangka akan menjadi seorang kakitangan kerajaan, menerima atau mendapatkan, atau bersetuju menerima, atau cuba mendapatkan, daripada mana-mana orang, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan pun, kecuali ganjaran di sisi undang-undang, sebagai galakan atau upah kerana –

- (a) melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan rasmi;
- (b) menunjukkan atau tidak menunjukkan pada menjalankan tugas-tugas rasminya, pilih kasih atau tentang kepada mana-mana orang; atau
- (c) memberikan atau cuba memberikan apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada mana-mana orang, dengan Kerajaan, atau dengan mana-mana kakitangan kerajaan, sebagai yang demikian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Huraian – “Menjangka akan menjadi seorang kakitangan kerajaan” – Jika seseorang, yang tidak menjangka akan memegang jawatan, mendapatkan suatu suapan dengan memperdayakan orang lain untuk mempercayai bahawa dia hampir akan memegang jawatan, dan bahawa dia akan kemudiannya memberikan perkhidmatan kepada mereka, dia mungkin melakukan kesalahan menipu, tetapi dia tidaklah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

“Suapan” – Perkataan “suapan” tidak terhad kepada suapan wang, atau suapan yang boleh dinilai dengan wang.

“Ganjaran di sisi undang-undang” – Perkataan “ganjaran di sisi undang-undang” tidak terhad kepada ganjaran yang seorang kakitangan kerajaan boleh memintanya secara sah, tetapi termasuk semua ganjaran yang dia dibenarkan menerimanya oleh Kerajaan yang dia berkhidmat.

“Galakan atau upah kerana melakukan” – Seseorang yang menerima suatu suapan sebagai galakan kerana melakukan apa yang dia tidak bermaksud melakukannya, atau sebagai upah kerana melakukan apa yang telah tidak dilakukannya, adalah termasuk dalam perkataan-perkataan ini.

Misalan-misalan

(a) A, seorang Hakim, mendapatkan daripada Z, seorang jurubank, suatu jawatan dalam bank Z untuk saudara lelaki A, sebagai upah kepada A kerana memutuskan suatu guaman yang memihak kepada Z. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A, seorang kakitangan kerajaan, mendorong Z supaya mempercayai dengan silap bahawa pengaruh A ke atas seorang pegawai Kerajaan telah mendapatkan untuk Z suatu kontrak bagi membuat kerja, dan dengan yang demikian mendorong Z supaya memberikan wang kepada A. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(c) A, seorang kakitangan kerajaan, mendorong Z supaya mempercayai dengan silap bahawa pengaruh A ke atas Kerajaan telah mendapatkan suatu geran tanah untuk Z, dan dengan yang demikian mendorong Z supaya memberikan wang kepada A sebagai upah bagi perkhidmatannya. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Mengambil suapan, dengan cara tidak jujur atau menyalahi undang-undang, untuk mempengaruhi kakitangan kerajaan

162. Barang siapa menerima atau mendapatkan, atau bersetuju menerima atau cuba mendapatkan, daripada mana-mana orang, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan pun, sebagai galakan atau upah bagi mendorong, dengan cara tidak jujur atau menyalahi undang-undang –

(a) mana-mana kakitangan kerajaan untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan rasmi; atau

(b) pada menjalankan tugas-tugas rasmi kakitangan kerajaan itu –

(i) untuk menunjukkan pilih kasih atau tentangan kepada mana-mana orang; atau

(ii) untuk memberikan atau cuba memberikan apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada mana-mana orang dengan Kerajaan, atau dengan mana-mana kakitangan kerajaan, yang sedemikian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Mengambil suapan dengan menggunakan pengaruh diri ke atas kakitangan kerajaan

163. Barang siapa menerima atau mendapatkan, atau bersetuju menerima atau cuba mendapatkan, daripada mana-mana orang, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan pun, sebagai galakan atau upah bagi mendorong, dengan menggunakan pengaruh diri –

- (a) mana-mana kakitangan kerajaan untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan rasmi; atau
- (b) pada menjalankan tugas-tugas rasmi kakitangan kerajaan itu –
 - (i) untuk menunjukkan pilih kasih atau tentang kepada mana-mana orang; atau
 - (ii) untuk memberi atau cuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada mana-mana orang dengan Kerajaan, atau dengan mana-mana kakitangan kerajaan, sebagai yang demikian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Misalan

Seseorang yang menerima bayaran kerana menyusun dan membentulkan memorial yang dialamatkan kepada Kerajaan, yang menyatakan perkhidmatan dan tuntutan pembuat memorial itu, atau seorang ejen yang dibayar bagi seorang penjenayah terhukum yang membentangkan di hadapan Kerajaan pernyataan-pernyataan yang cenderung menunjukkan bahawa hukuman itu tidak adil, tidaklah termasuk dalam bab ini, oleh kerana mereka tidak menggunakan atau mengaku menggunakan pengaruh diri.

Hukuman bagi kakitangan kerajaan kerana menyubahati kesalahan yang ditakrifkan dalam bab 162 atau 163

164. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, yang berkaitan dengannya salah satu kesalahan yang ditakrifkan dalam bab-bab 162 dan 163 dilakukan, menyubahati kesalahan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Misalan

A adalah seorang kakitangan kerajaan. B, isteri A, menerima suatu hadiah sebagai galakan bagi memujuk A supaya memberikan suatu jawatan kepada orang tertentu. A menyubahati B

melakukannya. *B* boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali. *A* boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Kakitangan kerajaan mendapatkan benda berharga, tanpa balasan, daripada orang yang terlibat dalam prosiding atau urusan yang dijalankan oleh kakitangan kerajaan

165. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, menerima atau mendapatkan, atau bersetuju menerima atau cuba mendapatkan, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa benda berharga, tanpa balasan, atau dengan suatu balasan yang diketahuinya sebagai tidak mencukupi, daripada mana-mana orang yang diketahuinya –

- (a) telah, atau sebagai, atau mungkin terlibat dalam mana-mana prosiding atau urusan yang dijalankan atau hampir akan dijalankan oleh kakitangan kerajaan itu, atau mempunyai apa-apa hubungan dengan tugas-tugas rasminya sendiri atau mana-mana kakitangan kerajaan yang di bawahnya dia bekerja; atau
- (b) sebagai mempunyai kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang terlibat itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Misalan-misalan

(a) *A*, seorang Hakim, menyewa sebuah rumah yang dipunyai oleh *Z*, yang ada suatu kes penyelesaian yang belum lagi diputuskan di hadapannya. Adalah dipersetujui supaya *A* membayar \$50 sebulan, jika tawar-menawar dibuat dengan suci hati, memandangkan kepada keadaan rumah itu, *A* akan dikehendaki membayar \$2000 sebulan. *A* telah mendapatkan suatu benda berharga daripada *Z* tanpa balasan yang mencukupi.

(b) *A*, seorang Hakim, membeli surat janji hutang Kerajaan daripada *Z*, yang ada suatu guaman yang belum lagi diputuskan dalam Mahkamah *A*, dengan harga potongan, sedangkan surat janji hutang itu laku dalam pasaran dengan harga premium. *A* telah mendapatkan suatu benda berharga daripada *Z* tanpa balasan yang mencukupi.

(c) Saudara lelaki *Z* ditangkap dan dibawa ke hadapan *A*, seorang Majistret, atas suatu pertuduhan sumpah bohong. *A* menjual kepada *Z* saham-sahamnya dalam sebuah bank dengan harga premium, sedangkan saham-saham itu laku dalam pasaran dengan harga potongan. *Z* membayar kepada *A* bagi saham-saham itu dengan harga premium. Wang yang didapatkan oleh *A* itu adalah suatu benda berharga yang didapatkan olehnya tanpa balasan yang mencukupi.

Kakitangan kerajaan tidak mematuhi undang-undang dengan niat hendak menyebabkan kecederaan kepada orang

166. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan dengan mengetahui tidak mematuhi apa-apa arahan undang-undang tentang cara bagaimana dia berkelakuan sebagai kakitangan kerajaan itu, dengan maksud hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia akan, dengan tidak mematuhi itu, menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Misalan

A, sebagai seorang pegawai yang diarahkan oleh undang-undang supaya mengambil harta dalam pelaksanaan bagi menunaikan suatu dikri yang diputuskan oleh Mahkamah Keadilan memihak kepada Z, dengan mengetahui tidak mematuhi arahan undang-undang itu dengan pengetahuan bahawa dia mungkin dengan yang demikian menyebabkan kecederaan kepada Z. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Kakitangan kerajaan membuat dokumen yang tidak betul dengan niat hendak menyebabkan kecederaan

167. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, dan sebagai kakitangan kerajaan itu yang ditugaskan untuk menyediakan atau menterjemahkan apa-apa dokumen, membuat atau menterjemahkan dokumen itu dengan cara yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai tidak betul, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian boleh menyebabkan, kecederaan kepada mana-mana orang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Kakitangan kerajaan terlibat dalam perniagaan dengan menyalahi undang-undang

168. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, dan yang terikat di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk tidak terlibat dalam perniagaan, melibatkan diri dalam perniagaan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Kakitangan kerajaan membeli atau membuat tawaran untuk membeli harta dengan menyalahi undang-undang

169. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, dan yang terikat di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk tidak membeli atau membuat tawaran untuk membeli harta tertentu, membeli atau membuat tawaran untuk membeli harta itu, sama ada atas namanya sendiri atau atas nama orang lain atau bersesama atau berkongsi dengan orang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda; dan harta itu jika dibeli, boleh dirampas.

Menyamar sebagai kakitangan kerajaan

170. Barang siapa berpura-pura memegang apa-apa jawatan tertentu sebagai seorang kakitangan kerajaan, dengan mengetahui bahawa dia tidak memegang jawatan itu, atau dengan salah menyamar sebagai mana-mana orang lain yang memegang jawatan itu, dan, dengan menyamar diri itu, melakukan atau cuba melakukan, apa-apa perbuatan atas alasan jawatan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Memakai pakaian atau membawa tanda yang digunakan oleh kakitangan kerajaan dengan niat hendak menipu

171. Barang siapa, yang tidak termasuk dalam golongan kakitangan kerajaan yang tertentu, memakai apa-apa pakaian atau membawa apa-apa tanda yang menyerupai apa-apa pakaian atau tanda yang digunakan oleh golongan kakitangan kerajaan itu, dengan niat supaya boleh dipercayai, atau dengan mengetahui mungkin dipercayai, bahawa dia termasuk dalam golongan kakitangan kerajaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

PENGGAL X

MENGHINA KUASA YANG SAH KAKITANGAN KERAJAAN

Melarikan diri untuk mengelakkan penyampaian prosiding saman, notis atau perintah

172. Barang siapa melarikan diri dengan tujuan hendak mengelakkan daripada disampaikan dengan suatu prosiding saman, notis atau perintah daripada mana-mana kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu, untuk mengeluarkan saman, notis atau perintah itu, hendaklah dihukum –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda; atau
- (b) jika saman, notis atau perintah itu menghendakinya untuk hadir sendiri atau melalui ejennya atau menghendakinya untuk mengemukakan suatu dokumen, dalam Mahkamah Keadilan, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Menghalang penyampaian prosiding saman atau prosiding lain atau menghalang penyiarannya

173. Barang siapa, dengan apa-apa cara, dengan sengaja –

- (a) menghalang penyampaian kepadanya atau kepada mana-mana orang lain, apa-apa prosiding saman, notis atau perintah daripada mana-mana kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang, sebagai kakitangan kerajaan itu, untuk mengeluarkan saman, notis atau perintah itu;
- (b) menghalang penampalan yang sah pada mana-mana tempat apa-apa saman, notis atau perintah itu;
- (c) menanggalkan apa-apa saman, notis atau perintah itu dari mana-mana tempat ia ditampalkan secara sah; atau
- (d) menghalang pembuatan apa-apa perisyiharan secara sah di bawah kuasa mana-mana kakitangan kerajaan, yang berkuasa di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk mengarahkan perisyiharan itu dibuat,

hendaklah dihukum –

- (i) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda; atau
- (ii) jika saman, notis, perintah atau perisyiharan itu menghendakinya untuk hadir sendiri atau melalui ejennya, atau menghendakinya untuk mengemukakan suatu dokumen, dalam Mahkamah Keadilan, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Tidak mematuhi perintah daripada kakitangan kerajaan untuk hadir

174. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang untuk hadir sendiri atau melalui ejennya di suatu tempat dan pada masa tertentu bagi mematuhi suatu prosiding saman, notis,

perintah atau perisyiharan daripada seorang kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk mengeluarkannya dengan sengaja meninggalkan daripada hadir di tempat itu atau pada masa itu, atau pergi dari tempat di mana dia terikat untuk hadir sebelum masa yang sah baginya untuk pergi dari tempat itu, hendaklah dihukum –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda; atau
- (b) jika saman, notis, perintah, atau perisyiharan itu menghendaknya untuk hadir sendiri atau melalui ejennya, dalam Mahkamah Keadilan, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Misalan-misalan

(a) A, yang terikat di sisi undang-undang untuk hadir di hadapan Mahkamah Besar bagi mematuhi suatu sepina yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu, dengan sengaja meninggalkan daripada hadir. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A, yang terikat di sisi undang-undang untuk hadir di hadapan Majistret sebagai seorang saksi bagi mematuhi suatu saman yang dikeluarkan oleh Majistret itu, dengan sengaja meninggalkan daripada hadir. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Orang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakan dokumen kepada kakitangan kerajaan meninggalkan daripada mengemukakannya

175. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakan atau menyerahkan apa-apa dokumen kepada mana-mana kakitangan kerajaan, sebagai yang demikian, dengan sengaja meninggalkan daripada mengemukakan atau menyerahkannya, hendaklah dihukum –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi sebulan, denda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya sekali; atau
- (b) jika dokumen itu dikehendaki untuk dikemukakan atau diserahkan kepada Mahkamah Keadilan, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Misalan

A, yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakan suatu dokumen di hadapan Mahkamah dengan sengaja meninggalkan daripada mengemukakannya. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Orang yang terikat di sisi undang-undang untuk memberikan notis atau maklumat kepada kakitangan kerajaan meninggalkan daripada memberikannya

176. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang untuk memberikan apa-apa notis atau maklumat mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana kakitangan kerajaan, sebagai yang demikian dengan sengaja meninggalkan daripada memberikan notis atau maklumat itu dengan cara dan pada masa yang dikehendaki oleh undang-undang, hendaklah dihukum –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi sebulan, denda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya sekali; atau
- (b) jika notis atau maklumat yang dikehendaki untuk diberikan itu adalah mengenai suatu kesalahan yang dilakukan, atau dikehendaki bagi maksud mencegah suatu kesalahan daripada dilakukan, atau bagi menangkap seorang pesalah, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Memberikan maklumat palsu

177. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana kakitangan kerajaan, sebagai yang demikian, memberikan, sebagai benar, maklumat mengenai perkara yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu, hendaklah dihukum –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali; atau
- (b) jika maklumat yang dia terikat di sisi undang-undang untuk memberikannya itu adalah mengenai suatu kesalahan yang dilakukan, atau dikehendaki bagi maksud mencegah suatu kesalahan daripada dilakukan, atau bagi menangkap seorang pesalah, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Misalan-misalan

(a) A, seorang tuan punya tanah, yang mengetahui suatu kesalahan membunuh orang dilakukan di dalam kawasan tanahnya, dengan sengaja memberikan maklumat yang salah kepada Majistret daerah itu bahawa kematian itu telah berlaku kerana kemalangan akibat dipatuk ular. A adalah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A, seorang pegawai polis, yang mengetahui bahawa sekumpulan besar orang yang tidak dikenali telah melalui kampungnya dengan tujuan hendak melakukan rompakan berkumpulan di rumah Z seorang saudagar kaya yang tinggal di suatu tempat berhampiran, dan A, yang terikat untuk memberikan maklumat mengenai hal itu kepada pegawai atasannya, dengan sengaja memberikan maklumat yang salah kepada pegawai itu bahawa sekumpulan orang yang disyaki telah melalui kampung itu dengan tujuan hendak melakukan rompakan berkumpulan di suatu tempat tertentu yang jauh di hala yang lain. Di sini, A adalah melakukan kesalahan dalam bahagian yang disebut kemudian bab ini.

Huraian – Dalam bab 176 dan dalam bab ini, perkataan “kesalahan” termasuk apa-apa perbuatan yang dilakukan di mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam, yang, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, boleh dihukum di bawah bab-bab 302, 304, 382, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 398, 399, 402, 435, 436, 449, 450, 457, 458, 459 dan 460, dan perkataan “pesalah” termasuk mana-mana orang yang dituduh telah melakukan mana-mana perbuatan itu.

Enggan bersumpah apabila telah dikehendaki oleh kakitangan kerajaan untuk mengangkat sumpah

178. Barang siapa enggan mengikat dirinya dengan sumpah untuk menyatakan yang benar, apabila dikehendaki mengikat dirinya demikian oleh seorang kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang untuk menghendaki supaya dia mengikat dirinya demikian boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Enggan menjawab soalan kakitangan kerajaan yang diberi kuasa menyoal

179. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana kakitangan kerajaan, enggan menjawab apa-apa soalan yang dia diminta menjawabnya mengenai perkara itu oleh kakitangan kerajaan itu, pada menjalankan kuasa undang-undang kakitangan kerajaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Enggan menandatangani pernyataan

180. Barang siapa enggan menandatangani apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya, apabila dikehendaki menandatangani pernyataan itu oleh seorang kakitangan kerajaan yang

berkuasa di sisi undang-undang untuk menghendaki supaya dia menandatangani pernyataan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan, denda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya sekali.

Pernyataan palsu dengan sumpah atau ikrar kepada kakitangan kerajaan atau orang yang diberi kuasa mentadbirkan sumpah atau ikrar

181. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang dengan suatu sumpah atau ikrar untuk menyatakan yang benar mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana kakitangan kerajaan atau orang lain yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mentadbirkan sumpah atau ikrar itu –

- (a) membuat kepada kakitangan kerajaan atau orang lain itu, mengenai perkara itu, apa-apa pernyataan yang palsu; dan
- (b) yang dia sama ada ketahui atau percayai sebagai palsu atau yang dia tidak percayai sebagai benar,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Maklumat palsu dengan niat menyebabkan kakitangan kerajaan menggunakan kuasanya yang sah hingga mendatangkan kecederaan kepada orang lain

182. Barang siapa memberikan kepada mana-mana kakitangan kerajaan apa-apa maklumat yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan, atau dengan mengetahui berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyebabkan, kakitangan kerajaan itu –

- (a) melakukan atau meninggalkan apa-apa jua yang kakitangan kerajaan itu sepatutnya tidak melakukan atau tidak meninggalkan sekiranya keadaan sebenar mengenai hal yang dimaklumkan itu telah diketahui olehnya; atau
- (b) menggunakan kuasanya yang sah hingga mendatangkan kecederaan atau kegusaran kepada mana-mana orang,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Misalan-misalan

- (a) A memberitahu Majistret bahawa Z, seorang pegawai polis yang berpangkat lebih rendah daripada Majistret itu, telah melakukan kecuaian dalam menjalankan kewajipan atau

perbuatan salah laku, dengan mengetahui maklumat itu sebagai palsu, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan maklumat itu akan menyebabkan Majistret itu membuang kerja Z. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A memberitahu seorang kakitangan kerajaan dengan salah bahawa Z mempunyai garam seludup di suatu tempat rahsia dengan mengetahui maklumat itu sebagai palsu dan dengan mengetahuinya berkemungkinan akibat daripada maklumat itu penggeledahan akan dijalankan di premis Z yang mendatangkan kegusaran kepada Z. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(c) A memberitahu seorang pegawai polis dengan salah bahawa dia telah diserang dan dirompak di sebuah kampung tertentu yang berhampiran. Dia tidak menyebut nama mana-mana orang sebagai salah seorang penyerangnya, tetapi mengetahuinya berkemungkinan akibat daripada maklumat itu polis akan menjalankan siasatan dan memulakan penggeledahan di kampung itu hingga mendatangkan kegusaran kepada penduduk kampung itu atau sesetengah mereka. A telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

Menentang pengambilan harta dengan kuasa yang sah kakitangan kerajaan

183. Barang siapa memberikan sebarang tentangan terhadap pengambilan mana-mana harta dengan kuasa yang sah mana-mana kakitangan kerajaan, dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kakitangan kerajaan itu berkuasa sedemikian hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Menghalang penjualan harta yang ditawarkan untuk jualan dengan kuasa kakitangan kerajaan

184. Barang siapa dengan sengaja menghalang sebarang penjualan harta yang ditawarkan untuk jualan dengan kuasa yang sah mana-mana kakitangan kerajaan, sedemikian itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi sebulan, denda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya sekali.

Membeli atau membuat tawaran untuk membeli dengan menyalahi undang-undang harta yang ditawarkan untuk jualan dengan kuasa kakitangan kerajaan

185. Barang siapa, dalam sebarang penjualan harta yang diadakan dengan kuasa yang sah seorang kakitangan kerajaan, sedemikian itu –

(a) membeli atau membuat tawaran untuk membeli mana-mana harta atas nama mana-mana orang, sama ada dirinya atau mana-mana orang lain, yang

diketahuinya sebagai tidak berupaya di sisi undang-undang untuk membeli harta itu dalam penjualan itu; atau

(b) membuat tawaran untuk membeli harta itu bukan dengan maksud hendak melaksanakan obligasi yang terletak ke atasnya dengan tawaran untuk membeli itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi sebulan, denda tidak melebihi \$800 atau kedua-duanya sekali.

Menghalang kakitangan kerajaan pada menjalankan tugas-tugas awamnya

186. Barang siapa dengan sengaja menghalang mana-mana kakitangan kerajaan pada menjalankan tugas-tugas awamnya hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan, denda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya sekali.

Meninggalkan daripada menolong kakitangan kerajaan apabila terikat di sisi undang-undang untuk memberikan pertolongan

187. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang untuk menolong atau memberikan pertolongan kepada mana-mana kakitangan kerajaan pada melaksanakan kewajipan awamnya, dengan sengaja meninggalkan daripada memberikan pertolongan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi sebulan, denda tidak melebih \$800 atau kedua-duanya sekali.

Jika pertolongan itu diminta daripadanya oleh seorang kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang membuat permintaan itu bagi tujuan –

(a) melaksanakan apa-apa proses yang dikeluarkan secara sah oleh Mahkamah Keadilan;

(b) mencegah suatu kesalahan daripada dilakukan;

(c) menumpaskan suatu rusuhan atau pergaduhan; atau

(d) menangkap orang yang dituduh atas suatu kesalahan atau orang yang melakukan suatu kesalahan, atau orang yang telah melarikan diri daripada jagaan yang sah,

dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Mengingkari perintah yang telah diisyiharkan oleh kakitangan kerajaan

188. Barang siapa, yang mengetahui bahawa dengan suatu perintah yang diisyiharkan oleh seorang kakitangan kerajaan yang diberi kuasa secara sah untuk mengisyiharkan perintah itu, dia diarahkan supaya menahan diri untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan tertentu, atau supaya mengambil aturan tertentu berkenaan dengan harta tertentu yang ada dalam milikannya atau di bawah pengurusannya, mengingkari arahan itu, hendaklah –

- (a) jika keingkaran itu menyebabkan atau cenderung menyebabkan halangan, kegusaran atau kecederaan kepada mana-mana orang yang bekerja secara sah, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi sebulan, denda tidak melebihi \$800 atau kedua-duanya sekali; dan
- (b) jika keingkaran itu menyebabkan atau cenderung menyebabkan bahaya kepada nyawa, kesihatan, atau keselamatan manusia, atau menyebabkan atau cenderung menyebabkan suatu rusuhan atau pergaduhan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Huraian – Tidaklah perlu bagi pesalah itu bermaksud hendak mendatangkan kerosakan, atau menyangka keingkarannya itu sebagai mungkin mendatangkan kerosakan. Memadailah dia mengetahui perintah yang diingkarinya itu, dan keingkarannya itu mendatangkan atau mungkin mendatangkan kerosakan.

Misalan

Suatu perintah diisyiharkan oleh seorang kakitangan kerajaan yang diberi kuasa secara sah untuk mengisyiharkan perintah itu yang mengarahkan supaya suatu perarakan agama tidak melalui suatu jalan tertentu. A dengan mengetahuinya mengingkari perintah itu dan dengan yang demikian menyebabkan bahaya rusuhan. A telah melakukan suatu kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Ugutan kecederaan kepada kakitangan kerajaan

189. Barang siapa membuat sebarang ugutan kecederaan kepada mana-mana kakitangan kerajaan, atau kepada mana-mana orang yang dia percaya kakitangan kerajaan itu ada kepentingan dengannya, bagi maksud hendak mendorong kakitangan kerajaan itu untuk melakukan apa-apa perbuatan, atau untuk tidak melakukan atau lambat melakukan apa-apa

perbuatan, yang ada kaitannya dengan penjalanan tugas-tugas awam kakitangan kerajaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Ugutan kecederaan untuk mendorong orang supaya tidak memohon perlindungan kepada kakitangan kerajaan

190. Barang siapa membuat sebarang ugutan kecederaan kepada mana-mana orang bagi maksud hendak mendorong orang itu supaya tidak membuat atau berhenti daripada membuat permohonan di sisi undang-undang bagi perlindungan daripada sebarang kecederaan kepada mana-mana kakitangan kerajaan yang berkuasa di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk memberikan perlindungan tersebut, atau menyebabkan perlindungan tersebut diberikan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

PENGGAL XI

KETERANGAN PALSU DAN KESALAHAN TERHADAP KEADILAN AWAM

Memberikan keterangan palsu

191. Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang dengan sumpah, atau dengan sebarang peruntukan undang-undang yang nyata, untuk menyatakan yang benar, atau yang terikat di sisi undang-undang untuk membuat suatu pengakuan mengenai apa-apa perkara, membuat sebarang pernyataan yang palsu, dan yang sama ada diketahui atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayainya sebagai benar, adalah dikatakan “memberikan keterangan palsu”.

Huraian 1 – Suatu pernyataan adalah dalam makna bab ini, sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau pun selainnya.

Huraian 2 – Suatu pernyataan palsu tentang kepercayaan orang yang membuat pernyataan itu adalah dalam makna bab ini, dan seseorang itu mungkin bersalah memberikan keterangan palsu dengan menyatakan bahawa dia mempercayai sesuatu perkara yang dia tidak mempercayainya, dan juga dengan menyatakan bahawa dia mengetahui sesuatu perkara yang dia tidak mengetahuinya.

Misalan-misalan

(a) A, bagi menyokong suatu tuntutan berpatutan yang dibuat oleh B terhadap Z sebanyak \$1,000, bersumpah dengan palsunya dalam suatu perbicaraan bahawa dia mendengar Z mengaku yang tuntutan B itu berpatutan: A telah memberikan keterangan palsu.

(b) A, yang terikat dengan sumpah untuk menyatakan yang benar, menyatakan bahawa dia mempercayai suatu tandatangan tertentu sebagai tulisan tangan Z sedangkan dia tidak mempercayainya sebagai tulisan tangan Z. Di sini, A menyatakan itu yang diketahuinya sebagai palsu, dan dengan yang demikian, memberikan keterangan palsu.

(c) A, yang mengetahui ciri am tulisan tangan Z, menyatakan bahawa dia mempercayai suatu tandatangan tertentu sebagai tulisan tangan Z, A, dengan suci hati, mempercayainya sebagai demikian. Di sini, pernyataan A adalah hanya berkenaan dengan kepercayaannya, dan pernyataan itu adalah benar berkenaan dengan kepercayaannya, dan dengan yang demikian, walaupun tandatangan itu mungkin bukan tulisan tangan Z, A tidak memberikan keterangan palsu.

(d) A, yang terikat dengan sumpah untuk menyatakan yang benar, menyatakan bahawa dia mengetahui Z berada di suatu tempat tertentu pada suatu hari tertentu, dengan tidak mengetahui apa-apa mengenai perkara itu. A memberikan keterangan palsu sama ada Z berada di tempat itu pada hari yang tersebut atau tidak.

(e) A, seorang jurubahasa atau penterjemah memberikan atau mengakui sebagai pengalihbahasaan atau terjemahan yang betul suatu pernyataan atau dokumen yang dia terikat dengan sumpah untuk mengalihbahaskan atau menterjemahkan dengan betul, yang bukannya, dan yang dia tidak mempercayainya sebagai, pengalihbahasaan atau terjemahan yang betul. A telah memberikan keterangan palsu.

Mereka keterangan palsu

192. Barang siapa menyebabkan adanya sebarang hal keadaan, atau membuat sebarang catatan palsu dalam mana-mana buku atau rekod, atau membuat apa-apa dokumen yang mengandungi suatu pernyataan palsu –

(a) dengan maksud supaya hal keadaan, catatan palsu atau pernyataan palsu itu boleh terdapat sebagai keterangan dalam prosiding kehakiman, atau dalam suatu prosiding yang diambil di sisi undang-undang di hadapan seorang kakitangan kerajaan sedemikian itu, atau di hadapan seorang penimbangtara; dan

(b) supaya hal keadaan, catatan palsu atau pernyataan palsu itu, yang terdapat sebagai keterangan, boleh menyebabkan mana-mana orang yang, dalam prosiding itu perlu membuat suatu pendapat atas keterangan tersebut, melayan suatu pendapat yang salah mengenai apa-apa perkara yang penting kepada keputusan prosiding itu,

adalah dikatakan “mereka keterangan palsu”.

Misalan-misalan

(a) A memasukkan barang kemas ke dalam sebuah peti kepunyaan Z, dengan niat supaya barang kemas itu boleh dijumpai di dalam peti itu dan supaya hal keadaan ini boleh menyebabkan Z disabitkan atas kesalahan mencuri. A telah mereka keterangan palsu.

(b) A membuat suatu catatan palsu dalam buku kedainya bagi maksud hendak menggunakannya sebagai keterangan sokongan dalam Mahkamah Keadilan. A telah mereka keterangan palsu.

(c) A, dengan niat hendak menyebabkan Z disabitkan atas kesalahan pakatan jahat jenayah, menulis surat dengan meniru tulisan tangan Z yang dikatakan telah dialamatkan kepada seorang rakan sejenayahnya dalam pakatan jahat jenayah itu dan meletakkan surat itu di suatu tempat yang diketahuinya mungkin digeledah oleh pegawai-pegawai polis. A telah mereka keterangan palsu.

Hukuman kerana memberikan keterangan palsu

193. Barang siapa dengan sengaja –

(a) memberikan keterangan palsu dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman, atau mereka keterangan palsu bagi maksud digunakan dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda; dan

(b) memberikan atau mereka keterangan palsu dalam sebarang kes lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Huraian 1 – Suatu perbicaraan di hadapan Mahkamah Tentera adalah prosiding kehakiman.

Huraian 2 – Suatu penyiasatan yang diarahkan oleh undang-undang sebagai permulaan bagi prosiding di hadapan Mahkamah Kehakiman, adalah suatu peringkat prosiding kehakiman, walaupun penyiasatan itu mungkin tidak dijalankan di hadapan Mahkamah Keadilan.

Misalan

A, dalam suatu siasatan di hadapan seorang Majistret bagi maksud hendak menentukan sama ada Z patut dibicarakan, membuat dengan mengangkat sumpah suatu pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu. Oleh kerana siasatan ini adalah suatu peringkat prosiding kehakiman, A telah memberikan keterangan palsu.

Huraian 3 – Suatu penyiasatan yang diarahkan oleh Mahkamah Keadilan menurut undang-undang, dan dijalankan di bawah kuasa Mahkamah Keadilan, adalah suatu peringkat prosiding kehakiman, walaupun penyiasatan itu mungkin tidak dijalankan di hadapan Mahkamah Keadilan.

Misalan

A, dalam suatu siasatan di hadapan seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Mahkamah Keadilan untuk menentukan sempadan-sempadan tanah di atas tanah yang berkenaan, membuat dengan mengangkat sumpah suatu pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu. Oleh kerana siasatan ini adalah suatu peringkat prosiding kehakiman. A telah memberikan keterangan palsu.

Memberikan atau mereka keterangan palsu dengan niat hendak mendapatkan sabitan atas kesalahan yang membawa hukuman mati

194. Barang siapa memberikan atau mereka keterangan palsu, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyebabkan, mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan yang membawa hukuman mati menurut Kanun ini hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Jika orang yang tidak bersalah disabitkan oleh sebab keterangan palsu itu, maka orang yang memberi keterangan palsu itu hendaklah dihukum sama ada dengan hukuman mati atau hukuman yang diperihalkan terdahulu daripada ini.

Memberikan atau mereka keterangan palsu dengan niat hendak mendapatkan sabitan atas kesalahan yang boleh dihukum penjara

195. Barang siapa memberikan atau mereka keterangan palsu, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyebabkan, mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan yang menurut Kanun ini tidak membawa hukuman mati, tetapi boleh dihukum penjara selama tempoh 7 tahun atau lebih, hendaklah dihukum sebagaimana orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dihukum.

A memberikan keterangan palsu di hadapan Mahkamah Keadilan, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan Z disabitkan atas kesalahan rompakan berkumpulan. Hukuman bagi kesalahan rompakan berkumpulan adalah penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun, dengan atau tanpa denda. A, dengan yang demikian, boleh dikenakan hukuman penjara itu, dengan atau tanpa denda.

Menggunakan keterangan yang diketahui sebagai palsu

196. Barang siapa dengan cara tidak jujur menggunakan, atau cuba menggunakan, sebagai keterangan yang benar atau betul, apa-apa keterangan yang diketahuinya sebagai palsu atau direka, hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah memberikan atau mereka keterangan palsu.

Mengeluarkan atau menandatangani sijil palsu

197. Barang siapa mengeluarkan atau menandatangani apa-apa sijil yang dikehendaki oleh undang-undang untuk diberikan atau ditandatangani, atau berkenaan dengan apa-apa fakta yang mengenainya sijil itu boleh diterima di sisi undang-undang sebagai keterangan, dengan mengetahui atau mempercayai bahawa sijil itu adalah palsu dalam apa-apa perkara penting, hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah memberikan keterangan palsu.

Menggunakan sijil yang diketahui palsu sebagai sijil yang benar

198. Barang siapa dengan cara tidak jujur menggunakan, atau cuba menggunakan, apa-apa sijil itu sebagai suatu sijil yang benar dengan mengetahuinya sebagai palsu dalam apa-apa perkara penting hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah memberikan keterangan palsu.

Pernyataan palsu dibuat dalam pengakuan yang boleh diterima di sisi undang-undang sebagai keterangan

199. Barang siapa, dalam sebarang pengakuan yang dibuat atau ditandatangani olehnya, yang mana-mana Mahkamah Keadilan, atau mana-mana kakitangan kerajaan atau orang lain, terikat atau dibenarkan di sisi undang-undang menerima pengakuan itu sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta, membuat apa-apa pernyataan yang palsu, dan yang dia sama ada mengetahui atau mempercayainya sebagai palsu, atau tidak mempercayainya sebagai benar,

mengenai apa-apa perkara penting kepada tujuan pengakuan itu dibuat atau digunakan, hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah memberikan keterangan palsu.

Menggunakan pengakuan yang diketahui palsu sebagai pengakuan yang benar

200. Barang siapa dengan cara tidak jujur menggunakan, atau cuba menggunakan, sebagai benar, sebarang pengakuan itu, dengan mengetahuinya sebagai palsu dalam apa-apa perkara penting, hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah memberikan keterangan palsu.

Huraian – Suatu pengakuan yang tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata atas alasan sesuatu yang tidak menurut peraturan adalah pengakuan dalam makna bab-bab 199 dan 200.

Menyebabkan kehilangan keterangan mengenai kesalahan yang dilakukan atau memberikan maklumat palsu untuk mengelakkan pesalah daripada hukuman

201. Barang siapa, yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, menyebabkan apa-apa keterangan mengenai kesalahan yang dilakukan itu hilang dengan niat hendak mengelakkan pesalah itu daripada hukuman undang-undang, atau dengan niat itu memberikan apa-apa maklumat berkaitan dengan kesalahan yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu, hendaklah –

(a) jika kesalahan yang diketahui atau dipercayainya telah dilakukan itu boleh dihukum mati, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda;

(b) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau lebih, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda; dan

(c) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara bagi sebarang tempoh tidak melebihi 10 tahun, dihukum penjara mengikut perihalan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, denda atau kedua-duanya sekali.

Misalan

A, yang mengetahui bahawa *B* telah membunuh *Z*, menolong *B* menyembunyikan mayat *Z* dengan niat hendak mengelakkan *B* daripada hukuman. *A* boleh dihukum penjara selama 7 tahun dan denda.

Orang yang terikat untuk memberikan maklumat mengenai kesalahan dengan sengaja meninggalkan daripada berbuat demikian

202. Barang siapa, yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, dengan sengaja meninggalkan daripada memberikan apa-apa maklumat berkaitan dengan kesalahan itu yang dia terikat di sisi undang-undang untuk memberikannya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau kedua-duanya sekali.

Memberikan maklumat palsu mengenai kesalahan yang dilakukan

203. Barang siapa, yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, memberikan apa-apa maklumat berkaitan dengan kesalahan itu yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Huraian – Dalam bab-bab 201 dan 202 dan dalam bab ini, “kesalahan” termasuk apa-apa perbuatan yang dilakukan di mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam yang, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, boleh dihukum di bawah bab 302, 304, 382, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 398, 399, 402, 435, 436, 449, 450, 457, 459 atau 460.

Memusnahkan dokumen untuk menghalangnya daripada dikemukakan sebagai keterangan

204. Barang siapa –

(a) menyorokkan atau memusnahkan apa-apa dokumen yang dia boleh dipaksa secara sah untuk mengemukakannya sebagai keterangan dalam Mahkamah Keadilan atau dalam mana-mana prosiding yang diadakan secara sah di hadapan seorang kakitangan kerajaan sedemikian itu; atau

(b) memadam atau menjadikan kesemua atau mana-mana bahagian dokumen itu tidak boleh dibaca dengan niat hendak menghalang dokumen itu daripada dikemukakan atau digunakan sebagai keterangan di hadapan Mahkamah atau kakitangan kerajaan yang tersebut itu, atau setelah dia secara sah disaman atau dikehendaki mengemukakan dokumen itu bagi maksud tersebut,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Berpura-pura menyamar bagi maksud perbuatan atau prosiding dalam guaman atau pendakwaan

205. Barang siapa berpura-pura menyamar sebagai orang lain, dan, dengan watak sebagai orang lain itu, membuat apa-apa pengakuan atau pernyataan, atau mengaku menerima penghakiman, atau menyebabkan apa-apa proses dikeluarkan, atau menjadi pengikat jamin atau penjamin, atau melakukan apa-apa perbuatan lain dalam sebarang guaman atau pendakwaan jenayah, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Memindahkan atau menyembunyikan harta secara fraud untuk menghalangnya daripada disita sebagai harta rampasan atau harta dalam pelaksanaan

206. Barang siapa secara fraud memindahkan, menyembunyikan, memindah milik atau menyerahkan kepada mana-mana orang, sebarang harta atau apa-apa kepentingan ke atasnya, dengan maksud dengan yang demikian hendak menghalang harta atau kepentingan itu daripada diambil –

(a) sebagai rampasan, atau bagi menyelesaikan suatu denda, di bawah suatu hukuman yang telah dijatuhkan atau yang diketahuinya mungkin dijatuhkan, oleh Mahkamah Keadilan atau pihak berkuasa lain yang layak; atau

(b) bagi melaksanakan suatu dikri atau perintah yang telah dibuat, atau yang diketahuinya mungkin dibuat oleh Mahkamah Keadilan dalam suatu guaman civil,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Tuntutan ke atas harta secara fraud untuk menghalangnya daripada disita sebagai harta rampasan atau harta dalam pelaksanaan

207. Barang siapa –

(a) secara fraud menerima, memperoleh atau menuntut sebarang harta atau apa-apa kepentingan ke atasnya, dengan mengetahui bahawa dia tidak mempunyai hak atau tuntutan yang sah ke atas harta atau kepentingan itu; atau

(b) melakukan apa-apa perdayaan mengenai apa-apa hak ke atas sebarang harta atau apa-apa kepentingan ke atasnya, dengan maksud dengan yang demikian hendak menghalang harta itu atau kepentingan ke atasnya daripada diambil –

- (i) sebagai rampasan atau bagi menyelesaikan suatu denda, di bawah suatu hukuman yang telah dijatuhkan, atau yang diketahuinya mungkin dijatuhkan, oleh Mahkamah Keadilan atau pihak berkuasa lain yang layak; atau
- (ii) bagi melaksanakan suatu dikri atau perintah yang telah dibuat, atau yang diketahuinya mungkin dibuat oleh Mahkamah Keadilan dalam suatu guaman sivil,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Secara fraud membiarkan dekri bagi tuntutan sejumlah wang yang tidak terhutang

208. Barang siapa secara fraud menyebabkan atau membiarkan suatu dekri atau perintah –

(a) dijatuhkan terhadapnya atas guaman mana-mana orang untuk menuntut sejumlah wang yang tidak terhutang, atau untuk menuntut sejumlah wang yang lebih besar daripada yang terhutang kepada orang itu, atau untuk menuntut sebarang harta atau kepentingan ke atas harta yang orang itu tidak berhak; atau

(b) dilaksanakan terhadapnya setelah dekri atau perintah itu dipenuhi, atau untuk menuntut apa-apa perkara yang berkaitan dengannya dekri atau perintah itu telah dipenuhi,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

A memulakan suatu guaman terhadap Z. Z, yang mengetahui bahawa A mungkin mendapatkan suatu dekri terhadapnya, secara fraud membiarkan suatu penghakiman dijatuhkan terhadapnya bagi tuntutan sejumlah wang yang lebih besar atas guaman B, yang tidak mempunyai tuntutan yang berpatutan terhadapnya, bagi membolehkan B, sama ada untuknya sendiri atau untuk faedah Z, berkongsi hasil sebarang penjualan harta Z yang mungkin dibuat di bawah dekri A. Z telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

Secara tidak jujur membuat tuntutan palsu dalam Mahkamah

209. Barang siapa secara fraud atau secara tidak jujur, atau dengan niat hendak mencederakan atau menggusarkan mana-mana orang, membuat dalam Mahkamah Keadilan apa-apa tuntutan yang diketahuinya sebagai palsu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda.

Secara fraud mendapatkan dekri bagi tuntutan sejumlah wang yang tidak terhutang

210. Barang siapa secara fraud –

(a) mendapatkan suatu dekri atau perintah terhadap mana-mana orang bagi tuntutan sejumlah wang yang tidak terhutang, atau bagi tuntutan sejumlah wang yang lebih besar daripada yang terhutang, atau bagi tuntutan sebarang harta atau kepentingan ke atas harta yang dia tidak berhak;

(b) menyebabkan suatu dekri atau perintah dilaksanakan terhadap mana-mana orang setelah dekri atau perintah itu dipenuhi, atau bagi tuntutan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya dekri atau perintah itu telah dipenuhi; atau

(c) membiarkan atau membenarkan apa-apa perbuatan itu dilakukan atas namanya,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan palsu melakukan kesalahan dengan niat hendak mencederakan

211. Barang siapa dengan niat hendak menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang –

(a) memulakan, atau menyebabkan dimulakan, apa-apa prosiding jenayah terhadap orang itu; atau

(b) dengan palsu menuduh mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan, dengan mengetahui bahawa tiada terdapat alasan yang patut atau sah bagi prosiding atau pertuduhan tersebut terhadap orang itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Jika prosiding jenayah itu dimulakan atas suatu pertuduhan palsu melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum mati, atau penjara selama 7 tahun atau lebih, dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Melindungi pesalah

212. (1) Apabila suatu kesalahan telah dilakukan, maka barang siapa melindungi atau menyembunyikan seseorang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai pesalah itu dengan niat hendak mengelakkannya daripada hukuman undang-undang, hendaklah –

(a) jika kesalahan itu boleh dihukum mati, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda;

(b) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda; dan

(c) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi satu tahun dan tidak sampai 10 tahun, dihukum penjara mengikut perihalan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam bab ini, “kesalahan” termasuk apa-apa perbuatan yang dilakukan di mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam, yang, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, boleh dihukum di bawah bab 302, 304, 382, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 398, 399, 402, 435, 436, 449, 450, 457, 458, 459 atau 460; dan tiap-tiap perbuatan itu hendaklah, bagi maksud-maksud bab ini, dianggap sebagai boleh dihukum seolah-olah orang yang kena tuduh itu telah melakukan perbuatan itu di Negara Brunei Darussalam.

Mengambil pemberian dll. untuk mengelakkan pesalah daripada hukuman

213. Barang siapa menerima atau cuba mendapatkan, atau bersetuju menerima –

- (a) apa-apa suapan untuk dirinya atau mana-mana orang lain; atau
- (b) apa-apa restitusi harta kepadanya atau mana-mana orang lain,

sebagai balasan kerana dia menyembunyikan suatu kesalahan, atau kerana dia mengelakkan mana-mana orang daripada hukuman undang-undang atas apa-apa kesalahan, atau kerana dia tidak meneruskan tindakan terhadap mana-mana orang bagi maksud membawanya kepada hukuman undang-undang, hendaklah –

- (i) jika kesalahan itu boleh dihukum mati, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda;
- (ii) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda; dan
- (iii) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun, dihukum penjara mengikut perihalan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, denda atau kedua-duanya sekali.

Menawarkan pemberian atau pemulangan harta sebagai balasan kerana mengelakkan pesalah daripada hukuman

214. Barang siapa memberikan atau menyebabkan diberikan, atau menawarkan atau bersetuju memberikan atau menyebabkan diberikan, apa-apa suapan –

- (a) kepada mana-mana orang; atau
- (b) memulangkan, atau menyebabkan dipulangkan, sebarang harta kepada mana-mana orang,

sebagai balasan kerana orang itu menyembunyikan suatu kesalahan, atau kerana dia mengelakkan mana-mana orang daripada hukuman undang-undang atas apa-apa kesalahan, atau kerana dia tidak meneruskan tindakan terhadap mana-mana orang bagi maksud membawanya kepada hukuman undang-undang, hendaklah –

- (i) jika kesalahan itu boleh dihukum mati, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda;
- (ii) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda; dan
- (iii) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun, dihukum penjara mengikut perihalan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, denda atau kedua-duanya sekali.

Kecualian – Peruntukan-peruntukan bab 213 dan 214 tidak termasuk apa-apa kes di mana kesalahan boleh dikompaun secara sah.

Mengambil pemberian untuk menolong mendapatkan balik harta curi dll.

215. Barang siapa mengambil atau bersetuju atau rela mengambil apa-apa suapan –

- (a) dengan berpura-pura menolong; atau
- (b) kerana menolong mana-mana orang untuk mendapatkan balik mana-mana harta alih yang telah diambil daripada orang itu dengan jalan melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Kanun ini,

hendaklah, melainkan jika dia menggunakan segala cara dalam kuasanya bagi menyebabkan pesalah itu ditangkap dan disabitkan atas kesalahan itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Melindungi pesalah yang telah melarikan diri daripada jagaan atau yang telah diperintahkan untuk ditangkap

216. (1) Apabila mana-mana orang yang disabitkan atas atau dituduh melakukan suatu kesalahan, yang berada dalam jagaan yang sah kerana kesalahan itu, melarikan diri daripada jagaan tersebut, atau apabila seorang kakitangan kerajaan, pada menjalankan kuasa-kuasanya yang sah, memerintahkan supaya orang tertentu ditangkap kerana suatu kesalahan, barang siapa, yang mengetahui orang itu telah melarikan diri atau telah diperintahkan untuk

ditangkap, melindungi atau menyembunyikan orang itu dengan niat hendak menghalangnya daripada ditangkap, hendaklah dihukum dengan cara yang berikut –

- (a) jika kesalahan yang kerananya orang itu berada dalam jagaan atau diperintahkan untuk ditangkap boleh dihukum mati, dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda;
- (b) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara selama 10 tahun, dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, dengan denda atau tidak; dan
- (c) jika kesalahan itu boleh dihukum penjara tidak melebihi satu tahun dan tidak sampai 10 tahun, dia hendaklah dihukum penjara mengikut perihalan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu perempat daripada tempoh hukuman penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu, denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam bab ini, “kesalahan” termasuk juga apa-apa perbuatan atau peninggalan yang seseorang itu dikatakan telah melakukannya di luar Negara Brunei Darussalam, yang, jika dia telah melakukannya di Negara Brunei Darussalam, sepatutnya boleh dihukum sebagai suatu kesalahan, dan yang kerananya dia, di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan ekstradisi boleh ditangkap atau ditahan dalam jagaan di Negara Brunei Darussalam; dan tiap-tiap perbuatan atau peninggalan itu hendaklah, bagi maksud-maksud bab ini, dianggap sebagai boleh dihukum seolah-olah orang yang kena tuduh itu telah melakukan perbuatan atau peninggalan itu di Negara Brunei Darussalam.

Kecualian – Peruntukan ini tidak termasuk kes perlindungan atau penyembunyian yang dilakukan oleh suami atau isteri kepada orang yang hendak ditangkap itu.

Hukuman kerana melindungi perompak atau kumpulan perompak

216A. Barang siapa, yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hampir hendak melakukan, atau baru-baru ini telah melakukan, rompakan atau rompakan berkumpulan, melindungi mereka atau mana-mana daripada mereka dengan niat hendak –

- (a) memudahkan rompakan atau rompakan berkumpulan itu dilakukan, atau
 - (b) mengelakkan mereka atau mana-mana daripada mereka dari hukuman,
- hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Huraian – Bagi maksud-maksud bab ini, tidaklah material sama ada rompakan atau rompakan berkumpulan itu dimaksudkan hendak dilakukan, atau telah dilakukan, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

Kecualian – Peruntukan ini tidak termasuk kes perlindungan yang dilakukan oleh suami atau isteri kepada pesalah itu.

Melindungi orang yang disyaki berkelakuan buruk

216B. (1) Barang siapa sebagai pemilik atau penghuni mana-mana rumah atau tempat dengan mengetahui –

- (a) melindungi pencuri terbilang di dalamnya; atau
- (b) dengan mengetahui membenarkan mereka berkumpul di dalamnya atau menyimpan di dalamnya barang-barang yang disyaki dengan munasabah telah dicuri,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

(2) Jika mana-mana orang yang disabitkan di bawah bab ini adalah pemegang suatu lesen bagi menjual minuman yang memabukkan atau ubat-ubatan atau bagi menjaga mana-mana tempat hiburan awam atau tempat peranginan, maka Mahkamah boleh atas budi bicaranya membatalkan mana-mana lesen itu.

Takrifan “melindungi” dalam bab-bab 212, 216, 216A dan 216B

216C. Dalam bab-bab 212, 216, 216A dan 216B, “melindungi” termasuk memberikan kepada seseorang tempat berlindung, makanan, minuman, wang, pakaian, senjata, peluru atau alat pengangkutan, atau menolong seseorang dengan apa jua cara untuk mengelakkannya daripada ditangkap.

Kakitangan kerajaan mengingkari arahan undang-undang dengan niat hendak menyelamatkan orang daripada hukuman atau harta daripada dilucut hak

217. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, dengan mengetahui mengingkari apa-apa arahan undang-undang tentang cara bagaimana dia menjalankan tugasnya sebagai kakitangan kerajaan itu –

(a) dengan niat dengan yang demikian hendak menyelamatkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyelamatkan mana-mana orang daripada hukuman undang-undang atau mengenakan kepadanya suatu hukuman yang ringan daripada hukuman yang boleh dikenakan kepadanya; atau

(b) dengan niat hendak menyelamatkan, dengan mengetahui bahawa dia berkemungkinan dengan yang demikian menyelamatkan apa-apa harta daripada dilucut hak atau daripada apa-apa tanggungan yang boleh dikenakan di sisi undang-undang,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Kakitangan kerajaan membuat rekod atau tulisan yang tidak betul dengan niat hendak menyelamatkan orang daripada hukuman atau harta daripada dilucut hak

218. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan dan sebagai kakitangan kerajaan itu, yang ditugaskan untuk menyediakan apa-apa rekod atau tulisan lain, membuat rekod atau tulisan itu dengan cara yang diketahuinya tidak betul –

(a) dengan niat hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyebabkan, kerugian atau kecederaan kepada orang ramai atau kepada mana-mana orang;

(b) dengan niat dengan yang demikian hendak menyelamatkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyelamatkan, mana-mana orang daripada hukuman undang-undang; atau

(c) dengan niat hendak menyelamatkan, atau dengan mengetahui bahawa dia berkemungkinan dengan yang demikian menyelamatkan, apa-apa harta daripada dilucut hak atau daripada tanggungan lain yang boleh dikenakan di sisi undang-undang,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Kakitangan kerajaan dalam prosiding kehakiman membuat laporan dll. dengan cara tidak jujur bertentangan dengan undang-undang

219. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, dengan cara tidak jujur atau dengan niat jahat membuat atau menjatuhkan dalam mana-mana peringkat suatu prosiding kehakiman, apa-apa laporan, perintah, verdik atau keputusan yang diketahuinya bertentangan dengan undang-undang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Membicarakan atau mengurung oleh orang berkuasa yang mengetahui bahawa dia bertindak bertentangan dengan undang-undang

220. Barang siapa, yang memegang apa-apa jawatan yang memberi kepadanya kuasa undang-undang untuk membicarakan atau mengurung orang, atau menahan orang dalam kurungan, dengan cara tidak jujur atau dengan niat jahat membicarakan atau mengurung mana-mana orang, atau menahan mana-mana orang dalam kurungan, pada menjalankan kuasa itu, yang mengetahui bahawa dengan berbuat demikian dia bertindak bertentangan dengan undang-undang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Dengan sengaja meninggalkan daripada menangkap di pihak kakitangan kerajaan yang terikat untuk menangkap

221. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, yang terikat di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk menangkap atau menahan dalam kurungan, mana-mana orang yang dituduh melakukan atau boleh ditangkap kerana suatu kesalahan, dengan sengaja meninggalkan daripada menangkap orang itu, atau dengan sengaja membiarkan orang itu melarikan diri, atau dengan sengaja membantu orang itu melarikan diri, atau cuba melarikan diri, daripada kurungan itu, hendaklah dihukum seperti yang berikut –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, dengan denda atau tidak, jika orang yang dikurung itu, atau yang sepatutnya telah ditangkap itu, dituduh melakukan, atau boleh ditangkap kerana, suatu kesalahan yang boleh dihukum mati;
- (b) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, dengan denda atau tidak, jika orang yang dikurung itu, atau yang sepatutnya telah ditangkap itu, dituduh melakukan, atau boleh ditangkap kerana, suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun; atau
- (c) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, dengan denda atau tidak, jika orang yang dikurung itu, atau yang sepatutnya telah ditangkap itu, dituduh melakukan, atau boleh ditangkap kerana, suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh kurang daripada 10 tahun.

Dengan sengaja meninggalkan daripada menangkap di pihak kakitangan kerajaan yang terikat untuk menangkap orang yang dijatuhi hukuman atau secara sah diletakkan ke dalam jagaan

222. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, yang terikat di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu, untuk menangkap atau menahan dalam kurungan, mana-mana orang yang dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Keadilan kerana apa-apa kesalahan atau secara sah diletakkan ke dalam jagaan, dengan sengaja meninggalkan daripada menangkap orang itu, atau dengan sengaja membiarkan orang itu mlarikan diri, atau dengan sengaja membantu orang itu mlarikan diri atau cuba mlarikan diri daripada kurungan itu, hendaklah dihukum seperti yang berikut –

- (a) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun, dengan denda atau tidak, jika orang yang dikurung itu, atau yang sepatutnya telah ditangkap itu, dijatuhi hukuman mati;
- (b) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, dengan denda atau tidak, jika orang yang dikurung itu, atau yang sepatutnya telah ditangkap itu, dikenakan menurut hukuman Mahkamah Keadilan, atau menurut hukuman yang diringankan, hukuman penjara bagi suatu tempoh selama 10 tahun atau lebih; atau

(c) penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali, jika orang yang dikurung itu, atau yang sepatutnya telah ditangkap itu, dikenakan menurut hukuman Mahkamah Keadilan, hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, atau jika orang itu secara sah diletakkan ke dalam jagaan.

Kakitangan kerajaan dengan cuai membiarkan orang melarikan diri daripada kurungan atau jagaan

223. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan, yang terikat di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk menahan dalam kurungan mana-mana orang yang dituduh melakukan atau disabitkan atas apa-apa kesalahan atau secara sah diletakkan ke dalam jagaan, dengan cuai membiarkan orang itu melarikan diri daripada kurungan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menentang dll. penangkapan yang sah; melarikan diri daripada jagaan

224. Barang siapa dengan sengaja –

- (a) memberikan sebarang tentangan atau halangan yang menyalahi undang-undang terhadap penangkapannya yang sah kerana apa-apa kesalahan yang atasnya dia dituduh, atau yang atasnya dia telah disabitkan; atau
- (b) melarikan diri, atau cuba melarikan diri, daripada mana-mana jagaan di mana dia ditahan secara sah kerana apa-apa kesalahan tersebut, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Huraian – Hukuman dalam bab ini adalah sebagai tambahan kepada hukuman yang boleh dikenakan kepada orang yang akan ditangkap atau ditahan dalam jagaan kerana kesalahan yang atasnya dia dituduh atau yang atasnya dia disabitkan.

Menentang atau menghalang penangkapan yang sah ke atas orang lain

225. Barang siapa dengan sengaja memberikan sebarang tentangan atau halangan yang menyalahi undang-undang terhadap penangkapan yang sah ke atas mana-mana orang lain kerana suatu kesalahan, atau melepaskan, atau cuba melepaskan, mana-mana orang lain daripada mana-mana jagaan di mana orang itu ditahan secara sah kerana suatu kesalahan –

- (a) hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali;
- (b) jika orang yang akan ditangkap, atau orang yang dilepaskan atau cuba dilepaskan itu, dituduh melakukan, atau boleh ditangkap kerana, suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda;
- (c) jika orang yang akan ditangkap, atau dilepaskan atau cuba dilepaskan itu, dituduh melakukan, atau boleh ditangkap kerana, suatu kesalahan yang boleh dihukum mati, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda;
- (d) jika orang yang akan ditangkap, atau dilepaskan atau cuba dilepaskan itu, boleh, menurut hukuman Mahkamah Keadilan, atau menurut hukuman yang diringankan, dihukum penjara bagi suatu tempoh selama 10 tahun atau lebih, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda; atau
- (e) jika orang yang akan ditangkap, atau dilepaskan atau cuba dilepaskan itu, dijatuhi hukuman mati, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Meninggalkan daripada menangkap, atau membiarkan orang mlarikan diri, di pihak kakitangan kerajaan dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan selainnya

225A. Barang siapa, sebagai seorang kakitangan kerajaan yang terikat di sisi undang-undang sebagai kakitangan kerajaan itu untuk menangkap, atau menahan dalam kurungan, mana-mana orang dalam apa-apa kes yang tidak diperuntukkan dalam bab 221, 222 atau 223, atau dalam sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu, meninggalkan daripada menangkap orang itu atau membiarkannya mlarikan diri daripada kurungan hendaklah dihukum –

- (a) jika dia berbuat demikian dengan sengaja, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali; dan
- (b) jika dia berbuat demikian dengan cuai, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menentang atau menghalang penangkapan yang sah, atau milarikan diri atau melepaskan, dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan

225B. Barang siapa, dalam apa-apa kes yang tidak diperuntukkan dalam bab 224 atau 225 atau dalam sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu –

- (a) dengan sengaja memberikan sebarang tentangan atau halangan yang menyalahi undang-undang terhadap penangkapan yang sah ke atas dirinya atau ke atas mana-mana orang lain;
 - (b) milarikan diri atau cuba milarikan diri daripada mana-mana jagaan di mana dia ditahan secara sah; atau
 - (c) melepaskan atau cuba melepaskan mana-mana orang lain daripada mana-mana jagaan di mana orang itu ditahan secara sah,
- hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau kedua-duanya sekali.

Kembali daripada dibuang negeri dll. dengan menyalahi undang-undang

226. Barang siapa, setelah dibuang negeri secara sah atau pun selainnya dihantar keluar secara sah daripada Negara Brunei Darussalam, kembali ke Negara Brunei Darussalam, yang tempohnya dibuang negeri atau dihantar keluar daripada Negara Brunei Darussalam belum tamat, dan dia belum menerima peringanan hukuman, atau pun selainnya tidak mempunyai autoriti yang sah untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Melanggar syarat hukuman yang diringankan

227. Barang siapa, setelah bersetuju menerima apa-apa peringangan hukuman secara bersyarat, dengan mengetahui melanggar apa-apa syarat peringangan itu diberikan, hendaklah dihukum dengan hukuman yang dia telah dijatuhi pada asalnya, jika dia belum menjalani

sebahagian hukuman itu, dan, jika dia telah menjalani mana-mana bahagian hukuman itu, dengan hukuman sebanyak yang dia belum lagi menjalaninya.

Dengan sengaja mengaibkan atau mengganggu kakitangan kerajaan yang sedang bersidang dalam peringkat prosiding kehakiman

228. Barang siapa dengan sengaja memberi apa-apa aib, atau menyebabkan apa-apa gangguan, kepada mana-mana kakitangan kerajaan, semasa kakitangan kerajaan itu sedang bersidang dalam mana-mana peringkat suatu prosiding kehakiman, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Menghina Mahkamah

228A. Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan yang menjelaskan atau mungkin menjelaskan perjalanan kehakiman, atau melakukan apa-apa penghinaan mahkamah yang tidak boleh dihukum dengan nyata oleh Kanun ini atau sebarang undang-undang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Menyamar sebagai juri atau pengapit hakim

229. Barang siapa –

(a) dengan menyamar atau pun selainnya, dengan sengaja menyebabkan, atau dengan mengetahui membiarkan dirinya disenaraikan, dipilih atau diangkat dengan bersumpah sebagai seorang juri atau pengapit hakim dalam sebarang hal yang diketahuinya bahawa dia tidak berhak di sisi undang-undang untuk disenaraikan, dipilih atau diangkat dengan bersumpah; atau

(b) dengan mengetahui dirinya telah disenaraikan, dipilih atau diangkat dengan bersumpah bertentangan dengan undang-undang, dengan sengaja berkhidmat sebagai juri atau pengapit hakim itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan yang baginya tiada hukuman khas diperuntukkan

229A. Barang siapa melakukan apa-apa juga yang menurut sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam dia dilarang daripada melakukan, atau

meninggalkan daripada melakukan apa-apa jua yang dia disuruh melakukannya, hendaklah, apabila tiada hukuman khas diperuntukkan oleh undang-undang bertulis itu bagi perlakuan atau peninggalan itu, dihukum denda tidak melebihi \$5,000.

PENGGAL XII

KESALAHAN BERKENAAN DENGAN DUIT SYILING DAN SETEM KERAJAAN

“Duit syiling” ditakrifkan

230. Duit syiling adalah logam yang digunakan pada masa itu sebagai wang, dan dicap dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa di sesebuah Negara atau kuasa berdaulat untuk digunakan demikian.

Misalan-misalan

- (a) Kulit siput bukanlah duit syiling.
- (b) Kepingan tembaga yang tidak bercap, walaupun digunakan sebagai wang, bukanlah duit syiling.
- (c) Pingat bukanlah duit syiling, kerana ia tidak dimaksudkan untuk digunakan sebagai wang.

231. (*Tidak ada bab*).

Memalsukan duit syiling

232. Barang siapa memalsukan, atau dengan mengetahui menjalankan mana-mana bahagian proses memalsukan duit syiling, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

233. (*Tidak ada bab*).

Membuat atau menjual alat untuk memalsukan duit syiling

234. Barang siapa –

- (a) membuat atau membaiki, atau menjalankan mana-mana bahagian proses membuat atau membaiki;
- (b) membeli, menjual atau melupuskan,

apa-apa acuan atau alat untuk tujuan digunakan, atau dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa acuan atau alat itu dimaksudkan untuk digunakan, bagi tujuan memalsukan duit syiling, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Memiliki alat atau bahan untuk tujuan memalsukan duit syiling

235. Barang siapa memiliki apa-apa alat atau bahan bagi tujuan hendak menggunakan alat atau bahan itu untuk memalsukan duit syiling, atau dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat dan bahan itu dimaksudkan untuk digunakan bagi tujuan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Bersubahat di Negara Brunei Darussalam memalsukan duit syiling di luar Negara Brunei Darussalam

236. Barang siapa, yang berada di dalam Negara Brunei Darussalam, bersubahat memalsukan duit syiling di luar Negara Brunei Darussalam, hendaklah dihukum dengan cara yang sama seolah-olah dia bersubahat memalsukan duit syiling itu di dalam Negara Brunei Darussalam.

237. (*Tidak ada bab*).

Membawa masuk atau membawa keluar duit syiling palsu

238. Barang siapa membawa masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam, atau membawa keluar dari Negara Brunei Darussalam, apa-apa duit syiling palsu yang diketahuinya, atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai, sebagai duit syiling palsu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

239. (*Tidak ada bab*).

Menyerahkan duit syiling yang dimiliki dengan mengetahuinya sebagai palsu

240. Barang siapa, yang mempunyai apa-apa duit syiling palsu yang pada masa apabila dia mula-mula memilikinya, dia mengetahui sebagai palsu, secara fraud, atau dengan niat supaya fraud boleh dilakukan, menyerahkan duit syiling palsu itu kepada mana-mana orang,

atau cuba mendorong mana-mana orang untuk menerimanya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Menyerahkan duit syiling sebagai tulen, yang, apabila mula-mula dimiliki, orang yang menyerahkan tidak mengetahuinya sebagai palsu

241. Barang siapa menyerahkan kepada mana-mana orang lain sebagai tulen, atau cuba mendorong mana-mana orang lain untuk menerimanya sebagai tulen, apa-apa duit syiling yang diketahuinya sebagai palsu, tetapi yang dia tidak mengetahuinya sebagai palsu pada masa apabila dia mengambil duit syiling itu ke dalam milikannya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda dalam suatu amaun tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai duit syiling yang dipalsukan itu, atau kedua-duanya sekali.

Misalan

A, seorang pemalsu duit syiling, menyerahkan ringgit palsu kepada rakan sejenayahnya *B*, untuk tujuan menyebarkannya. *B* menjual ringgit itu kepada *C*, seorang lagi penyebar, yang membelinya dengan mengetahuinya sebagai palsu. *C* membayar dengan ringgit itu untuk harga barang-barang kepada *D*, yang menerimanya, dengan tidak mengetahuinya sebagai palsu, *D*, setelah menerima ringgit itu, mendapati bahawa ringgit itu adalah palsu dan membayar dengan ringgit itu seolah-olah ringgit itu adalah tulen. Di sini, *D* boleh dihukum hanya di bawah bab ini, tetapi *B* dan *C* boleh dihukum di bawah bab 240.

242. (*Tidak ada bab*).

Orang memiliki duit syiling yang mengetahuinya sebagai palsu apabila dia mula-mula memilikinya

243. Barang siapa, secara fraud atau dengan niat supaya fraud boleh dilakukan, memiliki duit syiling palsu, setelah mengetahui pada masa apabila dia mula-mula memilikinya bahawa duit syiling itu adalah palsu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

244. – 246. (*Tidak ada bab-bab*).

Secara fraud atau dengan tidak jujur mengurangkan berat atau mengubah komposisi duit syiling

247. Barang siapa secara fraud atau dengan tidak jujur menjalankan ke atas apa-apa duit syiling sebarang operasi yang mengurangkan berat atau mengubah komposisi duit syiling itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Huraian – Seseorang yang mengorek sebahagian duit syiling itu, dan memasukkan apa-apa jua ke dalam lubangnya, mengubah komposisi duit syiling itu.

248. (*Tidak ada bab*).

Mengubah rupa bentuk duit syiling dengan niat supaya duit syiling itu laku sebagai jenis duit syiling lain

249. Barang siapa menjalankan ke atas apa-apa duit syiling sebarang operasi yang mengubah rupa bentuk duit syiling itu, dengan niat supaya duit syiling itu laku sebagai jenis duit syiling lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

250. (*Tidak ada bab*).

Menyerahkan duit syiling yang dimiliki dengan mengetahuinya telah diubah

251. Barang siapa –

(a) yang ada dalam milikannya duit syiling yang berkenaan dengannya kesalahan yang ditakrifkan dalam bab 247 atau 249 telah dilakukan; dan

(b) setelah mengetahui pada masa apabila dia mula-mula memiliki duit syiling itu bahawa kesalahan tersebut telah dilakukan berkenaan dengannya, secara fraud atau dengan niat supaya fraud boleh dilakukan, menyerahkan duit syiling itu kepada mana-mana orang lain, atau cuba mendorong mana-mana orang lain untuk menerima duit syiling itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

252. (*Tidak ada bab*).

Orang memiliki duit syiling dengan mengetahuinya telah diubah pada masa dia mula-mula memilikinya

253. Barang siapa secara fraud, atau dengan niat supaya fraud boleh dilakukan, memiliki duit syiling yang berkenaan dengan kesalahan yang ditakrifkan dalam salah satu bab 247 atau 249 telah dilakukan, setelah mengetahui pada masa mula-mula memilikinya bahawa kesalahan itu telah dilakukan berkenaan dengan duit syiling tersebut, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Menyerahkan duit syiling sebagai tulen, yang apabila mula-mula memilikinya, orang yang menyerahkan itu tidak mengetahui duit syiling itu telah diubah

254. Barang siapa –

(a) menyerahkan kepada mana-mana orang sebagai tulen, atau sebagai jenis duit syiling lain dari yang sebenar; atau
(b) cuba mendorong mana-mana orang untuk menerima sebagai tulen, atau sebagai duit syiling lain dari yang sebenar,
apa-apa duit syiling yang berkaitan dengannya dia mengetahui bahawa sebarang operasi sebagaimana yang disebutkan dalam bab 247 atau 249 telah dijalankan, tetapi yang berkaitan dengannya dia tidak, pada masa apabila dia mengambilnya ke dalam milikannya, mengetahui operasi apa yang telah dijalankan ke atasnya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau denda dalam suatu amaun tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai duit syiling yang telah diubah itu diedarkan atau cuba diedarkan.

Memalsukan setem Kerajaan

255. Barang siapa memalsukan, atau dengan mengetahui menjalankan mana-mana bahagian proses pemalsuan, apa-apa setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Memiliki alat atau bahan untuk memalsukan setem Kerajaan

256. Barang siapa ada dalam milikannya apa-apa alat atau bahan bagi maksud untuk digunakan, atau dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat atau bahan itu dimaksudkan untuk digunakan, bagi tujuan memalsukan apa-apa setem yang

dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Membuat atau menjual alat untuk memalsukan setem Kerajaan

257. Barang siapa –

- (a) membuat atau menjalankan mana-mana bahagian proses membuat;
- (b) membeli, menjual atau melupuskan, apa-apa alat bagi maksud untuk digunakan; atau
- (c) dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat itu dimaksudkan untuk digunakan,

bagi tujuan memalsukan apa-apa setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Menjual setem Kerajaan palsu

258. Barang siapa menjual, atau menawarkan untuk jualan, apa-apa setem yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu apa-apa setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Memiliki setem Kerajaan palsu

259. Barang siapa ada dalam milikannya apa-apa setem yang diketahuinya sebagai palsu apa-apa setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, bermaksud hendak menggunakan atau melupuskan setem itu sebagai suatu setem tulen, atau supaya setem itu boleh digunakan sebagai suatu setem tulen, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Menggunakan sebagai tulen setem Kerajaan yang diketahuinya sebagai palsu

260. Barang siapa menggunakan sebagai tulen apa-apa setem, dengan mengetahuinya sebagai palsu apa-apa setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi tujuan ia digunakan pada asalnya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Memadam tulisan daripada benda yang mempunyai setem Kerajaan, atau menanggalkan daripada dokumen setem yang digunakan untuknya, dengan niat hendak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan

261. Barang siapa secara fraud atau dengan niat hendak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan –

- (a) menanggalkan atau memadam daripada apa-apa benda yang mempunyai sebarang setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, apa-apa tulisan atau dokumen yang untuknya setem itu telah digunakan; atau
- (b) menanggalkan daripada apa-apa tulisan atau dokumen, suatu setem yang telah digunakan untuk tulisan atau dokumen tersebut supaya setem itu boleh digunakan untuk suatu tulisan atau dokumen lain,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menggunakan setem Kerajaan yang diketahui telah digunakan dahulu

262. Barang siapa secara fraud atau dengan niat hendak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan, menggunakan bagi apa-apa maksud suatu setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, yang diketahuinya telah digunakan dahulu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Memadam tanda yang menunjukkan bahawa setem telah digunakan

263. Barang siapa secara fraud atau dengan niat hendak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan –

- (a) memadam atau menanggalkan daripada suatu setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud hasil, apa-apa tanda yang dibubuh atau dicapkan pada setem itu bagi maksud menunjukkan bahawa setem itu telah digunakan;
- (b) dengan mengetahui ada dalam milikannya, atau menjual atau melupuskan, sebarang setem itu yang daripadanya tanda tersebut dipadam atau ditanggalkan; atau
- (c) menjual atau melupuskan sebarang setem itu yang diketahuinya telah digunakan,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Larangan setem palsu

263A. (1) Barang siapa –

- (a) membuat, dengan mengetahui mengedarkan, mengurus niaga, atau menjual sebarang setem palsu, atau dengan mengetahui menggunakan bagi apa-apa maksud pos sebarang setem palsu;
- (b) ada dalam milikannya, tanpa alasan yang sah, sebarang setem palsu; atau
- (c) membuat, atau, tanpa alasan yang sah, ada dalam milikannya apa-apa acuan, plat, alat atau bahan untuk membuat sebarang setem palsu,
hendaklah dihukum denda tidak melebihi \$5,000.

(2) Sebarang setem, acuan, plat, alat atau bahan tersebut dalam milikan mana-mana orang untuk membuat sebarang setem palsu boleh dirampas, dan hendaklah dilucut hak.

(3) Dalam bab ini, “setem palsu” bermakna sebarang setem yang dikatakan telah dikeluarkan dengan palsu oleh Kerajaan bagi maksud menunjukkan suatu kadar bayaran pos, atau apa-apa faksimile atau tiruan atau gambaran, sama ada pada kertas atau pun selainnya, sebarang setem yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi maksud itu.

Menjual barang yang mempunyai reka bentuk yang menyerupai mata wang

263B. Barang siapa tanpa autoriti atau alasan yang sah menjual, atau menawarkan atau mendedahkan untuk jualan, apa-apa barang yang mempunyai suatu reka bentuk yang menyerupai mana-mana mata wang atau wang kertas bank atau duit syiling, yang digunakan pada masa ini di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda sebanyak \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

PENGGAL XIII
KESALAHAN BERKENAAN DENGAN ALAT TIMBANGAN DAN SUKATAN

Menggunakan secara fraud alat untuk menimbang

264. Barang siapa menggunakan secara fraud apa-apa alat untuk menimbang yang diketahuinya sebagai palsu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menggunakan secara fraud alat timbangan atau sukatan palsu

265. Barang siapa menggunakan secara fraud –

- (a) apa-apa alat timbangan palsu atau alat sukatan panjang atau muatan palsu; atau
- (b) apa-apa alat timbangan atau apa-apa alat sukatan panjang atau muatan sebagai alat timbangan atau sukatan yang berlainan daripada yang sebenarnya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Ada memiliki alat timbangan atau sukatan palsu

266. Barang siapa ada memiliki apa-apa alat untuk menimbang, atau apa-apa alat timbangan, atau apa-apa alat sukatan panjang atau muatan, yang diketahuinya sebagai palsu, dan dengan maksud supaya alat itu boleh digunakan secara fraud, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Membuat atau menjual alat timbangan atau sukatan palsu

267. Barang siapa membuat, menjual atau melupuskan apa-apa alat untuk menimbang, atau apa-apa alat timbangan, atau apa-apa alat sukatan panjang atau muatan, yang diketahuinya sebagai palsu, supaya alat itu boleh digunakan sebagai benar, atau dengan mengetahui bahawa alat itu mungkin digunakan sebagai benar, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

PENGGAL XIV
KESALAHAN YANG MENYENTUH KESIHATAN, KESELAMATAN,
KEMUDAHAN, KESOPANAN DAN AKHLAK AWAM

Kacau ganggu awam

268. Seseorang itu adalah melakukan kacau ganggu awam jika dia melakukan apa-apa perbuatan atau melakukan suatu peninggalan yang menyalahi undang-undang yang –

- (a) menyebabkan apa-apa kecederaan, bahaya atau kegusaran am kepada orang ramai atau kepada orang pada amnya yang tinggal atau menduduki harta dalam kawasan yang berhampiran; atau
- (b) semestinya menyebabkan kecederaan, halangan, bahaya atau kegusaran kepada orang yang mungkin ada kalanya menggunakan apa-apa hak awam.

Huraian – Kacau ganggu am tidak dimaafkan atas alasan bahawa ia menyebabkan sesuatu kemudahan atau manfaat.

Perbuatan cuai mungkin merebakkan jangkitan penyakit yang membahayakan nyawa

269. Barang siapa dengan menyalahi undang-undang atau dengan cuai melakukan apa-apa perbuatan yang, dan yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai, mungkin merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang membahayakan nyawa, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Perbuatan jahat mungkin merebakkan jangkitan penyakit yang membahayakan nyawa

270. Barang siapa dengan jahat melakukan apa-apa perbuatan yang, dan yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai, mungkin merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang membahayakan nyawa, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Mengingkari aturan kuarantin

271. Barang siapa dengan mengetahui mengingkari apa-apa aturan yang dibuat dan diisytiharkan oleh Kerajaan bagi –

(a) meletakkan mana-mana vesel ke dalam keadaan kuarantin, atau bagi mengawal selia perhubungan vesel, dalam keadaan kuarantin dengan pantai, atau dengan vesel lain; atau

(b) mengawal selia perhubungan antara tempat-tempat yang ada penyakit berjangkit dengan tempat lain,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Mencampur makanan atau minuman untuk jualan

272. Barang siapa mencampur apa-apa barang makanan atau minuman hingga menjadikan barang itu berbahaya sebagai makanan atau minuman –

(a) dengan maksud hendak menjual barang tersebut sebagai makanan atau minuman; atau

(b) dengan mengetahuinya berkemungkinan bahawa barang itu akan dijual sebagai makanan atau minuman,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda.

Menjual makanan atau minuman berbahaya

273. Barang siapa menjual, menawarkan atau menunjukkan untuk jualan sebagai makanan atau minuman, apa-apa barang yang –

(a) telah dijadikan atau telah menjadi berbahaya; atau

(b) dalam keadaan yang tidak sesuai untuk makanan atau minuman, dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa barang itu adalah berbahaya sebagai makanan atau minuman,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda.

Mencampur dadah

274. Barang siapa mencampur apa-apa ubat atau sediaan ubat dengan cara yang akan –

(a) mengurangkan mujarabnya atau mengubah pengendalian ubat atau sediaan ubat itu; atau

(b) menjadikannya berbahaya, dengan maksud supaya ia dijual atau digunakan bagi, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan bahawa ia akan dijual atau digunakan bagi, apa-apa maksud ubat, seolah-olah ia tidak dicampur sedemikian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda.

Menjual ubat yang bercampur

275. Barang siapa, dengan mengetahui apa-apa ubat atau sediaan ubat telah dicampur dengan cara yang akan mengurangkan mujarabnya, mengubah pengendaliannya, atau menjadikannya berbahaya –

(a) menjualnya, atau menawarkan atau menunjukkannya untuk jualan;

(b) mengeluarkannya daripada mana-mana dispensari bagi maksud-maksud ubat sebagai tidak bercampur; atau

(c) menyebabkannya untuk digunakan bagi maksud-maksud ubat oleh mana-mana orang yang tidak mengetahui tentang campuran itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda.

Menjual ubat sebagai ubat atau sediaan ubat yang lain

276. Barang siapa dengan mengetahui –

(a) menjual, atau menawarkan atau menunjukkan untuk jualan; atau

(b) mengeluarkannya daripada suatu dispensari bagi maksud-maksud ubat, apa-apa ubat atau sediaan ubat sebagai suatu ubat atau sediaan ubat yang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali.

Menggunakan forsep, kecuali oleh pengamal perubatan, adalah dilarang

276A. Mana-mana orang, selain daripada seorang pengamal perubatan berdaftar, yang menggunakan atau cuba menggunakan forsep apabila membantu kelahiran anak hendaklah dihukum penjara tidak melebihi 2 tahun, denda tidak melebihi \$8,000 atau kedua-duanya sekali.

Mengotorkan air di mata air atau kolam air awam

277. Barang siapa dengan sengaja mencemarkan atau mengotorkan air di mana-mana mata air atau kolam air awam hingga menjadikannya kurang sesuai untuk tujuan ia biasanya digunakan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Kesalahan disebabkan api

277A. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain –
(a) mana-mana orang yang di mana-mana tempat terbuka dan dalam suatu tempoh yang ditetapkan dengan sengaja atau dengan cuai menyalakan atau membiarkan mana-mana api atau melakukan apa-apa perbuatan berkenaan dengan mana-mana api; dan

(b) tertakluk kepada ceraian (3), mana-mana pemilik berdaftar dan mana-mana penghuni di mana-mana tempat terbuka di mana dalam suatu tempoh yang ditetapkan mana-mana orang dengan sengaja atau dengan cuai menyalakan atau membiarkan mana-mana api atau melakukan apa-apa perbuatan berkenaan dengan mana-mana api,

hendaklah dihukum denda tidak melebihi \$100,000.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain –
(a) mana-mana orang yang di mana-mana tempat dan dalam suatu tempoh yang ditetapkan dengan sengaja atau dengan cuai menyalakan atau membiarkan mana-mana api atau melakukan apa-apa perbuatan berkenaan dengan mana-mana api; dan

(b) tertakluk kepada ceraian (3), mana-mana pemilik berdaftar dan mana-mana penghuni di mana-mana tempat di mana dalam suatu tempoh yang ditetapkan mana-mana orang dengan sengaja atau dengan cuai menyalakan atau membiarkan mana-mana api atau melakukan apa-apa perbuatan berkenaan dengan mana-mana api,

dengan cara yang akan –

(i) membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia sehingga mendatangkan kemusnahan atau kerosakan kepada

mana-mana harta, atau mendatangkan apa-apa kecederaan, kegusaran atau halangan; atau

- (ii) mengotorkan udara sehingga menjadikannya berbahaya kepada kesihatan orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai akses untuk menggunakan apa-apa hak awam,

hendaklah dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

(3) Mana-mana pemilik atau penghuni berdaftar itu tidak melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) atau (2) jika dia membuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa –

- (a) kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pemberiarannya dan tidak disebabkan apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihaknya; atau
- (b) dia cuba menghalang kesalahan itu daripada dilakukan.

(4) Dalam bab ini –

“Menteri” bermakna Menteri yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi alam sekitar;

“penghuni” bermakna orang yang menduduki tempat atau tempat-tempat terbuka, atau menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen orang lain, dan termasuk seorang penyewa atau penginap;

“tempoh yang ditetapkan” bermakna mana-mana tempoh yang bermula pada tarikh sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai bermulanya, dan berakhir pada tarikh sebagaimana yang mungkin diisytiharkan demikian sebagai tamatnya, tempoh yang ditetapkan bagi maksud bab ini.

Menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan

278. Barang siapa dengan sengaja mengotorkan udara di mana-mana tempat hingga menjadikannya berbahaya kepada kesihatan orang yang pada amnya tinggal atau menjalankan perniagaan dalam kawasan yang berhampiran atau melalui jalan awam, hendaklah dihukum denda tidak melebihi \$100,000.

Memandu atau menunggang dengan gopoh di jalan awam

279. Barang siapa memandu mana-mana kenderaan, atau menunggang, di mana-mana jalan awam, dengan cara yang begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia, atau mungkin menyebabkan cedera atau kecederaan kepada mana-mana orang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan dengan denda.

Melayarkan vesel dengan gopoh

280. Barang siapa melayarkan mana-mana vesel dengan cara yang begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia, atau mungkin menyebabkan cedera atau kecederaan kepada mana-mana orang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi \$10,000.

Menunjukkan api isyarat, tanda atau boyo palsu

281. Barang siapa menunjukkan mana-mana api isyarat, tanda atau boyo palsu, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan bahawa penunjukan tersebut akan mengelirukan mana-mana jurulayar, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Membawa orang dengan jalan air untuk mendapatkan sewa dalam vesel yang tidak selamat atau terlebih muatan

282. Barang siapa dengan mengetahui atau dengan cuai membawa atau menyebabkan dibawa, untuk mendapatkan sewa, mana-mana orang dengan jalan air, dalam mana-mana vesel, apabila vesel itu dalam keadaan sedemikian atau terlebih muatan demikian hingga membahayakan nyawa orang itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Bahaya atau halangan di jalan atau haluan pelayaran awam

283. Barang siapa, dengan melakukan apa-apa perbuatan, atau meninggalkan daripada menerima perintah ke atas mana-mana harta dalam milikannya atau di bawah jagaannya, menyebabkan bahaya, halangan atau kecederaan kepada mana-mana orang di mana-mana jalan awam atau haluan pelayaran awam, hendaklah dihukum denda.

Kelakuan cuai berkenaan dengan benda beracun

284. Barang siapa –

- (a) melakukan, dengan apa-apa benda beracun, apa-apa perbuatan dengan cara yang begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia, atau mungkin menyebabkan cedera atau kecederaan kepada mana-mana orang; atau
- (b) dengan mengetahui atau dengan cuai meninggalkan daripada menerima perintah ke atas apa-apa benda beracun dalam milikannya yang memadai untuk menghindarkan bahaya yang mungkin berlaku kepada nyawa manusia daripada benda beracun tersebut,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Kelakuan cuai berkenaan dengan api atau benda mudah terbakar

285. Barang siapa –

- (a) melakukan, dengan api atau apa-apa benda mudah terbakar, apa-apa perbuatan dengan begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia atau mungkin menyebabkan cedera atau kecederaan kepada mana-mana orang; atau
- (b) dengan mengetahui atau dengan cuai meninggalkan daripada menerima perintah ke atas mana-mana api atau apa-apa benda mudah terbakar dalam milikannya yang memadai untuk menghindarkan sebarang bahaya yang mungkin berlaku kepada nyawa manusia daripada api atau benda mudah terbakar tersebut, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan, denda atau keduanya sekali.

Kelakuan cuai berkenaan dengan bahan letupan

286. Barang siapa –

- (a) melakukan, dengan apa-apa bahan letupan, apa-apa perbuatan dengan begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia, atau mungkin menyebabkan cedera atau kecederaan kepada mana-mana orang lain; atau
- (b) dengan mengetahui atau dengan cuai meninggalkan daripada menerima perintah ke atas apa-apa bahan letupan dalam milikannya yang memadai untuk menghindarkan sebarang bahaya yang mungkin berlaku kepada nyawa manusia daripada bahan itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Kelakuan cuai berkenaan dengan jentera

287. Barang siapa –

- (a) melakukan, dengan apa-apa jentera, apa-apa perbuatan dengan begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia, atau mungkin menyebabkan cedera atau kecederaan kepada mana-mana orang lain; atau
- (b) dengan mengetahui atau dengan cuai meninggalkan daripada menerima perintah ke atas apa-apa jentera dalam milikannya atau di bawah jagaannya yang memadai untuk menghindarkan sebarang bahaya yang mungkin berlaku kepada nyawa manusia daripada jentera tersebut,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Kelakuan cuai berkenaan dengan merobohkan atau membaiki bangunan

288. Barang siapa, dalam merobohkan atau membaiki mana-mana bangunan, dengan mengetahui atau dengan cuai meninggalkan daripada menerima perintah ke atas bangunan itu yang memadai untuk menghindarkan sebarang bahaya yang mungkin berlaku kepada nyawa manusia daripada runtuhannya bangunan itu, atau mana-mana bahagiannya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Kelakuan cuai berkenaan dengan haiwan

289. Barang siapa dengan mengetahui atau dengan cuai meninggalkan daripada menerima perintah ke atas mana-mana haiwan dalam milikannya yang memadai untuk menghindarkan sebarang bahaya yang mungkin berlaku kepada nyawa manusia, atau sebarang bahaya cedera parah yang mungkin berlaku daripada haiwan tersebut, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Kacau ganggu awam

290. Barang siapa melakukan kacau ganggu awam dalam mana-mana kes yang tidak boleh dihukum selainnya oleh Kanun ini hendaklah dihukum denda.

Meneruskan kacau ganggu selepas injunksi untuk menghentikan

291. Barang siapa mengulangi atau meneruskan kacau ganggu awam, setelah disuruh oleh mana-mana kakitangan kerajaan yang mempunyai kuasa yang sah untuk mengeluarkan injunksi untuk tidak mengulangi atau meneruskan kacau ganggu tersebut, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Menjual dll. barang lucah

292. (1) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab 293, suatu barang adalah dianggap sebagai lucah jika kesannya atau (jika barang itu mengandungi dua atau lebih butiran yang berlainan) kesan mana-mana satu butirannya adalah, jika dilihat pada keseluruhannya, sedemikian keadaannya hingga cenderung merosakkan akhlak dan merosakkan orang yang, dengan mengambil kira semua hal keadaan yang berkaitan, mungkin (atau akan berkemungkinan jika tidak kerana rampasan yang sah ke atas barang itu) membaca, melihat atau mendengar perkara yang terdapat atau terkandung di dalamnya.

(2) Dalam bab ini, “barang” bermakna apa-apa perihalan barang yang terdapat atau terkandung dalam perkara yang akan dibaca atau dilihat atau kedua-duanya, apa-apa rakaman bunyi, dan apa-apa filem, kaset video, negatif fotografik atau rakaman gambar yang lain.

(3) Barang siapa –

(a) menjual, menyewakan, membahagi-bahagikan, menunjukkan di khalayak ramai atau dengan apa jua cara mengedarkan, atau bagi maksud menjual, menyewakan, membahagi-bahagikan, menunjukkan di khalayak ramai atau mengedarkan membuat, mengeluarkan atau ada dalam milikannya apa-apa barang lucah;

(b) mengimport, mengeksport atau membawa apa-apa barang lucah bagi mana-mana maksud tersebut, atau dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa barang itu akan dijual, disewakan, dibahagi-bahagikan atau ditunjukkan di khalayak ramai atau dengan apa jua cara diedarkan;

(c) mengambil bahagian dalam atau menerima keuntungan daripada apa-apa urusan yang dalam masa menjalankannya dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa barang lucah itu adalah, bagi mana-mana maksud tersebut, dibuat, dikeluarkan, dibeli, disimpan, diimport, dieksport, dibawa, ditunjukkan di khalayak ramai atau dengan apa jua cara diedarkan;

(d) mengiklankan atau memberitahu dengan apa jua cara pun bahawa mana-mana orang terlibat atau bersedia melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan di bawah bab ini atau bahawa apa-apa barang lucah itu boleh didapatkan daripada atau melalui mana-mana orang; atau

(e) menawarkan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menjadi suatu kesalahan di bawah bab ini,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda tidak kurang daripada \$500 dan tidak lebih daripada \$5,000, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak kurang daripada \$1,000 dan tidak lebih daripada \$30,000.

Kecualian – Bab ini tidak termasuk apa-apa buku, risalah, tulisan, rajah atau lukisan yang disimpan atau diguna secara *bona fide* bagi maksud-maksud ugama atau apa-apa gambaran yang berpahat, berukir, bercat atau pun selainnya digambarkan pada atau dalam mana-mana rumah ibadat.

Menjual dll. barang lucah kepada orang di bawah umur 20 tahun

293. Barang siapa –

(a) menjual, menyewakan, membahagi-bahagikan, menunjukkan atau mengedarkan kepada mana-mana orang di bawah umur 20 tahun apa-apa barang lucah; atau

(b) menawarkan atau cuba berbuat demikian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda tidak kurang daripada \$1,000 dan tidak lebih daripada \$10,000, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak kurang daripada \$3,000 dan tidak lebih daripada \$50,000.

Memiliki fotograf tidak senonoh kanak-kanak [S 51/2012]

293A. (1) Barang siapa ada dalam milikannya suatu fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah seorang kanak-kanak adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum penjara yang boleh sampai 5 tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika seseorang itu dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1), adalah menjadi suatu pembelaan baginya untuk membuktikan bahawa –

(a) dia ada sebab yang sah untuk mempunyai fotograf atau fotograf semu itu dalam milikannya;

(b) dia sendiri belum pernah melihat fotograf atau fotograf semu itu dan tidak mengetahuinya, atau tidak mempunyai sebarang sebab untuk mengesyakinya, sebagai tidak senonoh atau lucah; atau

(c) fotograf atau fotograf semu itu dikirimkan kepadanya tanpa apa-apa permintaan dibuat terlebih dahulu olehnya atau bagi pihaknya dan bahawa dia tidak menyimpannya bagi tempoh masa yang tidak munasabah.

Mengambil, mengedarkan, menunjukkan, mengiklankan dan mengakses fotograf tidak senonoh kanak-kanak [S 51/2012]

293B. (1) Barang siapa –

- (a) mengambil atau membenarkan untuk diambil atau bersubahat mengambil apa-apa fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah seseorang kanak-kanak;
- (b) mengedarkan atau menunjukkan fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah itu;
- (c) ada dalam milikannya fotograf tidak senonoh atau lucah itu dengan tujuan untuk diedarkan atau ditunjukkan sendiri olehnya kepada orang lain;
- (d) menyiaran atau menyebabkan disiarkan apa-apa iklan yang mungkin difahami sebagai menyampaikan bahawa pengiklan mengedarkan atau menunjukkan fotograf atau fotograf semu tidak senonoh itu, atau bercadang hendak berbuat demikian; atau
- (e) mengakses apa-apa fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah seorang kanak-kanak,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum penjara yang boleh sampai 10 tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam bab ini, seseorang itu hendaklah dianggap sebagai mengedarkan suatu fotograf atau fotograf semu tidak senonoh jika dia melepaskan pemilikannya kepada, atau mendedahkan atau menawarkannya untuk didapatkan oleh, orang lain.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (1)(e), seseorang itu mengakses suatu fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah seorang kanak-kanak jika dia dengan mengetahui menyebabkan fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah itu dilihat sendiri olehnya, atau diantar kepada dirinya sendiri.

(4) Jika seseorang itu dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1)(b) atau (c), adalah menjadi suatu pembelaan baginya untuk membuktikan bahawa –

- (a) dia ada sebab yang sah untuk mengedarkan atau menunjukkan fotograf atau fotograf semu itu atau mempunyainya dalam milikannya; atau

(b) dia sendiri tidak pernah melihat fotograf atau fotograf semu itu dan tidak mengetahuinya, atau tidak mempunyai sebarang sebab untuk mengesyakinya, sebagai tidak senonoh.

Tafsiran bab-bab 293A dan 293B [S 51/2012]

293C. (1) Dalam bab-bab 293A dan 293B –

(a) sebutan-sebutan kepada suatu fotograf tidak senonoh atau lucah termasuk suatu filem tidak senonoh atau lucah, satu salinan suatu fotograf atau filem tidak senonoh atau lucah, dan suatu fotograf tidak senonoh atau lucah yang terkandung dalam suatu filem;

(b) fotograf dan fotograf semu (termasuk yang terkandung dalam suatu filem) hendaklah, jika ia menunjukkan kanak-kanak dan adalah tidak senonoh atau lucah, disifatkan bagi segala maksud Kanun ini sebagai fotograf tidak senonoh atau lucah kanak-kanak;

(c) sebutan-sebutan kepada suatu fotograf termasuk –

(i) versi negatif dan juga positif; dan

(ii) data yang disimpan dalam cakera komputer atau dengan cara elektronik lain yang dapat ditukarkan kepada suatu fotograf;

(d) bagi maksud bab-bab 293A dan 293B, suatu fotograf atau fotograf semu hendaklah dianggap sebagai lucah jika kesannya, sekiranya diambil seluruhnya, adalah sebegitu rupa sehingga cenderung merosakkan akhlak dan merosakkan orang-orang yang mungkin, dengan mengambil kira semua hal keadaan yang berkaitan (atau mungkin telah jika tidak kerana barang itu dirampas secara sah) membaca, melihat atau mendengar bahan yang terkandung atau termuat di dalamnya;

(e) “filem” termasuk apa-apa bentuk rakaman video;

(f) “kanak-kanak” bermakna seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah;

(g) “fotograf semu” bermakna suatu imej, sama ada dibuat dengan grafik komputer atau pun selainnya tidak kira bagaimana jua pun dibuat, yang ternyata adalah suatu fotograf;

(h) jika kesan yang disampaikan oleh suatu fotograf atau fotograf semu adalah bahawa orang yang ditunjukkan itu adalah seorang kanak-kanak, maka fotograf atau fotograf semu itu hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai menunjukkan seorang kanak-kanak dan begitu juga suatu fotograf atau fotograf semu jika kesan utama yang disampaikan adalah bahawa orang yang ditunjukkan itu adalah seorang kanak-kanak walaupun beberapa ciri fizikal yang ditunjukkan adalah ciri fizikal seorang dewasa;

(i) sebutan-sebutan kepada suatu fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah termasuk –

- (i) satu salinan suatu fotograf atau fotograf semu tidak senonoh atau lucah; dan
- (ii) data yang disimpan dalam suatu cakera komputer atau dengan jalan elektronik lain yang boleh ditukarkan kepada suatu fotograf atau fotograf semu.

(2) Dalam prosiding di bawah bab-bab 293A dan 293B, seseorang itu hendaklah dianggap sebagai seorang kanak-kanak pada bila-bila masa yang penting jika ternyata dari keterangan seluruhnya bahawa dia pada masa itu berumur di bawah 18 tahun.

Pembelaan [S 51/2012]

293D. Adalah bukan menjadi suatu pembelaan kepada suatu pertuduhan di bawah bab-bab 293A dan 293B berkaitan dengan suatu fotograf atau fotograf semu bahawa tertuduh percaya bahawa seseorang yang ditunjukkan dalam fotograf atau fotograf semu itu digambarkan atau telah digambarkan sebagai berumur 18 tahun atau lebih melainkan jika tertuduh mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan umur orang itu dan mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa, jika orang itu berumur 18 tahun atau lebih, fotograf atau fotograf semu itu tidak menggambarkan orang itu sebagai berumur di bawah 18 tahun.

Perbuatan dan nyanyian lucah

294. (1) Barang siapa, dengan mendatangkan kegusaran kepada orang lain –
(a) melakukan apa-apa perbuatan lucah di mana-mana tempat awam; atau

(b) menyanyikan, menyebut atau mengucapkan apa-apa nyanyian, balada atau perkataan lucah, di atau berdekatan dengan mana-mana tempat awam, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda tidak kurang daripada \$500 dan tidak lebih daripada \$5,000, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak kurang daripada \$1,000 dan tidak lebih daripada \$30,000.

(2) Persoalan sama ada apa-apa perbuatan, nyanyian, balada atau perkataan itu lucah hendaklah ditentukan menurut bab 292(1) seolah-olah apa-apa sebutan kepada suatu barang lucah adalah, setakat mana hal keadaan membenarkan, suatu sebutan kepada perbuatan, nyanyian, balada atau perkataan itu, mengikut mana yang berkenaan.

Pelacuran [S 51/2012]

294A. (1) Barang siapa –

(a) melibatkan diri dalam, menawarkan atau bersetuju untuk melibatkan diri dalam perkhidmatan seksual dengan orang lain bagi mendapat balasan; atau
(b) melepak atau mencari pelanggan di mana-mana tempat bagi tujuan pelacuran atau bagi sebarang tujuan lain yang tidak bermoral,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak kurang dari \$500 dan tidak lebih dari \$5,000 dan penjara yang boleh sampai satu tahun, dan dalam hal suatu sabitan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang dari \$1,000 dan tidak lebih dari \$10,000 dan penjara yang boleh sampai 3 tahun.

Membayar untuk perkhidmatan seksual [S 51/2012]

294B. Barang siapa –

(a) dengan niat mendapatkan bagi dirinya sendiri perkhidmatan seksual orang lain (A); dan
(b) sebelum mendapatkan perkhidmatan tersebut, dia telah membuat pembayaran bagi atau berjanji untuk membayar perkhidmatan tersebut kepada A atau orang ketiga, atau mengetahui bahawa orang lain telah membuat atau berjanji untuk membuat pembayaran tersebut,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak kurang dari \$ 1,000 dan tidak lebih dari \$5,000 dan penjara yang boleh sampai satu tahun, dan dalam hal suatu sabitan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang dari \$2,000 dan tidak lebih dari \$10,000 dan penjara yang boleh sampai 3 tahun.

(2) Dalam bab ini, “pembayaran” bermakna apa-apa faedah kewangan, termasuk pelaksanaan suatu kewajipan untuk membayar atau penyediaan barang-barang atau perkhidmatan (termasuk perkhidmatan seksual) dengan percuma atau dengan harga diskau.

PENGGAL XV

KESALAHAN BERKENAAN DENGAN UGAMA

Merosakkan atau mencemarkan tempat ibadat dengan niat hendak menghina ugama mana-mana golongan

295. Barang siapa memusnahkan, membinasakan atau mencemarkan mana-mana tempat ibadat, atau apa-apa objek yang dianggap suci oleh mana-mana golongan orang –

- (a) dengan niat dengan yang demikian hendak menghina ugama mana-mana golongan orang; atau
- (b) dengan mengetahui bahawa mana-mana golongan orang mungkin menganggap pemusnahaan, pembinasaan atau pencemaran itu sebagai suatu penghinaan kepada ugama mereka,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Mengganggu perhimpunan keugamaan

296. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan gangguan kepada mana-mana perhimpunan yang sedang menjalankan upacara sembahyang atau upacara ugama secara sah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Pencerobohan di tempat perkuburan dll.

297. Barang siapa, dengan niat hendak melukakan perasaan mana-mana orang, atau menghina ugama mana-mana orang, atau dengan mengetahui bahawa perasaan mana-mana

orang mungkin dilakukan, atau bahawa ugama mana-mana orang mungkin dihina dengan yang demikian –

- (a) melakukan sebarang pencerobohan di mana-mana tempat ibadat atau di mana-mana tempat penguburan, atau mana-mana tempat yang dikhaskan bagi menjalankan upacara pengebumian atau sebagai tempat menyimpan mayat;
- (b) membuat sebarang penghinaan kepada mana-mana mayat; atau
- (c) menyebabkan gangguan kepada mana-mana orang yang berhimpun untuk menjalankan upacara pengebumian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Mengganggu kubur atau mayat

297A. Barang siapa menggali mana-mana kubur, atau dalam apa jua cara mengganggu mayat dengan menyalahi undang-undang, dengan niat hendak mengambil apa-apa barang yang bernilai, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menyebut perkataan dll. dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan ugama

298. Barang siapa, dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan ugama mana-mana orang –

- (a) menyebut apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi dalam pendengaran orang itu;
- (b) membuat apa-apa gerak isyarat dalam penglihatan orang itu; atau
- (c) meletakkan apa-apa objek dalam penglihatan orang itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

PENGGAL XVI
KESALAHAN YANG MENYENTUH TUBUH MANUSIA

Kesalahan yang menyentuh nyawa

Mematikan orang dengan salah

299. Barang siapa menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan –
- (a) dengan niat hendak menyebabkan kematian;
 - (b) dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh yang mungkin menyebabkan kematian; atau
 - (c) dengan mengetahui bahawa dia mungkin dengan perbuatan tersebut menyebabkan kematian,
- adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah.

Misalan-misalan

(a) A menutup suatu lubang dengan kayu dan tanah berumput, dengan niat dengan yang demikian hendak menyebabkan kematian, atau dengan mengetahui bahawa kematian mungkin dengan yang demikian berlaku. Z, yang percaya tanah itu teguh, memijaknya, jatuh ke dalamnya lalu terbunuh. A telah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah.

(b) A mengetahui Z berada di belakang sebuah belukar. B tidak mengetahui hal itu. A, yang bermaksud hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya mungkin menyebabkan kematian Z: mendorong B untuk melepaskan tembakan ke arah belukar itu. B melepaskan tembakan lalu membunuh Z. Di sini, B mungkin tidak melakukan apa-apa kesalahan; tetapi A telah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah.

(c) A, dengan menembak seekor ayam dengan niat hendak membunuh dan mencurinya, membunuh B, yang berada di belakang sebuah belukar. A tidak mengetahui dia berada di situ. Di sini, sungguhpun A telah melakukan suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang, dia tidak melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah, kerana dia tidak berniat hendak membunuh B, atau hendak menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan yang diketahuinya mungkin menyebabkan kematian.

Huraian 1 – Seseorang yang menyebabkan kecederaan tubuh kepada orang lain, yang sedang menderita suatu keuzuran, penyakit atau kelemahan tubuh, dan dengan yang demikian mencepatkan kematian orang lain itu, adalah dianggap telah menyebabkan kematianya.

Huraian 2 – Jika kematian disebabkan oleh kecederaan tubuh, orang yang menyebabkan kecederaan tubuh itu adalah dianggap telah menyebabkan kematian itu, walaupun dengan menggunakan ubat-ubatan yang sepatutnya dan rawatan yang cekap, kematian itu mungkin dapat dielakkan.

Huraian 3 – Menyebabkan kematian anak dalam rahim ibunya bukanlah mematikan orang. Tetapi menyebabkan kematian anak yang hidup jika mana-mana bahagian anak itu telah dikeluarkan dari kandungan, boleh terjumlah kepada mematikan orang dengan salah, walaupun anak itu tidak bernafas atau tidak dilahirkan sepenuhnya.

Membunuh orang

300. Kecuali dalam kes-kes yang dikecualikan selepas ini, mematikan orang dengan salah adalah membunuh orang –

- (a) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;
- (b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh yang pesalah itu mengetahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dicederakan itu;
- (c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh kepada mana-mana orang, dan kecederaan tubuh yang hendak didatangkan itu adalah cukup, pada lazimnya, untuk menyebabkan kematian; atau
- (d) jika orang yang melakukan perbuatan itu mengetahui bahawa perbuatan itu jelas amat berbahaya yang mungkin sekali menyebabkan kematian atau kecederaan tubuh yang mungkin menyebabkan kematian, dan melakukan perbuatan itu tanpa sebarang sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian atau kecederaan sebagaimana tersebut itu.

Misalan-misalan

(a) A menembak Z dengan niat hendak membunuhnya. Z mati akibatnya. A adalah melakukan kesalahan membunuh orang.

(b) A, yang mengetahui bahawa Z sedang menderita suatu penyakit yang dengan satu pukulan mungkin menyebabkan kematianya, memukulnya dengan niat hendak menyebabkan

kecederaan tubuh. Z mati akibat pukulan itu. A adalah melakukan kesalahan membunuh orang, walaupun pukulan itu mungkin tidak cukup, pada lazimnya, untuk menyebabkan kematian seseorang yang dalam keadaan kesihatan yang baik. Tetapi, jika A, dengan tidak mengetahui bahawa Z sedang menderita apa-apa penyakit, memukulnya yang, pada lazimnya, tidak akan membunuh seseorang yang dalam keadaan kesihatan yang baik. Di sini A, walaupun dia bermaksud hendak menyebabkan kecederaan tubuh, tidak melakukan kesalahan membunuh orang, jika dia tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian atau kecederaan tubuh yang, pada lazimnya, akan menyebabkan kematian.

(c) A dengan sengaja melukakan Z dengan pedang atau kayu yang cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian seseorang. Z mati akibatnya. Di sini A, adalah melakukan kesalahan membunuh orang, walaupun dia mungkin tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian Z.

(d) A, tanpa sebarang sebab, menembakkan meriam yang berisi peluru ke arah sekumpulan orang lalu membunuh salah seorang daripada mereka. A adalah melakukan kesalahan membunuh orang, walaupun dia mungkin tidak mempunyai rancangan terlebih dahulu untuk membunuh mana-mana individu tertentu.

Bila mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang

Kecualian 1 – Mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang jika pesalah itu, ketika hilang akal oleh sebab bangkitan marah yang besar dan mengejut, menyebabkan kematian orang yang telah mendatangkan bangkitan marah itu, atau menyebabkan kematian mana-mana orang lain dengan silap atau tidak sengaja. Kecualian di atas adalah tertakluk kepada proviso-provisio yang berikut –

Pertama – Bahawa bangkitan marah itu tidak dicari-cari atau tidak dibangkitkan dengan sengaja oleh pesalah itu sebagai suatu helah untuk membunuh atau mencederakan mana-mana orang.

Kedua – Bahawa bangkitan marah itu tidak didatangkan oleh apa-apa jua yang dilakukan bagi mematuhi undang-undang, atau oleh seorang kakitangan kerajaan pada menjalankan kuasanya yang sah sebagai kakitangan kerajaan itu.

Ketiga – Bahawa bangkitan marah itu tidak didatangkan oleh apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian yang sah.

Huraian – Sama ada bangkitan marah itu cukup besar dan mengejut untuk mengelakkan kesalahan itu daripada terjumliah kepada kesalahan membunuh orang adalah suatu persoalan fakta.

Misalan-misalan

(a) A, dengan pengaruh naik berang yang disebabkan oleh bangkitan marah yang didatangkan oleh Z, dengan sengaja membunuh Y, anak Z. Ini adalah kesalahan membunuh orang oleh kerana bangkitan marah itu tidak didatangkan oleh kanak-kanak itu dan kematian kanak-kanak itu tidak disebabkan dengan tidak sengaja atau dengan malang ketika melakukan suatu perbuatan yang disebabkan oleh bangkitan marah itu.

(b) Y mendarangkan kepada A bangkitan marah yang besar dan mengejut. A, atas bangkitan marah ini, menembakkan pistolnya ke arah Y, dengan tidak bermaksud hendak membunuh atau dengan tidak mengetahui dia mungkin membunuh Z, yang ada berdekatan dengannya, tetapi tidak kelihatan. A membunuh Z. Di sini, A tidak melakukan kesalahan membunuh orang, tetapi hanya kesalahan mematikan orang dengan salah sahaja.

(c) A ditangkap dengan sah oleh Z, seorang bailif. A naik berang dengan mengejut dan amat sangat oleh sebab dia ditangkap itu lalu membunuh Z. Ini adalah kesalahan membunuh orang, oleh kerana bangkitan marah itu didatangkan oleh suatu perkara yang dilakukan oleh seorang kakitangan kerajaan pada menjalankan kuasanya.

(d) A hadir sebagai seorang saksi di hadapan Z, seorang Majistret. Z mengatakan bahawa dia tidak percaya sepatah pun keterangan sumpah A dan bahawa A telah bersumpah bohong. A naik berang dengan mengejut oleh perkataan-perkataan ini lalu membunuh Z. Ini adalah kesalahan membunuh orang.

(e) A cuba menarik hidung Z. Z, pada menjalankan hak pertahanan persendirian, memegang A untuk mengelakkannya daripada berbuat demikian. Akibatnya A naik berang dengan mengejut dan amat sangat lalu membunuh Z. Ini adalah kesalahan membunuh orang oleh kerana bangkitan marah itu telah didatangkan oleh suatu perkara yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian.

(f) Z memukul B. B naik marah yang amat sangat oleh bangkitan marah ini. A, orang yang berada di tempat kejadian, bermaksud hendak mengambil peluang atas kemarahan B, dan menyebabkan B membunuh Z, meletakkan sebilah pisau ke dalam tangan B bagi maksud itu. B membunuh Z dengan pisau itu. Di sini, B mungkin telah melakukan hanya kesalahan mematikan orang dengan salah sahaja, tetapi A adalah melakukan kesalahan membunuh orang.

Kecualian 2 – Mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang jika pesalah itu, pada menjalankan dengan suci hati hak pertahanan persendirian ke atas orang atau harta, melampaui kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang, dan menyebabkan kematian orang yang terhadapnya dia menjalankan hak pertahanan itu, tanpa merancang terlebih dahulu dan tanpa sebarang niat hendak mendatarangkan kecederaan yang lebih daripada perlu bagi maksud pertahanan itu.

Misalan

Z cuba menyebat A dengan cemeti kuda, bukannya dengan cara yang boleh menyebabkan cedera parah kepada A. A mencabut pistol. Z meneruskan serangan itu. A, yang percaya dengan suci

hati bahawa dia tidak boleh dengan jalan lain mengelakkan dirinya daripada disebat dengan cemeti kuda itu, menembak mati Z. A tidaklah melakukan kesalahan membunuh orang, tetapi hanya kesalahan mematikan orang dengan salah sahaja.

Kecualian 3 – Mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang jika pesalah itu, sebagai seorang kakitangan kerajaan, atau dalam membantu seorang kakitangan kerajaan, yang bertindak bagi faedah keadilan awam, melampaui kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang, dan menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan yang dia, dengan suci hati, percaya sebagai sah dan perlu bagi menjalankan kewajipannya dengan sewajarnya sebagai kakitangan kerajaan itu, dan tanpa niat jahat terhadap orang yang kematianya itu berlaku.

Kecualian 4 – Mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang jika perbuatan itu dilakukan tanpa rancangan terlebih dahulu dalam suatu percaduhan mengejut ketika naik berang apabila berlaku suatu perkelahian mengejut dan pesalah itu tiada mengambil peluang yang tidak wajar atau tiada bertindak secara kejam atau luar biasa.

Huraian – Tidaklah material dalam kes-kes tersebut pihak manakah yang mendatangkan bangkitan marah itu atau yang mula-mula melakukan serangan itu.

Kecualian 5 – Mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang apabila orang yang kematianya itu berlaku, berumur lebih daripada 18 tahun, membiarkan kematian atau mengambil risiko kematian dengan kerelaannya sendiri.

Misalan

A, dengan hasutan, dengan sengaja menyebabkan Z, seorang yang berumur di bawah 18 tahun, melakukan kesalahan membunuh diri. Di sini, oleh kerana Z berusia muda, dia tidaklah berupaya memberikan kerelaan bagi kematianya sendiri. A telah dengan yang demikian menyubahati kesalahan membunuh orang.

Mematikan orang dengan salah dengan menyebabkan kematian orang selain daripada orang yang kematianya dimaksudkan

301. Jika seseorang dengan melakukan apa-apa juga yang dia bermaksud hendak menyebabkan atau mengetahui mungkin menyebabkan kematian, melakukan kesalahan

mematikan orang dengan salah dengan menyebabkan kematian mana-mana orang yang dia sendiri tidak bermaksud hendak menyebabkan atau tidak mengetahui mungkin menyebabkan kematian orang itu, maka kesalahan mematikan orang dengan salah yang dilakukan oleh pesalah itu adalah sama seperti dia telah menyebabkan kematian orang yang dia sendiri bermaksud hendak menyebabkan atau mengetahui mungkin menyebabkan kematian orang itu.

Hukuman bagi kesalahan membunuh orang

302. Barang siapa melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah dihukum mati.

Orang yang menderita tanggungjawab menyusut

303. (1) Jika seseorang membunuh atau terbabit dalam pembunuhan orang lain, dia tidak boleh disabitkan atas kesalahan membunuh orang jika dia menderita keabnormalan minda (sama ada timbul daripada keadaan perkembangan minda yang terencat atau terbantut atau apa-apa sebab sedia ada atau berpunca daripada penyakit atau kecederaan) yang banyak melemahkan tanggungjawab mentalnya kerana perbuatan atau peninggalannya dalam melakukan atau terbabit dalam pembunuhan itu.

(2) Atas suatu pertuduhan mematikan orang dengan salah yang terjumlah kepada kesalahan membunuh orang, adalah bagi pihak pembela untuk membuktikan bahawa orang yang dituduh itu menurut bab ini tidak boleh disabitkan atas kesalahan membunuh orang.

(3) Seseorang yang boleh, jika tidak kerana bab ini, sama ada sebagai prinsipal atau sebagai penyubahat, disabitkan atas kesalahan mematikan orang dengan salah yang terjumlah kepada kesalahan membunuh orang, boleh sebagai gantinya disabitkan atas kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang di bawah bab 304(1).

(4) Hakikat bahawa satu pihak dalam pembunuhan itu menurut bab ini tidak boleh disabitkan atas kesalahan membunuh orang tidaklah menjelaskan persoalan sama ada pembunuhan itu adalah mematikan orang dengan salah yang terjumlah kepada membunuh orang dalam hal mana-mana pihak lain dalam pembunuhan itu.

Hukuman bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang

304. (1) Barang siapa melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai penjara seumur hidup, jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan –

- (a) kematian; atau
- (b) kecederaan tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

(2) Barang siapa melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun, denda atau kedua-duanya sekali, jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan –

- (a) dengan mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian;
- (b) tanpa niat hendak menyebabkan kematian; dan
- (c) tanpa niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

Menyebabkan kematian dengan memandu kendaraan bermotor dengan gopoh atau cuai, atau menggunakan senjata api atau bahan letupan dengan gopoh atau cuai, atau melakukan perbuatan gopoh atau cuai

304A. (1) Barang siapa menyebabkan kematian mana-mana orang dengan memandu sebuah kendaraan bermotor dengan gopoh atau cuai atau menggunakan senjata api atau bahan letupan dengan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah dalam salah satu hal kepada mematikan orang dengan salah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

(2) Barang siapa menyebabkan kematian mana-mana orang dengan melakukan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah sama ada kepada mematikan orang dengan salah atau kepada suatu kesalahan di bawah ceraian (1) hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini –

“senjata api” bermakna sebarang jenis senjata berlaras yang boleh membawa maut;

“kenderaan bermotor” bermakna sebuah kenderaan gerakan mekanik yang dimaksudkan atau disesuaikan untuk digunakan di atas jalan raya.

Menyubahati kanak-kanak atau orang gila untuk membunuh diri

305. Jika mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun, mana-mana orang gila, mana-mana orang meracau, mana-mana orang dungu, atau mana-mana orang yang dalam keadaan mabuk, melakukan kesalahan membunuh diri, maka barang siapa bersubahat melakukan kesalahan membunuh diri itu hendaklah dihukum mati atau penjara seumur hidup.

Menyubahati kesalahan membunuh diri

306. Jika mana-mana orang melakukan kesalahan membunuh diri, maka barang siapa bersubahat melakukan kesalahan membunuh diri itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Cuba membunuh orang; kesalahan lain oleh banduan

307. (1) Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan niat atau pengetahuan, dan dalam hal keadaan, bahawa –

(a) jika dia, dengan perbuatan itu menyebabkan kematian, dia adalah melakukan kesalahan membunuh orang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda; dan

(b) jika perbuatan itu menyebabkan cedera kepada mana-mana orang, maka pesalah itu hendaklah dihukum penjara seumur hidup.

Misalan-misalan

(a) A menembak ke arah Z dengan niat hendak membunuhnya, dalam hal keadaan bahawa, jika kematian berlaku, A adalah melakukan kesalahan membunuh orang. A boleh dihukum di bawah bab ini.

(b) A dengan niat hendak menyebabkan kematian seorang kanak-kanak yang masih kecil membuangnya di suatu tempat sunyi. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan oleh bab ini, walaupun kematian kanak-kanak itu tidak berlaku.

(c) A, yang bermaksud hendak membunuh Z, membeli senapang dan mengisikannya dengan peluru. A belum lagi melakukan kesalahan itu. A menembakkan senapang itu ke arah Z. Dia telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini, dan jika dengan tembakan itu dia melukakan Z, maka dia boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan oleh bahagian yang disebut kemudian bab ini.

(d) A, yang bermaksud hendak membunuh Z dengan racun, membeli racun dan mencampurkannya dengan makanan yang ada dalam simpanan A. A belum lagi melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini. A meletakkan makanan itu di atas meja Z atau menyerahkannya kepada orang gaji Z supaya meletakkannya di atas meja Z. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(2) Apabila mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah bab ini sedang menjalani hukuman penjara selama 15 tahun dia boleh, jika dia menyebabkan cedera, dihukum mati.

Cuba melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah

308. Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan niat atau pengetahuan, dan dalam hal keadaan, bahawa –

(a) jika dia dengan perbuatan itu menyebabkan kematian dia adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda; dan

(b) jika perbuatan itu menyebabkan cedera kepada mana-mana orang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Misalan

A, atas bangkitan marah yang besar dan mengejut, menembakkan pistol ke arah Z, dalam hal keadaan tersebut bahawa jika dia dengan yang demikian menyebabkan kematian maka dia adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Kesalahan membunuh anak damit

308A. (1) Mana-mana perempuan yang, dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang sengaja, menyebabkan kematian anak damitnya iaitu seorang anak damit yang berumur di bawah 12 bulan, tetapi jika pada masa perbuatan atau peninggalan itu ketenteraman fikirannya telah terganggu oleh sebab –

- (a) dia belum pulih sepenuhnya akibat melahirkan anak damit itu; atau
- (b) akibat pengeluaran susu badan selepas melahirkan anak damit itu,

adalah melakukan kesalahan membunuh anak damit, walaupun hal keadaannya adalah bahawa jika tidak kerana bab ini kesalahan itu adalah terjumlah kepada kesalahan membunuh orang.

(2) Barang siapa melakukan kesalahan membunuh anak damit hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Cuba melakukan kesalahan membunuh diri

309. Barang siapa cuba melakukan kesalahan membunuh diri dan melakukan apa-apa perbuatan supaya kesalahan itu dilakukan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

310. – 311. (*Tidak ada bab-bab*).

*Menyebabkan keguguran, kecederaan kepada anak yang belum lahir,
mendedahkan anak damit dan menyembunyikan kelahiran*

Menyebabkan keguguran

312. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan yang hamil keguguran hendaklah –

- (a) jika keguguran itu tidak dilakukan dengan suci hati bagi tujuan menyelamatkan nyawa perempuan itu, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali; dan
- (b) jika perempuan itu mengandung anak yang sudah bersifat, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Huraian – Seorang perempuan yang menyebabkan dirinya keguguran adalah termasuk dalam makna bab ini.

Menyebabkan keguguran tanpa kerelaan perempuan

313. Barang siapa melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab 312 tanpa kerelaan perempuan itu, sama ada perempuan itu mengandung anak yang sudah bersifat atau tidak, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Kematian disebabkan oleh perbuatan yang dilakukan dengan niat hendak menyebabkan keguguran

314. Barang siapa, dengan niat hendak menyebabkan keguguran seorang perempuan yang hamil, melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan perempuan itu mati, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Jika perbuatan itu dilakukan tanpa kerelaan perempuan itu, dia hendaklah dihukum penjara selama 15 tahun.

Huraian – Tidaklah perlu bagi kesalahan ini bahawa pesalah itu patut mengetahui perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian.

Perbuatan dilakukan dengan niat hendak mengelakkan anak daripada dilahirkan hidup atau hendak menyebabkannya mati selepas dilahirkan

315. Barang siapa sebelum kelahiran mana-mana anak –

(a) melakukan apa-apa perbuatan dengan niat dengan yang demikian hendak mengelakkan anak itu daripada dilahirkan hidup atau hendak menyebabkan anak itu mati selepas dilahirkan; dan

(b) dengan perbuatan itu mengelakkan anak itu daripada dilahirkan hidup, atau menyebabkan anak itu mati selepas dilahirkan, hendaklah, jika perbuatan itu tidak dilakukan dengan suci hati bagi tujuan menyelamatkan nyawa ibunya, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menyebabkan kematian anak yang belum lahir yang sudah bersifat dengan perbuatan yang terjumlah kepada kesalahan mematikan orang dengan salah

316. Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dalam hal keadaan bahawa jika dia dengan yang demikian menyebabkan kematian dia adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah, dan dengan perbuatan itu menyebabkan kematian seorang anak yang belum lahir yang sudah bersifat, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Misalan

A, yang mengetahui bahawa dia mungkin menyebabkan kematian seorang perempuan hamil, melakukan suatu perbuatan yang, jika perbuatan itu menyebabkan kematian perempuan itu, terjumlah kepada kesalahan mematikan orang dengan salah. Perempuan itu mendapat kecederaan, tetapi tidak mati; tetapi kematian anak yang belum lahir yang sudah bersifat yang ada dalam kandungan perempuan itu dengan yang demikian berlaku. *A* adalah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Ibu atau bapa atau orang yang menjaga kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun mendedahkan atau membuang kanak-kanak itu

317. Barang siapa sebagai bapa atau ibu kepada seorang kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun, atau yang menjaga kanak-kanak itu, mendedahkan atau meninggalkan kanak-kanak itu di mana-mana tempat dengan niat hendak membuang kanak-kanak itu sama sekali, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Huraian – Bab ini tidak dimaksudkan untuk mengelakkan pesalah itu daripada dibicarakan kerana kesalahan membunuh orang atau kesalahan mematikan orang dengan salah, mengikut mana yang berkenaan, jika kanak-kanak itu mati disebabkan oleh pendedahan itu.

Menyembunyikan kelahiran dengan membuang mayat secara diam-diam

318. Barang siapa secara diam-diam mengebumikan atau pun selainnya membuang mayat seorang anak, sama ada anak itu mati sebelum, selepas atau dalam masa dia dilahirkan, dengan sengaja menyembunyikan atau berusaha untuk menyembunyikan kelahiran anak itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Cedera

Cedera

319. Barang siapa menyebabkan kesakitan, penyakit atau kelemahan tubuh kepada mana-mana orang adalah dikatakan “menyebabkan cedera”.

Cedera parah

320. Hanya jenis-jenis cedera yang berikut sahaja ditetapkan sebagai “parah” –

- (a) hilang tenaga kelakian;
- (b) hilang selama-lamanya penglihatan salah satu mata;
- (c) hilang selama-lamanya pendengaran salah satu telinga;
- (d) hilang mana-mana anggota atau sendi;
- (e) binasa atau lemah selama-lamanya daya mana-mana anggota atau sendi;
- (f) cacat selama-lamanya kepala atau muka;
- (g) patah atau selisih tulang atau gigi;
- (h) apa-apa cedera yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat, atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari.

Dengan sengaja menyebabkan cedera

321. Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan –

- (a) dengan niat dengan yang demikian hendak menyebabkan cedera kepada mana-mana orang; atau
- (b) dengan mengetahui bahawa dia mungkin dengan yang demikian menyebabkan cedera kepada mana-mana orang,

dan dengan yang demikian menyebabkan cedera kepada mana-mana orang, adalah dikatakan “dengan sengaja menyebabkan cedera”.

Dengan sengaja menyebabkan cedera parah

322. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera –

- (a) jika cedera yang dia bermaksud hendak menyebabkannya, atau mengetahui dirinya mungkin menyebabkannya, adalah cedera parah; dan
- (b) jika cedera yang disebabkannya itu adalah cedera parah, adalah dikatakan “dengan sengaja menyebabkan cedera parah”.

Huraian – Seseorang itu tidaklah dikatakan dengan sengaja menyebabkan cedera parah kecuali apabila dia menyebabkan cedera parah dan juga bermaksud atau mengetahui dirinya mungkin menyebabkan cedera parah. Tetapi dia adalah dikatakan dengan sengaja menyebabkan cedera parah, jika, bermaksud atau mengetahui dirinya mungkin menyebabkan satu jenis cedera parah, dia sebenarnya menyebabkan cedera parah jenis lain.

Misalan

A, yang bermaksud atau mengetahui dirinya mungkin mencacatkan selama-lamanya muka Z, memukul dengan tidak mencacatkan selama-lamanya muka Z, tetapi menyebabkan Z menderita kesakitan tubuh yang amat sangat selama 20 hari. A telah dengan sengaja menyebabkan cedera parah.

Hukuman kerana dengan sengaja menyebabkan cedera

323. Barang siapa, kecuali dalam kes yang diperuntukkan oleh bab 334, dengan sengaja menyebabkan cedera hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Dengan sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau cara berbahaya

324. Barang siapa, kecuali dalam kes yang diperuntukkan oleh bab 334, dengan sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan –

- (a) apa-apa alat –
 - (i) untuk menembak, menikam atau memotong; atau
 - (ii) yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian;
- (b) api atau apa-apa bahan panas;

- (c) apa-apa racun atau apa-apa bahan kakis;
 - (d) apa-apa bahan letupan;
 - (e) apa-apa bahan yang berbahaya kepada tubuh manusia apabila dihidu, ditelan, atau dimasukkan ke dalam darah; atau
 - (f) mana-mana haiwan,
- hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat.

Hukuman kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah

325. Barang siapa, kecuali dalam kes yang diperuntukkan oleh bab 335, dengan sengaja menyebabkan cedera parah, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata atau cara berbahaya

326. Barang siapa, kecuali dalam kes yang diperuntukkan oleh bab 335, dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan menggunakan –

- (a) apa-apa alat –
 - (i) untuk menembak, menikam atau memotong; atau
 - (ii) yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian;
 - (b) api atau apa-apa bahan panas;
 - (c) apa-apa racun atau apa-apa bahan kakis;
 - (d) apa-apa bahan letupan;
 - (e) apa-apa bahan yang berbahaya kepada tubuh manusia apabila dihidu, ditelan, atau dimasukkan ke dalam darah; atau
 - (f) mana-mana haiwan,
- hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera untuk memeras harta atau memaksa supaya perbuatan yang menyalahi undang-undang dilakukan

327. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera bagi tujuan –

- (a) memeras daripada orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, mana-mana harta atau jaminan berharga, atau
- (b) memaksa orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, supaya melakukan apa-apa jua yang menyalahi undang-undang atau yang boleh memudahkan suatu kesalahan dilakukan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Menyebabkan cedera dengan menggunakan racun dll. dengan niat hendak melakukan kesalahan

328. Barang siapa memberikan kepada, atau menyebabkan dimakan oleh, mana-mana orang, apa-apa racun atau apa-apa ubat atau benda lain yang menghilangkan akal, mengkhayalkan atau merosakkan kesihatan –

- (a) dengan niat hendak menyebabkan cedera kepada orang itu;
- (b) dengan niat hendak melakukan atau memudahkan suatu kesalahan dilakukan; atau
- (c) dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyebabkan cedera,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera parah untuk memeras harta atau memaksa supaya perbuatan yang menyalahi undang-undang dilakukan

329. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera parah bagi tujuan –

- (a) memeras daripada orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, mana-mana harta atau jaminan berharga; atau
- (b) memaksa orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, supaya melakukan apa-apa jua yang menyalahi undang-undang atau yang boleh memudahkan suatu kesalahan dilakukan,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera untuk memeras pengakuan bersalah atau memaksa supaya harta dipulangkan

330. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera bagi tujuan –

- (a) memeras daripada orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, apa-apa pengakuan bersalah atau apa-apa maklumat yang boleh membawa kepada penemuan suatu kesalahan atau salah laku; atau
- (b) memaksa orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, supaya memulangkan, atau menyebabkan dipulangkan, mana-mana harta atau jaminan berharga, atau menunaikan apa-apa tuntutan atau permintaan, atau memberikan maklumat yang boleh membawa kepada pemulangan mana-mana harta atau jaminan berharga,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat.

Misalan-misalan

(a) A, seorang pegawai polis, menyeksa Z dengan tujuan hendak mendorong Z supaya membuat pengakuan bersalah bahawa dia telah melakukan suatu jenayah. A adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(b) A, seorang pegawai polis, menyeksa B untuk mendorongnya supaya menunjukkan tempat di mana harta curian tertentu disimpan. A adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(c) A, seorang pengawai hasil, menyeksa Z dengan tujuan hendak memaksanya supaya membayar tunggakan hasil tertentu yang perlu dibayar oleh Z. A adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

Dengan sengaja menyebabkan cedera parah untuk memeras pengakuan bersalah atau memaksa supaya harta dipulangkan

331. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera parah bagi tujuan –

- (a) memeras daripada orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, apa-apa pengakuan bersalah atau apa-apa maklumat yang boleh membawa kepada penemuan suatu kesalahan atau salah laku; atau

(b) memaksa orang yang tercedera atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang tercedera, supaya memulangkan, atau menyebabkan dipulangkan mana-mana harta atau jaminan berharga, atau menunaikan apa-apa tuntutan atau permintaan, atau memberikan maklumat yang boleh membawa kepada pemulangan mana-mana harta atau jaminan berharga,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera untuk menghalang kakitangan kerajaan daripada menjalankan kewajipannya

332. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera kepada mana-mana orang sebagai seorang kakitangan kerajaan –

- (a) dalam menjalankan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu, atau dengan niat hendak mencegah atau menghalang orang itu atau mana-mana kakitangan kerajaan lain daripada menjalankan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu; atau
(b) oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan atau cuba dilakukan oleh orang itu dalam menjalankan kewajipannya yang sah sebagai kakitangan kerajaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera parah untuk menghalang kakitangan kerajaan daripada menjalankan kewajipannya

333. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang sebagai seorang kakitangan kerajaan –

- (a) dalam menjalankan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu, atau dengan niat hendak mencegah atau menghalang orang itu atau mana-mana kakitangan kerajaan lain daripada menjalankan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu; atau
(b) oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan atau cuba dilakukan oleh orang itu dalam menjalankan kewajipannya yang sah sebagai kakitangan kerajaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Dengan sengaja menyebabkan cedera atas bangkitan marah

334. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera atas bangkitan marah yang besar dan mengejut, jika dia tidak bermaksud atau tidak mengetahui dirinya mungkin menyebabkan cedera kepada mana-mana orang selain daripada orang yang telah mendatangkan bangkitan marah itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan dan denda.

Dengan sengaja menyebabkan cedera parah atas bangkitan marah

335. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera parah atas bangkitan marah yang besar dan mengejut, jika dia tidak bermaksud atau tidak mengetahui dirinya mungkin menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang selain daripada orang yang telah mendatangkan bangkitan marah itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Huraian – Bab-bab 333 dan 334 adalah tertakluk kepada proviso yang sama seperti Kecualian 1, bab 300.

Perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain

336. Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia atau keselamatan diri orang lain hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun, denda tidak melebihi \$1,000 atau kedua-duanya sekali.

Menyebabkan cedera dengan perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain

337. Barang siapa menyebabkan cedera kepada mana-mana orang dengan melakukan apa-apa perbuatan dengan begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia atau keselamatan diri orang lain hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda.

Menyebabkan cedera parah dengan perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain

338. Barang siapa menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang dengan melakukan apa-apa perbuatan dengan begitu gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia atau keselamatan diri orang lain hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Halangan salah dan pengurungan salah

Halangan salah

339. Barang siapa dengan sengaja mengadang mana-mana orang untuk mencegah orang itu daripada pergi di mana-mana arah yang orang itu berhak pergi, adalah dikatakan “menghalang dengan salah” orang itu.

Kecualian – Mengadang suatu jalan persendirian di darat atau di atas air yang seseorang itu percaya dengan suci hati dia ada hak yang sah untuk mengadang, tidaklah menjadi suatu kesalahan dalam makna bab ini.

Misalan

A mengadang suatu jalan yang Z berhak melaluinya, A tidak percaya dengan suci hati yang dia ada hak untuk menutup jalan itu. Z dengan yang demikian dicegah daripada melaluinya. A menghalang Z dengan salah.

Pengurungan salah

340. Barang siapa menghalang dengan salah mana-mana orang dengan cara mencegah orang itu daripada pergi di luar had lingkungan tertentu adalah dikatakan “mengurung dengan salah” orang itu.

Misalan-misalan

(a) A menyebabkan Z pergi di dalam suatu tempat berdinding dan mengunci Z di dalamnya. Z dengan demikian dicegah daripada pergi di mana-mana arah di luar had lingkungan dinding itu. A mengurung Z dengan salah.

(b) A menempatkan orang bersenjata api di jalan-jalan keluar sebuah bangunan dan memberitahu Z bahawa mereka akan menembak Z jika Z cuba meninggalkan bangunan itu. A mengurung Z dengan salah.

Hukuman kerana menghalang dengan salah

341. Barang siapa menghalang dengan salah mana-mana orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Hukuman kerana mengurung dengan salah

342. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Pengurungan salah selama 3 hari atau lebih

343. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang selama 3 hari atau lebih hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Pengurungan salah selama 10 hari atau lebih

344. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang selama 10 hari atau lebih hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 3 kali sebatan.

Pengurungan salah orang yang writ pembebasannya telah dikeluarkan

345. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang dengan mengetahui bahawa suatu writ bagi pembebasan orang itu telah sempurna dikeluarkan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun sebagai tambahan kepada sebarang tempoh hukuman penjara yang boleh dikenakan kepadanya di bawah mana-mana bab lain Penggal ini.

Pengurungan salah secara rahsia

346. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang dengan cara yang menunjukkan suatu niat bahawa –

(a) pengurungan orang itu tidak boleh diketahui oleh mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang dikurung itu atau oleh mana-mana kakitangan kerajaan; atau

(b) tempat pengurungan itu tidak boleh diketahui oleh atau dijumpai oleh mana-mana orang atau kakitangan kerajaan sebagaimana yang disebutkan sebelum ini,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun sebagai tambahan kepada sebarang hukuman lain yang boleh dikenakan kepadanya kerana pengurungan salah itu.

Pengurungan salah hendak memeras harta atau memaksa supaya perbuatan yang menyalahi undang-undang dilakukan

347. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang bagi tujuan –

(a) memeras daripada orang yang dikurung itu atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang dikurung itu, mana-mana harta atau jaminan berharga; atau

(b) memaksa orang yang dikurung itu atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang itu, supaya melakukan apa-apa juga yang menyalahi undang-undang atau memberikan apa-apa maklumat yang boleh memudahkan suatu kesalahan dilakukan,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat tidak kurang daripada 3 kali sebatan.

Pengurungan salah hendak memeras pengakuan bersalah atau memaksa supaya harta dipulangkan

348. Barang siapa mengurung dengan salah mana-mana orang bagi tujuan –

(a) memeras daripada orang yang dikurung itu, atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang dikurung itu, apa-apa pengakuan bersalah

atau apa-apa maklumat yang boleh membawa kepada penemuan suatu kesalahan atau salah laku; atau

(b) memaksa orang yang dikurung itu, atau mana-mana orang yang ada kepentingan ke atas orang yang dikurung itu, supaya memulangkan atau menyebabkan dipulangkan mana-mana harta atau jaminan berharga, atau menunaikan apa-apa tuntutan atau permintaan, atau memberikan apa-apa maklumat yang boleh membawa kepada pemulangan mana-mana harta atau jaminan berharga, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 3 kali sebatan.

Kekerasan dan serangan jenayah

Kekerasan

349. Seseorang itu adalah dikatakan “menggunakan kekerasan” ke atas orang lain jika –

(a) dia menyebabkan gerakan, perubahan gerakan atau pemberhentian gerakan ke atas orang lain itu; atau

(b) jika dia menyebabkan gerakan, perubahan gerakan atau pemberhentian gerakan kepada apa-apa benda hingga membawa benda itu bersentuhan dengan mana-mana bahagian tubuh orang lain itu, atau apa-apa jua yang dipakai atau dibawa oleh orang lain itu, atau apa-apa jua yang sedemikian keadaannya hingga persentuhan itu mengganggu perasaan orang lain itu:

Dengan syarat bahawa orang yang menyebabkan gerakan, atau perubahan gerakan atau pemberhentian gerakan itu, menyebabkan gerakan, perubahan gerakan atau pemberhentian gerakan itu, dalam salah satu daripada tiga cara yang berikut –

(a) dengan daya tubuhnya sendiri;

(b) dengan membuang apa-apa benda dengan cara hingga gerakan atau perubahan atau pemberhentian gerakan berlaku tanpa apa-apa perbuatan selanjutnya di pihaknya, atau di pihak mana-mana orang lain;

(c) dengan mendorong mana-mana haiwan untuk bergerak, mengubah gerakannya atau berhenti bergerak.

Kekerasan jenayah

350. Barang siapa dengan sengaja menggunakan kekerasan ke atas mana-mana orang, tanpa kerelaan orang itu –

- (a) dengan tujuan hendak melakukan apa-apa kesalahan; atau
- (b) dengan maksud, dengan menggunakan kekerasan itu, hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dengan menggunakan kekerasan itu, dia akan menyebabkan kecederaan, ketakutan atau kegusaran kepada orang yang kepadanya kekerasan itu digunakan,

adalah dikatakan “menggunakan kekerasan jenayah” ke atas orang lain itu.

Misalan-misalan

(a) Z duduk dalam sebuah bot yang tertambat di sungai. A melepaskan tambatan, dan dengan yang demikian dengan sengaja menyebabkan bot itu hanyut ke hilir. Di sini, A dengan sengaja menyebabkan gerakan ke atas Z, dan dia melakukan ini dengan membuang benda dengan cara hingga gerakan dihasilkan tanpa apa-apa perbuatan lain di pihak mana-mana orang. Dengan yang demikian, A telah dengan sengaja menggunakan kekerasan ke atas Z; dan jika dia telah berbuat demikian tanpa kerelaan Z, dengan tujuan hendak melakukan apa-apa kesalahan, atau dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan penggunaan kekerasan ini akan menyebabkan kecederaan, ketakutan atau kegusaran kepada Z, maka A telah menggunakan kekerasan jenayah ke atas Z.

(b) Z menaiki sebuah kereta kuda. A menyebat kuda Z dan dengan yang demikian menyebabkan kuda itu mencepatkan langkahnya. Di sini, A telah menyebabkan perubahan gerakan ke atas Z dengan mendorong kuda itu mengubah gerakannya. Dengan yang demikian, A telah menggunakan kekerasan ke atas Z; dan jika A telah melakukan ini tanpa kerelaan Z, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian boleh mencederakan, menakutkan atau menggusarkan Z, maka A telah menggunakan kekerasan jenayah ke atas Z.

(c) Z menaiki sebuah beca. A, dengan maksud hendak merompak Z, menyambar aci dan memberhentikan beca itu. Di sini A telah menyebabkan pemberhentian gerakan ke atas Z, dan dia telah melakukan ini dengan daya tubuhnya sendiri. Dengan yang demikian, A telah menggunakan kekerasan ke atas Z; dan oleh kerana A telah bertindak demikian dengan sengaja, tanpa kerelaan Z, dengan tujuan hendak melakukan suatu kesalahan, maka A telah menggunakan kekerasan jenayah ke atas Z.

(d) A dengan sengaja menolak Z di jalan. Di sini, A telah dengan daya tubuhnya sendiri menggerakkan dirinya sendiri hingga bersentuhan dengan Z. Dengan yang demikian, dia telah dengan sengaja menggunakan kekerasan ke atas Z; dan jika dia telah berbuat demikian tanpa kerelaan Z dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian boleh mencederakan, menakutkan atau menggusarkan Z, maka dia telah menggunakan kekerasan jenayah ke atas Z.

(e) A melemparkan sebiji batu, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan batu itu akan dengan yang demikian bersentuhan dengan Z, atau dengan pakaian Z,

atau dengan sesuatu yang dibawa oleh Z, atau batu itu akan terkena air, dan memercikkan air itu ke pakaian Z atau ke sesuatu yang dibawa oleh Z. Di sini, jika lemparan batu itu menghasilkan kesan menyebabkan apa-apa benda bersentuhan dengan Z atau pakaian Z, A telah menggunakan kekerasan ke atas Z; dan jika dia berbuat demikian tanpa kerelaan Z, dengan maksud dengan yang demikian hendak mencederakan, menakutkan atau menggusarkan Z, maka dia telah menggunakan kekerasan jenayah ke atas Z.

(f) A dengan sengaja membuka tudung seorang perempuan. Di sini, A, dengan sengaja menggunakan kekerasan ke atas perempuan itu; dan jika dia berbuat demikian tanpa kerelaan perempuan itu, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian boleh mencederakan, menakutkan atau menggusarkan Z, maka dia telah menggunakan kekerasan jenayah ke atasnya.

(g) Z mandi berendam. A mencurahkan ke dalam tempat mandinya itu, air yang diketahuinya mendidih. Di sini, A dengan sengaja dengan daya tubuhnya sendiri, menyebabkan gerakan kepada air yang mendidih itu hingga membawanya bersentuhan dengan Z, atau dengan air lain yang sedemikian keadaannya hingga persentuhan itu mengganggu perasaan Z. Dengan yang demikian, A telah dengan sengaja menggunakan kekerasan ke atas Z; dan jika dia telah melakukan ini tanpa kerelaan Z, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian boleh mencederakan, menakutkan atau menggusarkan Z, maka A telah menggunakan kekerasan jenayah.

(h) A mendorong seekor anjing supaya menerkam Z, tanpa kerelaan Z. Di sini, jika A bermaksud hendak menyebabkan kecederaan, ketakutan atau kegusaran kepada Z, maka dia menggunakan kekerasan jenayah ke atas Z.

Serangan

351. Barang siapa membuat apa-apa gerak isyarat atau apa-apa persiapan, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan gerak isyarat atau persiapan tersebut akan menyebabkan mana-mana orang yang hadir memahami bahawa dia yang membuat gerak isyarat atau persiapan itu hampir hendak menggunakan kekerasan jenayah ke atas orang itu, adalah dikatakan melakukan suatu “serangan”.

Huraian – Perkataan-perkataan sahaja tidaklah terjumliah kepada suatu serangan, tetapi perkataan-perkataan yang digunakan oleh seseorang boleh memberi kepada gerak isyarat atau persiapannya makna yang boleh menjadikan gerak isyarat atau persiapan itu terjumliah kepada suatu serangan.

Misalan-misalan

(a) A menggoyangkan genggaman tangannya kepada Z, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan demikian boleh menyebabkan Z mempercayai bahawa A hampir hendak menumbuk Z. A telah melakukan suatu serangan.

(b) A mula menanggalkan berangus seekor anjing yang ganas dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian boleh menyebabkan Z mempercayai bahawa dia hampir hendak menyebabkan anjing itu menyerang Z. A telah melakukan suatu serangan ke atas Z.

(c) A mengambil sebatang kayu, dengan mengatakan kepada Z, "Saya akan memukul kamu". Di sini, walaupun perkataan-perkataan yang digunakan oleh A itu tidak boleh sekali-kali terjumlah kepada suatu serangan, dan sungguh pun gerak isyarat itu sahaja jika tidak disertai oleh apa-apa hal keadaan lain tidak terjumlah kepada suatu serangan, akan tetapi gerak isyarat yang dihuraikan oleh perkataan-perkataan itu boleh terjumlah kepada suatu serangan.

Hukuman kerana menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kecuali atas bangkitan marah yang besar

352. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang kecuali atas bangkitan marah yang besar dan mengejut yang didatangkan oleh orang itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Huraian – Bangkitan marah yang besar dan mengejut tidak akan meringankan hukuman atas suatu kesalahan di bawah bab ini jika bangkitan marah itu dicari-cari atau dibangkitkan dengan sengaja oleh pesalah itu sebagai suatu helah kerana melakukan kesalahan itu; atau jika bangkitan marah itu didatangkan oleh apa-apa jua yang dilakukan menurut undang-undang, atau oleh seorang kakitangan kerajaan pada menjalankan kuasanya yang sah sebagai kakitangan kerajaan itu; atau jika bangkitan marah itu didatangkan oleh apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian yang sah. Sama ada bangkitan marah itu cukup besar dan mengejut untuk meringankan kesalahan itu adalah suatu persoalan fakta.

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah untuk menghalang kakitangan kerajaan daripada menjalankan kewajipannya

353. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang sebagai seorang kakitangan kerajaan dalam melaksanakan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu, atau dengan niat hendak mencegah atau menghalang orang itu daripada menjalankan kewajipannya sebagai kakitangan kerajaan itu, atau oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan, atau cuba dilakukan, oleh orang itu pada menjalankan kewajipannya

yang sah sebagai kakitangan kerajaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas orang dengan niat hendak mencabul kehormatan

354. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang, dengan maksud dengan yang demikian hendak mencabul, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan mencabul kehormatan orang itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Mencabul kehormatan keterlaluan [S 51/2012]

354A. (1) Barang siapa, bagi melakukan atau untuk memudahkan sesuatu kesalahan itu dilakukan terhadap mana-mana orang di bawah bab 354 –

- (a) dengan sengaja menyebabkan atau cuba menyebabkan kematian, kecederaan atau penahanan salah kepada orang itu; atau
- (b) meletakkan orang itu dalam ketakutan kematian, kecederaan atau penahanan salah,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun dan sebat.

(2) Barang siapa melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) terhadap mana-mana orang yang berumur di bawah 14 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 3 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun dan sebat.

Mencabul kehormatan oleh orang yang memegang amanah atau kuasa [S 51/2012]

354B. Barang siapa yang memegang amanah atau kuasa terhadap seseorang yang berumur di bawah 18 tahun (A) atau adalah seorang yang mempunyai hubungan tanggungan dengan A menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada A, dengan maksud dengan jalan demikian itu hendak mencabul kehormatan, atau dengan mengetahui mungkin dia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan A, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 3 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan sebat.

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan orang, kecuali atas bangkitan marah yang besar

355. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang, dengan maksud dengan yang demikian hendak menjatuhkan kehormatan orang itu, kecuali atas bangkitan marah yang besar dan mengejut yang didatangkan oleh orang itu, hendaklah dihukum penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dalam percubaan untuk mencuri harta yang dibawa orang

356. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang, dalam percubaan untuk mencuri apa-apa harta yang dipakai atau dibawa oleh orang itu pada waktu itu, hendaklah dihukum penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dalam percubaan untuk mengurung orang dengan salah

357. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang dalam percubaan untuk mengurung orang itu dengan salah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan sebat.

Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah atas bangkitan marah yang besar

358. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang atas bangkitan marah yang besar dan mengejut yang didatangkan oleh orang itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan dan denda tidak melebihi \$2,000.

Penculikan, mlarikan orang, pengabdian dan kerja paksa

Penculikan

359. Penculikan ada dua jenis –

- (a) penculikan daripada Negara Brunei Darussalam; dan
- (b) penculikan daripada penjagaan yang sah.

Penculikan daripada Negara Brunei Darussalam

360. Barang siapa membawa mana-mana orang di luar sempadan Negara Brunei Darussalam, tanpa kerelaan orang itu, atau seseorang yang berkuasa di sisi undang-undang untuk memberi kerelaan bagi pihak orang itu, adalah dikatakan menculik orang itu daripada Negara Brunei Darussalam.

Penculikan daripada penjagaan yang sah

361. Barang siapa mengambil atau memujuk lari –

(a) mana-mana budak yang berumur di bawah 14 tahun jika seorang lelaki, atau berumur di bawah 16 tahun jika seorang perempuan; atau

(b) mana-mana orang yang tidak sempurna akal,

daripada pemeliharaan penjaga yang sah kepada budak atau orang yang tidak sempurna akal itu, tanpa kerelaan penjaga itu, adalah dikatakan “menculik” budak atau orang itu daripada penjagaan yang sah.

Huraian – Dalam bab ini, “penjaga yang sah” termasuk mana-mana orang yang diamanahkan secara sah untuk memelihara atau menjaga budak atau orang itu.

Kecualian – Bab ini tidak termasuk perbuatan mana-mana orang yang dengan suci hati mempercayai dirinya sebagai bapa kepada seorang kanak-kanak yang tidak sah taraf, atau yang dengan suci hati mempercayai dirinya sebagai berhak menjadi penjaga kanak-kanak itu yang sah, melainkan jika perbuatan itu dilakukan bagi suatu tujuan yang tidak bermoral atau menyalahi undang-undang.

Melarikan orang

362. Barang siapa dengan kekerasan memaksa, atau dengan apa-apa cara perdayaan mendorong, mana-mana orang supaya pergi daripada mana-mana tempat, adalah dikatakan “melarikan” orang itu.

Hukuman bagi penculikan

363. Barang siapa menculik mana-mana orang daripada Negara Brunei Darussalam atau daripada penjagaan yang sah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Menculik atau mlarikan orang dengan tujuan hendak membunuh

364. Barang siapa menculik atau mlarikan mana-mana orang dengan tujuan supaya orang itu boleh dibunuh, atau boleh dilepaskan sedemikian hingga mendatangkan kepadanya bahaya dibunuh, hendaklah dihukum mati.

Misalan-misalan

(a) A menculik Z daripada Negara Brunei Darussalam dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan Z boleh dikorbankan untuk suatu berhala. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A membawa B pergi dengan paksa atau menggoda B supaya pergi daripada rumahnya dengan tujuan supaya B boleh dibunuh. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Menculik atau mlarikan orang dengan niat hendak mengurungnya secara rahsia dan dengan salah

365. Barang siapa menculik atau mlarikan mana-mana orang dengan niat hendak menyebabkan orang itu dikurung secara rahsia dan dengan salah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Menculik atau mlarikan perempuan untuk memaksanya berkahwin dll.

366. Barang siapa menculik atau mlarikan mana-mana perempuan –

(a) dengan niat supaya dia boleh dipaksa, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia akan dipaksa, berkahwin dengan mana-mana orang bertentangan dengan kemahuannya; atau

(b) dengan tujuan supaya dia boleh dipaksa atau dipujuk melakukan persetubuhan haram, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia akan dipaksa atau dipujuk melakukan persetubuhan haram,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Gadis belum dewasa beranak

366A. Barang siapa, dengan sebarang cara apa pun, memujuk mana-mana gadis belum dewasa yang berumur di bawah 18 tahun untuk pergi daripada mana-mana tempat atau

melakukan apa-apa perbuatan dengan niat supaya gadis itu boleh, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia akan, dipaksa atau dipujuk melakukan persetubuhan haram dengan orang lain boleh dihukum penjara tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Membawa masuk gadis daripada negara asing

366B. Barang siapa membawa masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam daripada mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam mana-mana gadis yang berumur di bawah 21 tahun dengan niat supaya gadis itu boleh, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia akan, dipaksa atau dipujuk melakukan persetubuhan haram dengan orang lain boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Menculik atau melarikan orang dengan tujuan hendak mengenakkannya cedera parah, menjadikannya abdi dll.

367. Barang siapa menculik atau melarikan mana-mana orang –

- (a) dengan tujuan supaya orang itu boleh dikenakan, atau boleh dilepaskan sedemikian hingga mendatangkannya dalam bahaya dikenakan cedera parah atau dijadikan abdi, atau untuk memuaskan nafsu luar tabii mana-mana orang; atau
- (b) dengan mengetahuinya berkemungkinan orang itu akan dijadikan atau dilepaskan sedemikian,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Menyembunyikan atau mengurung dengan salah orang yang diculik atau dilarikan

368. Barang siapa, dengan mengetahui bahawa mana-mana orang telah diculik atau telah dilarikan, menyembunyikan atau mengurung orang itu dengan salah, hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah menculik atau melarikan orang itu dengan niat atau pengetahuan yang sama atau bagi tujuan yang sama dengan tujuan dia menyembunyikan atau menahan orang itu dalam kurungan.

Menculik atau melarikan kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun dengan niat hendak mencuri daripada tubuh kanak-kanak itu

369. Barang siapa menculik atau melarikan mana-mana kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun, dengan niat hendak mengambil dengan curang mana-mana harta alih daripada tubuh kanak-kanak itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Membeli atau melepaskan mana-mana orang sebagai abdi

370. Barang siapa –

- (a) membawa masuk, membawa keluar, memindahkan, membeli, menjual atau melepaskan mana-mana orang sebagai seorang abdi; atau
- (b) menerima, mendapat atau menahan mana-mana orang sebagai seorang abdi bertentangan dengan kemahuannya,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Lazim mengurusniagakan abdi

371. Barang siapa lazim membawa masuk, membawa keluar, memindahkan, membeli, menjual, memperdagangkan atau mengurusniagakan abdi hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Menjual orang yang belum cukup umur bagi tujuan pelacuran dll.

372. Barang siapa menjual, menyewakan atau pun selainnya melepaskan mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun –

- (a) dengan niat supaya orang itu berapa pun umurnya digaji atau digunakan bagi tujuan pelacuran atau persetubuhan haram dengan mana-mana orang atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang dan tidak bermoral; atau
- (b) dengan mengetahuinya berkemungkinan orang itu akan berapa pun umurnya digaji atau digunakan bagi tujuan tersebut,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Huraian 1 – Apabila seorang perempuan yang berumur di bawah 18 tahun dijual, disewakan atau pun selainnya dilepaskan kepada seorang pelacur atau kepada mana-mana orang yang menyimpan atau mengurus rumah pelacuran, maka orang yang melepaskan perempuan itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap telah melepaskannya dengan niat supaya dia digunakan bagi tujuan pelacuran.

Huraian 2 – Bagi maksud-maksud bab ini, “persetubuhan haram” bermakna persetubuhan antara orang yang tidak bersatu melalui perkahwinan atau melalui apa-apa penyatuan atau ikatan yang, walaupun tidak terjumlah kepada suatu perkahwinan, diiktiraf oleh undang-undang persendirian atau adat komuniti di mana mereka tergolong atau, jika mereka tergolong dalam komuniti-komuniti berlainan, kedua-dua komuniti tersebut, yang membentuk antara mereka hubungan kuasi-perkahwinan.

Membeli orang yang belum cukup umur bagi tujuan pelacuran

373. Barang siapa membeli, menyewa atau pun selainnya mendapat milikan mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun –

(a) dengan niat supaya orang itu berapa pun umurnya digaji atau digunakan bagi tujuan pelacuran atau persetubuhan haram dengan mana-mana orang atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang dan tidak bermoral; atau

(b) dengan mengetahuinya berkemungkinan orang itu akan berapa pun umurnya digaji atau digunakan bagi sebarang tujuan tersebut,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat yang tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Huraian 1 – Mana-mana pelacur, atau mana-mana orang yang menyimpan atau mengurus rumah pelacuran, yang membeli, menyewa atau pun selainnya mendapat milikan seorang perempuan yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap telah mendapat milikan perempuan itu dengan niat supaya dia digunakan bagi tujuan pelacuran.

Huraian 2 – “Persetubuhan haram” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 372.

Membawa masuk bagi tujuan pelacuran dll.

373A. Barang siapa –

- (a) dengan apa-apa dakwaan palsu, pernyataan palsu, atau dengan cara fraud atau perdayaan, membawa, atau menolong membawa masuk, ke dalam Negara Brunei Darussalam mana-mana perempuan dengan niat supaya perempuan itu boleh digaji atau digunakan bagi tujuan pelacuran;
- (b) membawa, atau menolong membawa masuk, ke dalam Negara Brunei Darussalam mana-mana perempuan dengan niat supaya perempuan itu boleh dijual atau dibeli bagi tujuan pelacuran;
- (c) menjual atau membeli mana-mana perempuan bagi tujuan pelacuran, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Kerja paksa yang menyalahi undang-undang

374. Barang siapa dengan menyalahi undang-undang memaksa mana-mana orang untuk bekerja bertentangan dengan kemahuan orang itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Rogol, kesalahan luar tabii dan sumbang mahram

Rogol

375. Seorang lelaki adalah dikatakan melakukan “rogol”, jika dia, kecuali dalam hal yang dikecualikan selepas ini, bersetubuh dengan seorang perempuan dalam hal keadaan yang termasuk dalam mana-mana lima perihalan yang berikut –

- (a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu;
- (b) tanpa kerelaan perempuan itu;
- (c) dengan kerelaan perempuan itu, jika kerelaannya telah didapatkan dengan mendatangkan kepadanya ketakutan bahawa kematian atau kecederaan akan berlaku;
- (d) dengan kerelaan perempuan itu, apabila lelaki itu mengetahui bahawa dia bukan suami perempuan itu, dan bahawa kerelaan perempuan itu diberikan kerana

dia percaya lelaki itu ialah lelaki lain yang akan menjadi, atau yang dia percaya akan menjadi, suaminya yang sah;

- (e) dengan atau tanpa kerelaan perempuan itu jika dia berumur di bawah 14 tahun.

Huraian – Kemasukan adalah mencukupi untuk menjadikan persetubuhan itu perlu bagi kesalahan rogol.

Kecualian – Persetubuhan oleh seorang lelaki dengan isterinya sendiri, yang berumur di bawah 13 tahun, bukanlah rogol.

Hukuman bagi rogol

376. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), barang siapa melakukan rogol hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat.

- (2) Barang siapa –

(a) dengan tujuan hendak melakukan atau memudahkan suatu kesalahan rogol dilakukan terhadap mana-mana perempuan –

(i) dengan sengaja menyebabkan cedera kepadanya atau kepada mana-mana orang lain; atau

(ii) mendatangkan kepadanya ketakutan bahawa kematian atau kecederaan akan berlaku kepada dirinya atau mana-mana orang lain; dan

(b) melakukan rogol dengan menyetubuh seorang perempuan yang berumur di bawah 14 tahun tanpa kerelaannya,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 8 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Kesalahan luar tabii

377. Barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan di luar tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau haiwan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Huraian – Kemasukan adalah mencukupi untuk menjadikan persetubuhan itu perlu bagi kesalahan yang diperihalkan dalam bab ini.

Sumbang mahram

377A. (1) Barang siapa –

(a) iaitu seorang lelaki, menyetubuhi seorang perempuan yang diketahuinya adalah ibunya, neneknya, cucu peremuannya, anak peremuannya, kakak atau adik peremuannya atau saudara perempuan seibu atau seapanya; atau

(b) iaitu seorang perempuan menyetubuhi seorang lelaki yang diketahuinya adalah bapanya, datuknya, cucu lelakinya, anak lelakinya, abang atau adik lelakinya atau saudara lelaki seibu atau seapanya,

adalah dikatakan melakukan “sumbang mahram” dan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Huraian – Tidaklah material sama ada pertalian antara orang yang dituduh itu dikesan atau tidak dikesan melalui perkahwinan yang sah.

(2) Bab ini tidak dikenakan kepada bangsa Melayu dan bangsa lain daripada puak jati Negara Brunei Darussalam yang menurut undang-undang atau adat mereka sendiri boleh dihukum kerana melakukan persetubuhan dalam tahap perhubungan terlarang.

Melibatkan diri dalam aktiviti seksual di hadapan orang yang berumur di bawah 16 tahun [S 51/2012]

377B. (1) Barang siapa (A) –

(a) dengan niat melibatkan diri dalam suatu aktiviti;

(b) aktiviti itu adalah seksual;

(c) bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual, dia melibatkan dirinya –

(i) di hadapan seseorang yang berumur di bawah 16 tahun (B)
atau berada di suatu tempat dari mana A boleh diperhatikan;
dan

- (ii) dengan mengetahui atau dengan mempercayai bahawa *B* menyedari atau dengan maksud *B* sepatutnya menyedari bahawa dia melibatkan diri dalam aktiviti itu,
 adalah melakukan suatu kesalahan.
- (2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 5 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Menyebabkan orang yang berumur di bawah 16 tahun melihat perbuatan seksual [S 51/2012]

- 377C.** (1) Barang siapa (A) –
- (a) bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual dengan niat menyebabkan seseorang yang berumur di bawah 16 tahun (*B*) melihat orang ketiga melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau melihat imej mana-mana orang yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti; dan
- (b) aktiviti itu adalah seksual,
 adalah melakukan suatu kesalahan
- (2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 5 tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

Seks perdagangan dengan orang yang berumur di bawah 18 tahun [S 51/2012]

- 377D.** (1) Barang siapa mendapatkan untuk balasan perkhidmatan seksual seseorang yang berumur di bawah 18 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun dan sebat.
- (2) Mana-mana orang yang berhubung dengan orang lain bagi tujuan mendapatkan untuk balasan, perkhidmatan seksual seseorang yang berumur di bawah 18 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 3 tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

Seks perdagangan dengan orang yang berumur di bawah 18 tahun di luar Negara Brunei Darussalam [S 51/2012]

377E. (1) Barang siapa, sebagai seorang rakyat Negara Brunei Darussalam atau seorang penduduk tetap, melakukan, di luar Negara Brunei Darussalam, apa-apa perbuatan yang akan, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, menjadi suatu kesalahan di bawah bab 377D, adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah dikenakan hukuman yang sama dengan hukuman yang sepatutnya dikenakan kepadanya jika dia disabitkan atau suatu kesalahan di bawah bab 377D.

Melancong di luar Negara Brunei Darussalam bagi seks perdagangan dengan orang yang berumur di bawah 18 tahun [S 51/2012]

377F. (1) Barang siapa –

(a) membuat atau menganjurkan sebarang penyusunan perjalanan untuk atau bagi pihak mana-mana orang lain dengan niat hendak memudahkan suatu kesalahan di bawah bab 377D dilakukan oleh orang lain itu, sama ada atau tidak kesalahan tersebut sebenarnya dilakukan oleh orang lain itu;

(b) mengangkut mana-mana orang lain ke suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam dengan niat hendak memudahkan suatu kesalahan di bawah bab 377D dilakukan oleh orang lain itu, sama ada atau tidak kesalahan tersebut sebenarnya dilakukan oleh orang lain itu; atau

(c) mencetak, menyiaran atau menyebarkan apa-apa maklumat yang dimaksudkan untuk menggalakkan kelakuan yang akan menjadi suatu kesalahan di bawah bab 377D, atau untuk membantu mana-mana orang lain melibatkan diri dalam kelakuan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1)(c), penyiaran maklumat bermakna penyiaran maklumat dengan apa-apa cara, sama ada dengan cara bertulis, elektronik atau bentuk perhubungan lain.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 10 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Pembentukan seksual orang yang berumur di bawah 16 tahun [S 51/2012]

377G. (1) Barang siapa yang berumur 21 tahun atau ke atas (A) jika setelah berjumpa atau berhubung dengan orang lain (B) 2 kali atau lebih dahulunya –

- (a) A dengan niat berjumpa B atau membuat perjalanan dengan niat hendak berjumpa B; dan
- (b) pada masa perbuatan-perbuatan yang disebut dalam perenggan (a) –
 - (i) A bermaksud hendak melakukan sesuatu kepada atau berkaitan dengan B, dalam masa atau selepas perjumpaan itu, yang jika dilakukan akan melibatkan suatu kesalahan yang berkaitan dilakukan oleh A;
 - (ii) B berumur di bawah 16 tahun; dan
 - (iii) A tidak mempercayai dengan munasabah bahawa B berumur 16 tahun atau ke atas,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Dalam ceraian (1), “kesalahan yang berkaitan” bermakna suatu kesalahan di bawah –

- (a) bab 354, 354A, 354B, 375, 377, 377B, 377C atau 377D;
- (b) bab 2 dari Akta Persetubuhan Haram (Penggal 29); atau
- (c) bab 3(1) dari Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis (Penggal 120).

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, tidak penting sama ada A telah berjumpa atau berhubung dengan B 2 kali atau lebih dahulunya yang disebut dalam ceraian (1) berlaku di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

(4) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 3 tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.

Voyeurisme [S 51/2012]

377H. (1) Seseorang itu melakukan suatu kesalahan jika –

(a) bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual, dia memerhati orang lain sedang melakukan suatu perbuatan sulit; dan

(b) dia mengetahui bahawa orang lain itu tidak mengizinkan untuk diperhatikan bagi kepuasan seksualnya,

(2) Seseorang itu melakukan suatu kesalahan jika –

(a) dia mengendalikan peralatan dengan niat untuk membolehkan orang lain memerhati, bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual, orang ketiga (B) melakukan suatu perbuatan sulit; dan

(b) dia mengetahui bahawa B tidak mengizinkannya mengendalikan peralatan dengan niat tersebut.

(3) Seseorang itu melakukan suatu kesalahan jika –

(a) dia merakam orang lain (B) melakukan suatu perbuatan sulit;

(b) dia berbuat demikian dengan niat bahawa dia atau orang ketiga akan, bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual, melihat imej B sedang melakukan perbuatan itu; dan

(c) dia mengetahui bahawa B tidak mengizinkannya merakam perbuatan itu dengan niat tersebut.

(4) Seseorang itu melakukan suatu kesalahan jika dia memasang peralatan, atau membina atau menyesuaikan suatu struktur atau sebahagian dari suatu struktur, dengan niat untuk membolehkan dirinya sendiri atau orang lain melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1).

(5) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh sehingga 3 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Pencetakan, penyiaran dll. rakaman voyeuristik [S 51/2012]

377I. Mana-mana orang, yang mengetahui bahawa suatu rakaman telah diperolehi dengan melakukan suatu kesalahan di bawah bab 377H, mencetak, menyalin, menyiaran, menyebarkan, mengedarkan, menjual, mengiklankan atau menyediakan rakaman itu, atau ada dalam milikannya rakaman itu bagi tujuan mencetak, menyalin, menyiaran, menyebarkan, mengedarkan, menjual atau mengiklankannya atau menyediakannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 5 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Voyeurisme: tafsiran [S 51/2012]

377J. (1) Bagi maksud-maksud bab 377H, seseorang adalah melakukan suatu perbuatan sulit jika orang itu berada di suatu tempat yang, dalam hal keadaan itu, akan dijangka dengan munasabah memberikan privasi, dan –

- (a) alat kelamin, punggung atau buah dada orang itu terdedah atau ditutup hanya dengan pakaian dalam sahaja;
- (b) orang itu menggunakan tandas; atau
- (c) orang itu melakukan suatu perbuatan seksual yang bukan seperti yang biasa dilakukan di khalayak ramai.

(2) Dalam bab 377H, “struktur” termasuk khemah, kenderaan atau vesel atau struktur sementara atau boleh alih lain.

Kesilapan tentang umur [S 51/2012]

377K. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3) dan dengan tidak menghiraukan sebarang apa-apa jua dalam bab 79, suatu kesilapan yang munasabah tentang umur seseorang tidaklah menjadi suatu pembelaan kepada apa-apa pertuduhan atas suatu kesalahan di bawah bab 377B, 377C, 377D atau 377E.

(2) Dalam hal seseorang yang pada masa kesalahan yang dikatakan itu berumur di bawah 21 tahun, adanya kepercayaan tentang kesilapan yang munasabah bahawa orang itu, yang berlainan jantina, berumur 18 tahun atau ke atas, adalah suatu pembelaan yang sah kepada suatu pertuduhan atas suatu kesalahan di bawah bab 377D atau 377E.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (2), pembelaan di bawah ceraian itu tidak lagi ada jika pada masa kesalahan itu, orang yang dituduh melakukan kesalahan itu telah dituduh dahulunya dalam mahkamah kerana suatu kesalahan di bawah bab 377D atau 377E atau bab 3(1) dari Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Penggal 120).

(4) Adalah bukan suatu pembelaan kepada suatu pertuduhan di bawah bab 377B, 377C, 377D, 377E atau 377G atau di bawah bab 2 dari Akta Persetubuhan Haram (Penggal 29) bahawa tertuduh mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu berumur 16 tahun atau ke atas atau 18 tahun, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika tertuduh mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan umur orang itu.

PENGGAL XVII

KESALAHAN TERHADAP HARTA

Mencuri

Mencuri

378. Barang siapa, dengan maksud hendak mengambil secara tidak jujur apa-apa harta alih daripada milik mana-mana orang tanpa kerelaan orang itu, menggerakkan harta itu dengan tujuan hendak mengambilnya, adalah dikatakan melakukan kesalahan “mencuri”.

Huraian 1 – Suatu benda selagi benda itu bercantum dengan bumi, yang bukan harta alih, tidaklah menjadi perkara pencurian; tetapi ia boleh menjadi perkara pencurian sebaik sahaja benda itu terpisah daripada bumi.

Huraian 2 – Menggerakkan sesuatu benda dengan perbuatan yang memisahkan benda itu, boleh menjadi kesalahan mencuri.

Huraian 3 – Seseorang adalah dikatakan menyebabkan suatu benda bergerak dengan membuang suatu halangan yang menahan benda itu daripada bergerak, atau dengan

mengasingkan benda itu daripada apa-apa benda lain, dan juga dengan menggerakkan benda itu sendiri.

Huraian 4 – Seseorang, yang menyebabkan dengan apa-apa cara seekor haiwan bergerak, adalah dikatakan menggerakkan haiwan itu, dan menggerakkan segala benda yang digerakkan oleh haiwan itu, oleh sebab gerakan yang berlaku itu.

Huraian 5 – Kerelaan yang disebutkan dalam takrifan itu mungkin dengan nyata atau tersirat, dan boleh diberikan sama ada oleh orang yang memiliki, atau oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa bagi tujuan itu, sama ada nyata atau tersirat.

Misalan-misalan

(a) A menebang sebatang pokok dalam tanah Z, dengan niat hendak mengambil secara tidak jujur pokok itu daripada milik Z, tanpa kerelaan Z. Di sini, sebaik sahaja A memisahkan pokok itu dengan tujuan hendak mengambilnya, maka dia telah melakukan kesalahan mencuri.

(b) A menaruh umpan untuk anjing dalam sakunya, dan dengan demikian mendorong anjing Z mengikut umpan itu. Di sini, jika niat A hendak mengambil secara tidak jujur anjing itu daripada milik Z tanpa kerelaan Z, maka A telah melakukan kesalahan mencuri sebaik sahaja anjing Z mula mengikut A.

(c) A terserempak kereta lembu yang membawa sepeti harta karun. Dia menghalau lembu itu ke suatu arah yang tertentu dengan tujuan supaya dia boleh mengambil secara tidak jujur harta karun itu. Sebaik sahaja lembu itu mula bergerak, maka A telah melakukan kesalahan mencuri harta karun itu.

(d) A, sebagai orang gaji Z, dan diamanahkan oleh Z untuk menjaga barang-barang perak Z, secara tidak jujur melarikan barang-barang itu tanpa kerelaan Z. Maka A telah melakukan kesalahan mencuri.

(e) Z, yang hendak pergi ke suatu tempat yang jauh, mengamanahkan barang-barang peraknya kepada A, penjaga sebuah gudang, sehingga Z balik. A membawa barang-barang perak itu kepada seorang tukang emas dan menjualnya. Di sini, barang-barang perak itu tidak ada dalam milikan Z. Oleh sebab itu barang-barang itu tidak boleh diambil daripada milik Z, dan A tidaklah melakukan kesalahan mencuri, tetapi dia mungkin telah melakukan kesalahan pecah amanah jenayah.

(f) A terjumpa sebentuk cincin yang dipunyai oleh Z di atas sebuah meja dalam rumah yang diduduki oleh Z. Di sini, cincin itu ada dalam milikan Z, dan jika A memindahkannya secara tidak jujur, maka A melakukan kesalahan mencuri.

(g) A terjumpa sebentuk cincin di jalan raya, tidak dalam milikan mana-mana orang. A, dengan mengambilnya tidaklah melakukan apa-apa kesalahan mencuri, tetapi dia mungkin melakukan kesalahan menyalahgunakan harta secara jenayah.

(h) A ternampak sebentuk cincin kepunyaan Z di atas sebuah meja dalam rumah Z. Oleh kerana tidak berani hendak menyalahgunakan langsung cincin itu kerana takut diperiksa dan dikesan, A menyembunyikan cincin itu di suatu tempat yang tidak mungkin sekali dijumpai oleh Z dengan niat hendak mengambil cincin itu daripada tempatnya disembunyikan, dan menjualnya apabila kehilangan itu dilupakan. Di sini, A melakukan kesalahan mencuri, pada masa mula menggerakkan cincin itu.

(i) A menyerahkan jam tangannya kepada Z, seorang tukang jam, untuk diperbaiki. Z membawa jam tangan itu ke kedainya. A, yang tidak ada apa-apa hutang dengan tukang jam itu membolehkan tukang jam itu menahan secara sah jam tangan itu sebagai cagaran, memasuki kedai itu secara terang-terangan, mengambil jam tangannya dengan paksa daripada tangan Z dan membawanya pergi. Di sini, A, walaupun dia mungkin telah melakukan pencerobohan dan serangan jenayah, tidaklah melakukan kesalahan mencuri, kerana apa yang telah dilakukannya itu tidak dilakukannya secara tidak jujur.

(j) Jika A berhutang wang kepada Z kerana membaiki jam tangan itu, dan jika Z menyimpan jam tangan itu secara sah sebagai cagaran bagi hutangnya itu dan A mengambil jam tangan itu daripada milik Z dengan niat hendak melucutkan harta itu daripada Z sebagai cagaran bagi hutangnya itu, maka dia melakukan kesalahan mencuri, kerana dia mengambilnya secara tidak jujur.

(k) Dan lagi, jika A, setelah menggadaikan jam tangannya kepada Z, mengambil jam tangan itu daripada milik Z tanpa kerelaan Z, sebelum membayar pinjamannya atas cagaran jam tangan itu, maka dia melakukan kesalahan mencuri walaupun jam tangan itu hartanya sendiri kerana dia mengambilnya secara tidak jujur.

(l) A mengambil suatu barang yang dipunyai oleh Z daripada milik Z, tanpa kerelaan Z, dengan niat hendak menyimpannya sehingga dia mendapatkan wang daripada Z sebagai hadiah kerana memulangkannya. Di sini, A mengambilnya secara tidak jujur. A telah dengan yang demikian melakukan kesalahan mencuri.

(m) A, yang bersahabat dengan Z, masuk ke dalam perpustakaan Z semasa ketidaan Z, dan membawa keluar sebuah buku tanpa kerelaan Z yang nyata, bagi maksud semata-mata hendak membacanya dan dengan niat hendak mengembalikannya. Di sini, mungkin A telah berfikir yang dia ada kerelaan Z yang tersirat untuk menggunakan buku Z. Jika inilah sangkaan A, maka A tidaklah melakukan kesalahan mencuri.

(n) A meminta belas ikhsan daripada isteri Z. Isteri Z memberikan kepada A wang, makanan dan pakaian, yang diketahui oleh A kepunyaan Z. Di sini, mungkin A berfikir bahawa isteri Z berkuasa memberi sedekah. Jika inilah tanggapan A, maka A tidaklah melakukan kesalahan mencuri.

(o) A ialah kendak isteri Z. Isteri Z memberi A harta berharga, yang diketahui oleh A kepunyaan Z, dan yang isteri Z tidak ada kebenaran daripada Z untuk memberinya. Jika A mengambil harta itu secara tidak jujur, maka A melakukan kesalahan mencuri.

(p) A, dengan suci hati, mempercayai harta kepunyaan Z sebagai harta A sendiri, mengambil harta itu daripada milik Z. Di sini, oleh kerana A tidak mengambil secara tidak jujur, maka dia tidaklah melakukan kesalahan mencuri.

Hukuman bagi kesalahan mencuri

379. Barang siapa melakukan kesalahan mencuri hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Mencuri dalam rumah kediaman dll.

380. Barang siapa melakukan kesalahan mencuri dalam mana-mana bangunan, khemah atau vesel, iaitu bangunan, khemah atau vesel yang digunakan sebagai tempat kediaman manusia, atau yang digunakan untuk menyimpan harta, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Mencuri di tempat terkawal atau tempat ibadat [S 51/2014]

380A. (1) Barang siapa melakukan kesalahan mencuri –

- (a) di suatu tempat terkawal; atau
- (b) di mana-mana bangunan yang digunakan sebagai suatu tempat ibadat,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 10 tahun dan sebat.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), “tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau premis yang diisyiharkan sebagai suatu tempat terkawal di bawah bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147).

Kerani atau orang gaji mencuri harta dalam milikan tuannya

381. Barang siapa, sebagai seorang kerani atau orang gaji, atau yang diambil bekerja sebagai seorang kerani atau orang gaji, melakukan kesalahan mencuri berkaitan dengan apa-apa harta dalam milikan tuannya atau majikannya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Mencuri setelah membuat persiapan untuk menyebabkan kematian, kecederaan atau halangan, dengan tujuan hendak melakukan kesalahan mencuri

382. Barang siapa melakukan kesalahan mencuri, setelah membuat persiapan untuk menyebabkan kematian, atau kecederaan, atau halangan, atau ketakutan bahawa mana-mana orang akan mati, atau dicederakan, atau dihalang, dengan tujuan hendak –

- (a) melakukan kesalahan mencuri itu; atau

- (b) melarikan diri selepas melakukan kesalahan mencuri itu, atau
(c) menyimpan harta yang diambil dengan jalan kesalahan mencuri itu,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat.

Misalan-misalan

(a) A melakukan kesalahan mencuri harta dalam milikan Z; dan semasa melakukan kesalahan mencuri ini dia ada pistol berisi peluru dalam pakaianya, yang telah disediakannya bagi tujuan mencederakan Z sekiranya Z menentang. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A menyeluk saku Z, setelah menempatkan beberapa orang kawannya dekat dengannya supaya mereka boleh menghalang Z sekiranya Z nampak apa yang terjadi, dan menentang, atau cuba menangkap A. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Peras ugut

Peras ugut

383. Barang siapa dengan sengaja mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa apa-apa kecederaan akan berlaku ke atas orang itu atau ke atas mana-mana orang lain, dan dengan yang demikian mendorong secara tidak jujur orang yang didatangkan ketakutan itu supaya menyerahkan kepada mana-mana orang apa-apa harta atau jaminan berharga, atau apa-apa jua yang bertandatangan atau bermeterai, yang boleh dijadikan suatu jaminan berharga, adalah melakukan “peras ugut”.

Misalan-misalan

(a) A mengugut hendak menyiarkan fitnah bertulis mengenai Z melainkan jika Z memberi wang kepadanya. A dengan yang demikian mendorong Z supaya memberi wang kepadanya. A telah melakukan peras ugut.

(b) A mengugut Z yang dia akan mengurung anak Z dengan salah melainkan jika Z menandatangani dan menyerahkan kepada A surat janji hutang yang mengikat Z supaya membayar sejumlah wang kepada A. Z menandatangani dan menyerahkan surat itu. A telah melakukan peras ugut.

(c) A mengugut hendak menghantar orang untuk memusnahkan tanaman Z melainkan jika Z menandatangani dan menyerahkan kepada B suatu bon yang mengikat Z dengan suatu penalti untuk menyerahkan sesuatu hasil tanaman kepada B, dan dengan yang demikian mendorong Z untuk menandatangani dan menyerahkan bon itu. A telah melakukan peras ugut.

(d) A, dengan mendatangkan kepada Z ketakutan bahawa cedera parah akan berlaku secara tidak jujur mendorong Z untuk menandatangani atau membubuh meterainya pada sehelai kertas kosong, dan menyerahkannya kepada A. Z menandatangani dan menyerahkan kertas itu kepada A. Di sini, oleh kerana kertas yang telah ditandatangani itu boleh dijadikan suatu jaminan berharga, A telah melakukan peras ugut.

Hukuman bagi peras ugut

384. Barang siapa melakukan peras ugut hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 7 tahun dan sebat.

Mendatangkan kepada orang ketakutan akan dicederakan dengan tujuan hendak melakukan peras ugut

385. Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan peras ugut, mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan, atau cuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan akan dicederakan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan sebat.

Peras ugut dengan mendatangkan kepada orang ketakutan akan mati atau cedera parah

386. Barang siapa melakukan peras ugut dengan mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa kematian atau cedera parah akan berlaku kepada orang itu atau kepada mana-mana orang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan sebat.

Mendatangkan kepada orang ketakutan akan mati atau cedera parah dengan tujuan hendak melakukan peras ugut

387. Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan peras ugut, mendatangkan atau cuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa kematian atau cedera parah akan berlaku kepada orang itu atau kepada mana-mana orang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan sebat.

Peras ugut dengan ancaman tuduhan melakukan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara dll.

388. Barang siapa melakukan peras ugut dengan mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan akan dituduh terhadap orang itu atau mana-mana orang lain telah –

- (a) melakukan, atau cuba melakukan, apa-apa kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, atau
- (b) cuba mendorong mana-mana orang lain untuk melakukan kesalahan itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Jika kesalahan itu boleh dihukum di bawah bab 377, dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Mendatangkan kepada orang ketakutan akan dituduh melakukan kesalahan dengan tujuan hendak memeras ugut

389. Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan peras ugut, mendatangkan atau cuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan akan dituduh terhadap orang itu atau mana-mana orang lain telah melakukan, atau cuba melakukan, suatu kesalahan yang boleh dihukum mati, atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Jika kesalahan itu boleh dihukum di bawah bab 377, dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Rompakan dan rompakan berkumpulan

Rompakan

390. (1) Dalam segala rompakan terdapat sama ada kesalahan mencuri atau peras ugut.

(2) Mencuri adalah “rompakan” jika, dengan tujuan hendak melakukan kesalahan mencuri itu, atau dalam melakukan kesalahan mencuri itu, atau dalam membawa lari, atau cuba membawa lari, harta yang diperolehi dengan jalan kesalahan mencuri itu, pesalah itu,

bagi maksud tersebut, dengan sengaja menyebabkan atau cuba menyebabkan kepada mana-mana orang –

- (a) kematian atau kecederaan atau halangan salah; atau
- (b) ketakutan bahawa kematian serta-merta, atau kecederaan serta-merta, atau halangan salah serta-merta akan berlaku.

(3) Peras ugut adalah “rompakan” jika pesalah itu, pada masa melakukan peras ugut itu, ada di hadapan orang yang didatangkan ketakutan itu, dan melakukan peras ugut itu –

- (a) dengan mendatangkan kepada orang itu ketakutan bahawa kematian serta-merta, kecederaan serta-merta, atau halangan salah serta-merta akan berlaku kepadanya, atau kepada segelintir orang lain; dan
- (b) dengan mendatangkan ketakutan itu, mendorong orang yang didatangkan ketakutan itu supaya menyerahkan di situ dan pada ketika itu juga benda yang diperas ugut itu.

Huraian – Pesalah itu dikatakan ada jika dia cukup dekat untuk mendatangkan kepada orang lain itu ketakutan bahawa kematian serta-merta, kecederaan serta-merta atau halangan salah serta-merta akan berlaku.

Misalan-misalan

(a) A memegang Z, dan secara fraud mengambil wang Z dan barang kemas daripada pakaian Z, tanpa kerelaan Z. Di sini, A telah melakukan kesalahan mencuri, dan, dengan tujuan hendak melakukan kesalahan mencuri itu, telah dengan sengaja menyebabkan halangan salah kepada Z. A dengan yang demikian telah melakukan rompakan.

(b) A bertemu dengan Z di jalan raya, menunjukkan pistol dan meminta dompet Z. Oleh sebab itu, Z menyerahkan dompetnya. Di sini, A telah memeras ugut untuk mendapatkan dompet itu daripada Z dengan mendatangkan kepadanya ketakutan bahawa Z akan dicederakan serta-merta, dan berada di hadapannya, pada masa melakukan peras ugut itu. A telah dengan yang demikian, melakukan rompakan.

(c) A bertemu dengan Z dan anak Z di jalan raya, A mengambil kanak-kanak itu, dan mengugut hendak mencampakkannya ke suatu jurang yang curam melainkan jika Z menyerahkan dompetnya. Oleh sebab itu, Z menyerahkan dompetnya. Di sini, A telah memeras ugut untuk mendapatkan dompet itu daripada Z dengan menyebabkan Z ketakutan bahawa anaknya yang ada di situ akan dicederakan serta-merta. A telah dengan yang demikian, melakukan rompakan ke atas Z.

(d) A mendapat harta daripada Z dengan mengatakan "Anak kamu ada dalam tangan kumpulan saya, dan akan dibunuh melainkan jika kamu menghantar kepada kami \$10,000". Ini adalah peras ugut, dan boleh dihukum sedemikian; tetapi bukanlah rompakan melainkan jika Z didatangkan ketakutan bahawa anaknya akan mati serta-merta.

Rompakan berkumpulan

391. Apabila –

(a) dua orang atau lebih bersesama melakukan atau cuba melakukan suatu rompakan, atau, jika bilangan orang yang bersesama melakukan, atau cuba melakukan, suatu rompakan; dan

(b) orang yang ada dan membantu melakukan atau cuba melakukan rompakan itu berjumlah semuanya dua orang atau lebih,
maka tiap-tiap orang yang melakukan, cuba melakukan, atau membantu melakukan itu adalah dikatakan melakukan "rompakan berkumpulan".

Hukuman bagi rompakan

392. Barang siapa melakukan rompakan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Cuba melakukan rompakan

393. Barang siapa cuba melakukan rompakan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Dengan sengaja menyebabkan cedera dalam melakukan rompakan

394. Jika mana-mana orang, dalam melakukan rompakan, atau cuba melakukan rompakan, dengan sengaja menyebabkan cedera, maka orang itu dan mana-mana orang lain yang sama-sama terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan rompakan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Hukuman bagi rompakan berkumpulan

395. Barang siapa melakukan rompakan berkumpulan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Rompakan berkumpulan, dengan membunuh orang

396. Jika salah seorang daripada dua orang atau lebih, yang bersesama melakukan rompakan berkumpulan melakukan kesalahan membunuh orang dalam melakukan rompakan berkumpulan itu, maka setiap seorang daripada orang-orang itu hendaklah dihukum mati.

Rompakan atau rompakan berkumpulan, dengan cuba menyebabkan kematian atau cedera parah

397. Jika, pada masa melakukan atau cuba melakukan rompakan atau rompakan berkumpulan, pesalah itu –

- (a) menggunakan apa-apa senjata maut;
- (b) menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang; atau
- (c) cuba menyebabkan kematian atau cedera parah kepada mana-mana orang,

maka pesalah itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Rompakan atau rompakan berkumpulan, jika bersenjatakan dengan senjata maut

398. Jika, pada masa melakukan atau cuba melakukan rompakan atau rompakan berkumpulan, pesalah itu bersenjatakan dengan apa-apa senjata maut, maka pesalah itu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Membuat persiapan untuk melakukan rompakan berkumpulan

399. Barang siapa membuat apa-apa persiapan untuk melakukan rompakan berkumpulan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

Hukuman kerana tergolong dalam kumpulan perompak

400. Barang siapa tergolong dalam sekumpulan orang yang bergabung bagi maksud hendak melakukan dengan lazim rompakan berkumpulan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Hukuman kerana tergolong dalam kumpulan pencuri

401. Barang siapa tergolong dalam mana-mana kumpulan orang yang merayau atau kumpulan lain orang yang bergabung bagi maksud hendak melakukan dengan lazim kesalahan mencuri atau merompak, dan bukannya sekumpulan perompak, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Berhimpun bagi maksud hendak melakukan rompakan berkumpulan

402. Barang siapa menjadi salah seorang daripada dua orang atau lebih yang berhimpun bagi maksud hendak melakukan rompakan berkumpulan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Menggelapkan harta secara jenayah

Menggelapkan harta secara tidak jujur

403. Barang siapa secara tidak jujur menggelapkan atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri apa-apa harta alih hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Misalan-misalan

(a) A mengambil harta yang dippunyai oleh Z daripada milik Z, dengan suci hati mempercayai, pada masa dia mengambilnya, bahawa harta itu dippunyai olehnya. A tidaklah melakukan kesalahan mencuri; tetapi jika A, setelah menyedari kesilapannya, menggelapkan harta itu secara tidak jujur untuk kegunaannya sendiri, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(b) A, yang bersahabat dengan Z, masuk ke dalam perpustakaan Z semasa ketiadaan Z, dan membawa keluar sebuah buku tanpa kerelaan Z yang nyata. Di sini, jika A menyangka bahawa dia ada kerelaan Z yang tersirat untuk mengambil buku itu bagi maksud membacanya, A tidaklah melakukan kesalahan mencuri. Tetapi jika A kemudiannya menjual buku itu untuk faedahnya sendiri, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(c) A terjumpa sekeping cek yang kena dibayar kepada pembawanya. Dia tidak dapat meneka siapakah orangnya yang telah kehilangan cek itu. Tetapi terdapat nama orang yang telah menulis cek itu. A mengetahui bahawa orang ini boleh mengarahkannya kepada orang yang atas namanya cek itu dibayar. A menggunakan cek itu tanpa cuba mengetahui tuan punyanya. Maka dia adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(d) A ternampak dompet Z yang berisi wang telah terjatuh. A memungut dompet itu dengan niat hendak memulangkannya kepada Z, tetapi kemudianya menggunakan wang itu untuk kegunaannya sendiri. Maka A telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(e) A terjumpa suatu dompet berisi wang, dengan tidak mengetahui siapakah yang empunya dompet itu; dia kemudianya mengetahui bahawa dompet berisi wang itu kepunyaan Z, dan menggunakan untuk kegunaannya sendiri. Maka A adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

(f) A terjumpa sebentuk cincin yang berharga dengan tidak mengetahui siapakah yang empunya cincin itu. A menjualnya dengan segera tanpa cuba mengetahui tuan punyanya. Maka A adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini.

Menggelapkan secara tidak jujur harta yang dimiliki oleh si mati pada masa kematianya

404. Barang siapa secara tidak jujur menggelapkan atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri apa-apa harta, dengan mengetahui bahawa harta itu ada dalam milikan si mati pada masa kematianya, dan sejak itu tidak ada dalam milikan mana-mana orang yang berhak memilikinya di sisi undang-undang, hendaklah dihukum penjara tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Jika pesalah itu, pada masa kematian si mati, diambil bekerja olehnya sebagai seorang kerani atau orang gaji, maka dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun.

Misalan

Z mati dengan memiliki perkakas rumah dan wang. Orang gajinya A, sebelum wang itu jatuh ke dalam milikan mana-mana orang yang berhak memilikinya, secara tidak jujur menggelapkannya. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Pecah amanah jenayah

Pecah amanah jenayah

405. Barang siapa, yang dengan apa jua cara diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa penguasaan ke atas harta –

(a) secara tidak jujur menggelapkan atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri harta itu;

- (b) secara tidak jujur menggunakan atau melupuskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu akan dilaksanakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, nyata atau tersirat, yang telah dibuatnya mengenai pelaksanaan amanah itu; atau
- (c) dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian, melakukan pecah amanah jenayah.

Misalan-misalan

(a) A, sebagai wasi kepada wasiat si mati, secara tidak jujur mengingkari undang-undang yang mengarahkannya untuk membahagikan harta benda mengikut wasiat itu, dan menggunakananya untuk kegunaannya sendiri. A telah melakukan pecah amanah jenayah.

(b) A adalah seorang penjaga gudang. Z, yang hendak pergi ke suatu tempat yang jauh, mengamanahkan perkakas rumahnya kepada A, di bawah suatu kontrak bahawa barang-barang itu hendaklah dikembalikan setelah jumlah wang yang ditetapkan bagi bilik gudang itu dibayar. A secara tidak jujur menjual barang-barang itu. A telah melakukan pecah amanah jenayah.

(c) A, yang tinggal di Negara Brunei Darussalam, adalah seorang ejen bagi Z, yang tinggal di Kuala Belait. Terdapat suatu kontrak yang nyata atau tersirat antara A dengan Z, bahawa semua jumlah wang yang dikirimkan oleh Z kepada A hendaklah dilaburkan oleh A mengikut arahan Z. Z mengirimkan \$10,000 kepada A, dengan arahan supaya melaburkan wang itu ke atas tanah. A secara tidak jujur mengingkari arahan itu dan menggunakan wang itu dalam perniagaannya sendiri. A telah melakukan pecah amanah jenayah.

(d) Tetapi jika A, dalam misalan yang akhir itu, tidak secara tidak jujur, tetapi dengan suci hati mempercayai bahawa akan menjadi lebih berfaedah bagi Z memegang saham dalam suatu syarikat tempatan, mengingkari arahan Z, dan membeli saham dalam syarikat tempatan itu untuk Z, sebagai ganti membeli tanah, maka di sini, walaupun Z menanggung kerugian, dan berhak membawa suatu tindakan sivil terhadap A oleh sebab kerugian itu, akan tetapi A, oleh kerana dia tidak bertindak secara tidak jujur, tidaklah melakukan pecah amanah jenayah.

(e) A, seorang Majistret atau seorang kerani dalam sebuah pejabat Kerajaan, diamanahkan dengan wang awam, dan sama ada diarahkan oleh undang-undang, atau terikat dengan suatu kontrak, nyata atau tersirat, dengan Kerajaan, supaya membayar ke dalam suatu perbendaharaan yang tertentu semua wang awam yang dipegangnya. A secara tidak jujur menggelapkan wang itu. A telah melakukan pecah amanah jenayah.

(f) A, seorang pembawa, diamanahkan oleh Z dengan harta yang akan dibawa dengan jalan darat atau dengan jalan air. A secara tidak jujur menggelapkan harta itu. A telah melakukan pecah amanah jenayah.

Hukuman bagi pecah amanah jenayah

406. Barang siapa melakukan pecah amanah jenayah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Pecah amanah jenayah oleh pembawa dll.

407. Barang siapa, yang diamanahkan dengan harta sebagai seorang pembawa, jurudermaga atau penjaga gudang, melakukan pecah amanah jenayah berkaitan dengan harta itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Pecah amanah jenayah oleh kerani atau orang gaji

408. Barang siapa, sebagai seorang kerani atau orang gaji, atau yang diambil bekerja sebagai seorang kerani atau orang gaji dan yang dengan apa jua cara diamanahkan atas sifatnya yang sedemikian itu dengan harta, atau dengan apa-apa penguasaan ke atas harta, melakukan pecah amanah jenayah berkaitan dengan harta itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Pecah amanah jenayah oleh kakitangan kerajaan, jurubank, pedagang atau ejen

409. Barang siapa, yang dengan apa jua cara diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa penguasaan ke atas harta, atas sifatnya sebagai seorang kakitangan kerajaan atau dalam perjalanan perniagaannya sebagai seorang jurubank, pedagang, wakil perniagaan, broker, peguam atau ejen, melakukan pecah amanah jenayah berkaitan dengan harta itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Menerima harta curi

Harta curi

410. Harta –

- (a) yang pemilikannya telah dipindahkan dengan jalan curi, peras ugut atau rompakan; dan
- (b) yang telah digelapkan secara jenayah atau yang berkaitan dengannya pecah amanah jenayah telah dilakukan,

adalah ditetapkan sebagai “harta curi” sama ada pindahan itu telah dibuat, atau penggelapan atau pecah amanah telah dilakukan, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam. Tetapi jika harta tersebut kemudiannya menjadi milik seseorang yang berhak memilikinya di sisi undang-undang, maka harta itu tidak lagi menjadi harta curi.

Menerima harta curi secara tidak jujur

411. Barang siapa secara tidak jujur menerima atau menyimpan apa-apa harta curi, dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayainya sebagai harta curi, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menerima secara tidak jujur harta yang dicuri dalam masa melakukan rompakan berkumpulan

412. Barang siapa secara tidak jujur –

(a) menerima atau menyimpan apa-apa harta curi, yang pemilikannya dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai telah dipindahkan dengan jalan melakukan rompakan berkumpulan; atau

(b) menerima daripada seseorang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai tergolong, atau telah tergolong, dalam suatu kumpulan perompak, harta yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah dicuri,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Lazim mengurusniagakan harta curi

413. Barang siapa lazim menerima atau mengurusniagakan harta yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai harta curi hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Menolong menyembunyikan harta curi

414. Barang siapa dengan sengaja menolong menyembunyikan atau melupuskan atau menghapuskan apa-apa harta yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai harta curi hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Penipuan

Penipuan

415. Barang siapa, dengan memperdayakan mana-mana orang –

- (a) secara fraud atau secara tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan itu supaya menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau supaya mempersetujui mana-mana orang menyimpan apa-apa harta; atau
- (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan itu supaya melakukan atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa jua yang dia tidak akan melakukannya atau meninggalkan daripada melakukannya jika dia tidak diperdayakan demikian,

dan perbuatan atau peninggalan itu menyebabkan, atau mungkin menyebabkan, kerugian atau kerosakan kepada orang itu pada tubuh, fikiran, reputasi atau hartanya, adalah dikatakan “menipu”.

Huraian – Menyembunyikan fakta secara tidak jujur adalah suatu perdayaan dalam makna bab ini.

Misalan-misalan

(a) A, dengan salah menyamar sebagai orang yang bekerja dalam perkhidmatan awam, dengan sengaja memperdayakan Z, dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya membenarkannya mengambil secara kredit, barang-barang yang dia tidak berniat untuk membayarnya. Maka A menipu.

(b) A, dengan membubuh suatu tanda palsu pada suatu barang, dengan sengaja memperdayakan Z supaya mempercayai bahawa barang ini dibuat oleh pengilang tertentu yang masyhur dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya membeli dan membayar harga barang itu. Maka A menipu.

(c) A, dengan menunjukkan kepada Z suatu sampel palsu bagi suatu barang, dengan sengaja memperdayakan Z supaya mempercayai bahawa barang itu sama dengan sampel tersebut dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya membeli dan membayar harga barang itu. Maka A menipu.

(d) A, dengan mengemukakan bagi membayar harga suatu barang suatu bil ke atas sebuah rumah yang A tiada menyimpan wang, dan yang A menjangka bahawa bil itu tidak akan dilayan, dengan sengaja memperdayakan Z, dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya menyerahkan barang itu, dengan maksud tidak akan membayar harganya. Maka A menipu.

(e) A, dengan mencagarkan sebagai intan barang yang diketahuinya bukan intan, dengan sengaja memperdayakan Z, dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya meminjamkan wang. Maka A menipu.

(f) A dengan sengaja memperdayakan Z supaya mempercayai bahawa A berniat hendak membayar balik apa-apa wang yang mungkin dipinjamkan oleh Z kepadanya, dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya meminjamkan wang kepadanya, A tidak bermaksud hendak membayarnya balik. Maka A menipu.

(g) A dengan sengaja memperdayakan Z supaya mempercayai bahawa A berniat hendak menyerahkan kepada Z tumbuhan indigo dalam kuantiti tertentu yang dia tidak bermaksud hendak menyerahkannya, dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya meminjamkan wang atas keyakinan yang dia akan menyerahkannya. Maka A menipu; tetapi jika A, pada masa mendapatkan wang itu, bermaksud hendak menyerahkan tumbuhan indigo itu, dan kemudiannya mengingkari kontraknya dan tidak menyerahkan tumbuhan indigo itu, maka dia tidaklah menipu, tetapi dia boleh dikenakan tindakan sivil sahaja kerana melanggar kontrak.

(h) A dengan sengaja memperdayakan Z supaya mempercayai bahawa A telah melaksanakan di pihak A suatu kontrak yang dibuat dengan Z, yang belum dilaksanakannya, dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong Z supaya membayar wang. Maka A menipu.

(i) A menjual dan memindah hak suatu estet kepada B. A, yang mengetahui bahawa oleh sebab penjualan estet itu, dia tiada hak ke atas harta itu, menjual atau menggadai janji estet itu kepada Z, tanpa mendedahkan hal penjualan dan pemindahan hak yang terdahulu kepada B, dan menerima wang pembelian atau gadai janji itu daripada Z. Maka A menipu.

Menipu dengan menyamar

416. Seseorang itu adalah dikatakan “menipu dengan menyamar” jika dia menipu dengan –

- (a) berpura-pura sebagai seorang yang lain;
- (b) mengetahui menggantikan seorang dengan orang lain, atau dengan menyatakan bahawa dia atau mana-mana orang lain adalah orang selain daripada dia atau orang lain itu yang sebenar.

Huraian – Kesalahan itu dilakukan sama ada individu yang disamar itu adalah orang sebenar atau orang yang diada-adakan.

Misalan-misalan

(a) A menipu dengan berpura-pura sebagai seorang jurubank tertentu yang kaya yang senama dengannya. Maka A menipu dengan menyamar.

(b) A menipu dengan berpura-pura sebagai B, orang yang telah mati. Maka A menipu dengan menyamar.

Hukuman kerana menipu

417. Barang siapa menipu hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Menipu dengan mengetahui bahawa kerugian salah mungkin terjadi kepada orang yang kepentingannya pesalah terikat untuk melindunginya

418. Barang siapa menipu dengan mengetahui bahawa dia mungkin dengan yang demikian menyebabkan kerugian salah kepada seseorang yang kepentingannya dalam transaksi yang disebut dalam penipuan itu dia terikat, sama ada di sisi undang-undang atau menurut suatu kontrak undang-undang, untuk melindunginya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Hukuman kerana menipu dengan menyamar

419. Barang siapa menipu dengan menyamar hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Menipu dan secara tidak jujur mendorong supaya harta diserahkan

420. Barang siapa menipu dan dengan yang demikian secara tidak jujur mendorong orang yang dipedayakan itu supaya –

- (a) menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang; atau
- (b) membuat, mengubah atau memusnahkan kesemua atau mana-mana bahagian suatu jaminan berharga, atau apa-apa jua yang ditandatangani atau dimeterai, dan yang boleh dijadikan suatu jaminan berharga,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Surat ikatan dan pelupusan harta secara fraud

Memindah atau menyembunyikan harta secara tidak jujur atau secara fraud untuk mengelakkan pembahagian antara pemutang-pemutang

421. Barang siapa secara tidak jujur atau secara fraud –

- (a) memindah, menyembunyikan atau menyerahkan kepada mana-mana orang, atau

(b) memindah milik atau menyebabkan dipindah milik kepada mana-mana orang, tanpa balasan yang mencukupi,
apa-apa harta, dengan maksud dengan yang demikian hendak menghalang, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia akan dengan yang demikian menghalang, pembahagian harta itu mengikut undang-undang antara pemutang-pemutangnya atau pemutang-pemutang mana-mana orang lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Secara tidak jujur atau secara fraud menghalang hutang daripada dapat digunakan oleh pemutang

422. Barang siapa secara tidak jujur atau secara fraud menghalang apa-apa hutang atau tuntutan yang kena dibayar kepadanya atau kepada mana-mana orang lain daripada dapat digunakan mengikut undang-undang untuk membayar hutangnya atau hutang orang lain itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Secara tidak jujur atau secara fraud melaksanakan surat ikatan pindah milik yang mengandungi pernyataan palsu mengenai balasan

423. Barang siapa secara tidak jujur atau secara fraud menandatangani, melaksanakan atau menjadi suatu pihak dalam apa-apa surat ikatan atau surat cara yang –

- (a) dikatakan memindah milik atau mengenakan apa-apa tanggungan ke atas apa-apa harta, atau apa-apa kepentingan ke atasnya; dan
- (b) mengandungi apa-apa pernyataan palsu berhubung dengan balasan bagi pindah milik atau tanggungan itu, atau berhubung dengan orang atau orang-orang yang untuk kegunaannya atau faedahnya surat ikatan atau surat cara itu sebenarnya dimaksudkan berkuat kuasa,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Secara tidak jujur atau secara fraud memindah atau menyembunyikan harta

424. Barang siapa –

- (a) secara tidak jujur atau secara fraud menyembunyikan atau memindah apa-apa hartanya sendiri atau harta mana-mana orang lain;
- (b) secara tidak jujur atau secara fraud menolong menyembunyikan atau memindahkannya; atau
- (c) secara tidak jujur melepaskan apa-apa permintaan atau tuntutan yang dia berhak,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Khianat

Khianat

425. Barang siapa, dengan niat hendak menyebabkan, atau dengan mengetahui bahawa dia mungkin menyebabkan, kehilangan atau kerugian salah kepada orang ramai, atau kepada mana-mana orang, menyebabkan –

- (a) kemusnahan apa-apa harta;
- (b) sebarang perubahan kepada apa-apa harta, atau kepada keadaannya, yang memusnahkan atau mengurangkan nilai atau kebergunaan harta itu; atau
- (c) menjelaskan harta itu dengan merosakkannya,

melakukan kesalahan “khianat”.

Huraian 1 – Tidaklah perlu bagi kesalahan khianat bahawa pesalah itu bermaksud hendak menyebabkan kehilangan atau kerugian kepada pemilik harta yang dirosakkan atau dimusnahkan itu. Adalah memadai jika dia bermaksud hendak menyebabkan, atau mengetahui bahawa dia mungkin menyebabkan, kehilangan atau kerugian salah kepada mana-mana orang dengan merosakkan apa-apa harta, sama ada harta itu dippunyai oleh orang itu atau tidak.

Huraian 2 – Khianat boleh dilakukan dengan suatu perbuatan yang menjelaskan harta yang dippunyai oleh orang yang melakukan perbuatan itu, atau yang dippunyai oleh orang itu dan orang lain secara bersama.

Misalan-misalan

(a) A dengan sengaja membakar suatu jaminan berharga yang dipunyai oleh Z, dengan maksud hendak menyebabkan kehilangan salah kepada Z. A telah melakukan kesalahan khianat.

(b) A memasukkan air ke dalam sebuah rumah air batu yang dipunyai oleh Z dan dengan yang demikian menyebabkan air batu itu cair, dengan maksud hendak menyebabkan kehilangan salah kepada Z. A telah melakukan kesalahan khianat.

(c) A dengan sengaja melemparkan ke dalam sungai sebentuk cincin yang dipunyai oleh Z, dengan niat dengan yang demikian hendak menyebabkan kehilangan salah kepada Z. A telah melakukan kesalahan khianat.

(d) A, yang mengetahui bahawa harta bendanya hampir akan diambil dalam pelaksanaan bagi menyelesaikan hutangnya kepada Z, memusnahkan harta benda itu, dengan niat dengan yang demikian menghalang Z daripada mendapatkan penyelesaian bagi hutangnya itu, dan dengan yang demikian menyebabkan kerugian kepada Z. A telah melakukan kesalahan khianat.

(e) A, setelah menginsuranskan sebuah kapal, dengan sengaja menyebabkan kapal itu terdampar, dengan niat hendak menyebabkan kerugian kepada pengunderait. A telah melakukan kesalahan khianat.

(f) A menyebabkan sebuah kapal terdampar, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan kerugian kepada Z, yang telah meminjamkan wangnya atas cagaran kapal itu. A telah melakukan kesalahan khianat.

(g) A, yang mempunyai harta bersama dengan Z dalam bentuk seekor kuda, menembak kuda itu, dengan maksud dengan yang demikian hendak menyebabkan kehilangan salah kepada Z. A telah melakukan kesalahan khianat.

(h) A menyebabkan lembu memasuki sebuah ladang yang dipunyai oleh Z, dengan maksud hendak menyebabkan, dan dengan mengetahui bahawa dia mungkin menyebabkan, kerosakan kepada tanaman Z. A telah melakukan kesalahan khianat.

Hukuman bagi kesalahan khianat

426. Barang siapa melakukan kesalahan khianat hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

[S 51/2014]

Khianat dengan menyebabkan kerugian sebanyak \$500

[S 51/2014]

427. Barang siapa melakukan kesalahan khianat, dan dengan yang demikian menyebabkan kehilangan atau kerugian sebanyak \$500 atau lebih, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali sebatan.

Khianat di tempat terkawal atau tempat ibadat [S 51/2014]

427A. (1) Barang siapa melakukan khianat –

- (a) di suatu tempat terkawal; atau
- (b) kepada mana-mana bangunan yang digunakan sebagai suatu tempat ibadat, atau apa-apa harta di dalamnya,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang boleh sampai 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 4 kali sebatan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), “tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau premis yang diisyiharkan sebagai suatu tempat terkawal dalam Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147).

Khianat dengan membunuh atau mencacatkan haiwan

[S 51/2014]

428. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan membunuh, meracun, mencacatkan atau menjadikan tidak berguna, mana-mana haiwan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 2 kali sebatan.

429. (*Dimansuhkan oleh S 51/2014*)

Khianat dengan merosakkan kerja pengairan atau melencongkan air dengan salah

430. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan, atau yang diketahuinya mungkin menyebabkan, bekalan air berkurangan untuk –

- (a) tujuan pertanian;
- (b) makanan atau minuman manusia;
- (c) haiwan yang dipelihara;
- (d) kebersihan; atau
- (e) menjalankan apa-apa pembuatan,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 4 kali sebatan.

Khianat dengan merosakkan jalan awam, jambatan, sungai atau terusan

431. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan melakukan apa-apa perbuatan yang menjadikan, atau yang diketahuinya mungkin menjadikan, mana-mana –

- (a) jalan awam;
- (b) jambatan;
- (c) sungai boleh lalu; atau
- (d) terusan boleh lalu, semula jadi atau buatan,

tidak dapat dilalui atau kurang selamat untuk menggerakkan atau membawa harta, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 4 kali sebatan.

Khianat dengan menyebabkan banjir atau halangan kepada saliran awam yang mendatangkan kerosakan

432. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan, atau yang diketahuinya mungkin menyebabkan, banjir atau halangan kepada mana-mana saliran awam yang mendatangkan bencana atau kerosakan, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 4 kali sebatan.

Khianat dengan memusnahkan, memindahkan atau menjadikan kurang berguna rumah api atau tanda laut

433. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan –

- (a) memusnahkan atau memindahkan mana-mana rumah api atau api isyarat lain yang digunakan sebagai suatu tanda laut, atau apa-apa tanda laut, boyai atau benda lain yang diletakkan sebagai panduan untuk navigator; atau
- (b) apa-apa perbuatan yang menjadikan mana-mana rumah api, tanda laut, boyai atau benda lain sebagaimana yang tersebut di atas kurang berguna sebagai panduan untuk navigator,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan sebat tidak kurang daripada 4 kali sebatan.

Khianat dengan memusnahkan atau memindahkan dll. tanda tempat yang dipasang oleh pihak berkuasa awam

434. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan –

- (a) memusnahkan atau memindahkan mana-mana tanda tempat yang dipasang dengan kuasa seorang kakitangan kerajaan; atau
- (b) apa-apa perbuatan yang menjadikan tanda tempat itu kurang berguna sedemikian itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat tidak kurang daripada 4 kali sebatan.

Khianat dengan api atau bahan letupan dengan niat hendak menyebabkan kerosakan

435. (1) Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan api atau apa-apa bahan letupan, dengan maksud hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan demikian akan menyebabkan, kerosakan kepada apa-apa harta hendaklah dihukum –

- (a) jika perbuatan tersebut menyebabkan kematian kepada mana-mana orang, mati;
- (b) jika perbuatan tersebut adalah kepada talian paip petroleum, talian paip gas, talian paip bekalan air, loji bekalan elektrik atau apa-apa harta yang ditetapkan, mati; atau
- (c) dalam sebarang kes lain, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

(2) Dalam ceraian (1)(b), “harta yang ditetapkan” bermakna harta atau tempat yang digunakan oleh mana-mana perusahaan utiliti awam sebagaimana yang mungkin diisyiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai harta yang ditetapkan yang dikenakan perenggan itu.

Khianat dengan api atau bahan letupan dengan niat hendak memusnahkan rumah dll.

436. Barang siapa melakukan kesalahan khianat dengan api atau apa-apa bahan letupan, dengan maksud hendak menyebabkan, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan menyebabkan, kemusnahaan mana-mana bangunan yang biasanya digunakan sebagai suatu tempat ibadat atau sebagai suatu tempat kediaman manusia, atau sebagai suatu tempat menyimpan harta, hendaklah dihukum penjara seumur hidup.

Khianat dengan niat hendak memusnahkan atau menjadikan tidak selamat vesel bergeladak atau vesel yang berat muatannya 20 tan

437. Barang siapa melakukan kesalahan khianat kepada mana-mana vesel bergeladak, atau mana-mana vesel yang berat muatannya 20 tan atau lebih –

(a) dengan maksud hendak memusnahkan atau menjadikan tidak selamat;

atau

(b) dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan memusnahkan atau menjadikan tidak selamat,

vesel itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Hukuman bagi kesalahan khianat yang diperihalkan dalam bab 437 yang dilakukan dengan api atau bahan letupan

438. Barang siapa melakukan, atau cuba melakukan, dengan api atau apa-apa bahan letupan, kesalahan khianat sebagaimana yang diperihalkan dalam bab 437, hendaklah dihukum penjara seumur hidup.

Hukuman kerana dengan sengaja mengandaskan atau mendamparkan vesel dengan niat hendak melakukan kesalahan mencuri dll.

439. Barang siapa dengan sengaja mengandaskan atau mendamparkan mana-mana vesel –

(a) dengan maksud hendak melakukan kesalahan mencuri apa-apa harta yang terkandung di dalamnya, atau hendak menggelapkan secara tidak jujur apa-apa harta itu; atau

(b) dengan niat supaya kesalahan mencuri atau menggelapkan harta itu boleh dilakukan,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Khianat dilakukan setelah persiapan dibuat untuk menyebabkan kematian atau kecederaan

440. Barang siapa melakukan kesalahan khianat, setelah membuat persiapan untuk menyebabkan kepada mana-mana orang –

- (a) mati;
- (b) cedera;
- (c) halangan salah; atau
- (d) ketakutan bahawa kematian, kecederaan atau halangan salah akan berlaku,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Pencerobohan jenayah

Pencerobohan jenayah

441. Barang siapa memasuki ke dalam atau ke atas harta yang dimiliki oleh orang lain –

- (a) dengan niat hendak melakukan suatu kesalahan atau hendak menakutkan, mengaibkan, atau menggusarkan mana-mana orang yang memiliki harta itu; atau
 - (b) setelah dengan sah memasuki ke dalam atau melakukan suatu kesalahan atau ke atas harta itu, tinggal di situ dengan menyalahi undang-undang dengan niat dengan yang demikian hendak menakutkan, mengaibkan, atau menggusarkan mana-mana orang itu,
- adalah dikatakan melakukan “pencerobohan jenayah”.

Huraian – Dalam bab ini, takrifan “kesalahan” dalam bab 40 adalah diperluaskan supaya termasuk berzina.

Pencerobohan rumah

442. Barang siapa melakukan pencerobohan jenayah dengan memasuki atau tinggal di dalam –

- (a) mana-mana bangunan, khemah atau vesel yang digunakan sebagai suatu tempat kediaman manusia; atau
- (b) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai suatu tempat ibadat atau sebagai suatu tempat menyimpan harta,
adalah dikatakan melakukan “pencerobohan rumah”.

Huraian – Kemasukan mana-mana bahagian tubuh penceroboh jenayah itu adalah kemasukan yang memadai bagi menjadikan pencerobohan rumah.

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi

443. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah, setelah mengambil langkah untuk menyembunyikan pencerobohan rumah itu daripada seseorang yang berhak menahan masuk atau menghalau penceroboh itu daripada bangunan, khemah atau vesel yang diceroboh itu, adalah dikatakan melakukan “pencerobohan rumah dengan bersembunyi”.

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam

444. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi selepas matahari terbenam, dan sebelum matahari terbit, adalah dikatakan melakukan “pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam”.

Pecah rumah

445. Seseorang yang melakukan pencerobohan rumah adalah dikatakan melakukan “pecah rumah”, jika dia masuk ke dalam rumah itu atau mana-mana bahagiannya dengan mana-mana enam cara yang berikut atau jika, setelah berada di dalam rumah itu atau mana-mana bahagiannya bagi maksud melakukan suatu kesalahan, atau, setelah melakukan suatu kesalahan di dalamnya, dia keluar daripada rumah itu atau mana-mana bahagiannya dengan mana-mana enam cara tersebut –

- (a) dia masuk atau keluar melalui suatu lorong yang dibuat sendiri olehnya, atau oleh mana-mana penyubahat dalam pencerobohan rumah itu, dengan tujuan melakukan pencerobohan rumah itu;
- (b) dia masuk atau keluar melalui mana-mana lorong yang tidak dimaksudkan oleh mana-mana orang kecuali dirinya atau penyubahat kesalahan itu untuk jalan masuk manusia, atau melalui mana-mana lorong yang telah dapat dimasukinya dengan mendaki atau memanjat mana-mana dinding atau bangunan;
- (c) dia masuk atau keluar melalui mana-mana lorong yang telah dibuka olehnya atau oleh mana-mana penyubahat dalam pencerobohan rumah itu dengan tujuan melakukan pencerobohan rumah itu, dengan apa-apa cara melalui lorong itu yang tidak dimaksudkan oleh penghuni rumah itu untuk dibuka;
- (d) dia masuk atau keluar dengan membuka mana-mana kunci dengan tujuan melakukan pencerobohan rumah itu, atau dengan tujuan keluar daripada rumah itu selepas melakukan pencerobohan rumah itu;
- (e) dia dapat masuk atau keluar dengan menggunakan kekerasan jenayah atau melakukan suatu serangan, atau dengan mengugut hendak menyerang mana-mana orang;
- (f) dia masuk atau keluar melalui mana-mana lorong yang diketahuinya telah ditutup berkancing untuk menahan masuk atau keluar, dan yang telah dibuka olehnya atau oleh penyubahat dalam pencerobohan rumah itu.

Huraian – Mana-mana rumah luar, atau bangunan yang dihuni bersambung dengan sebuah rumah dan yang antaranya dengan rumah itu ada hubungan dalaman langsung, adalah sebahagian daripada rumah itu dalam makna bab ini.

Misalan-misalan

- (a) A melakukan pencerobohan rumah dengan membuat suatu lubang menerusi dinding rumah Z dan memasukkan tangannya melalui lubang itu. Ini adalah pecah rumah.
- (b) A melakukan pencerobohan rumah dengan merangkak masuk ke dalam sebuah kapal melalui tingkap kapal antara dek-dek kapal itu. Ini adalah pecah rumah.
- (c) A melakukan pencerobohan rumah dengan memasuki rumah Z melalui jendela. Ini adalah pecah rumah.

(d) A melakukan pencerobohan rumah dengan memasuki rumah Z melalui pintu, setelah membuka pintu yang berkunci. Ini adalah pecah rumah.

(e) A melakukan pencerobohan rumah dengan memasuki rumah Z melalui pintu, setelah mencabut kancingnya dengan menjolokkan dawai melalui suatu lubang di pintu itu. Ini adalah pecah rumah.

(f) A terjumpa anak kunci pintu rumah Z, yang Z telah kehilangan, dan melakukan pencerobohan rumah dengan memasuki rumah Z, setelah membuka pintu itu dengan anak kunci itu. Ini adalah pecah rumah.

(g) Z berdiri di muka pintunya. A merempuh masuk dengan melanggar jatuh Z dan melakukan pencerobohan rumah dengan memasuki rumah itu. Ini adalah pecah rumah.

(h) Z, penjaga pintu Y, berdiri di muka pintu Y. A melakukan pencerobohan rumah dengan memasuki rumah itu, setelah menakutkan Z daripada melawannya dengan mengugut hendak memukulnya. Ini adalah pecah rumah.

Pecah rumah pada waktu malam

446. Barang siapa melakukan pecah rumah selepas matahari terbenam dan sebelum matahari terbit adalah dikatakan “pecah rumah pada waktu malam”.

Hukuman bagi pencerobohan jenayah

447. Barang siapa melakukan pencerobohan jenayah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan denda.

Hukuman bagi pencerobohan rumah

448. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Hukuman kerana menceroboh rumah di tempat terkawal atau tempat ibadat [S 51/2014]

448A. (1) Barang siapa melakukan pencerobohan rumah di suatu tempat terkawal atau suatu tempat ibadat hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun dan sebat tidak kurang dari 2 kali sebatan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), “tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau premis yang diisyiharkan sebagai suatu tempat terkawal di bawah bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147).

Pencerobohan rumah dengan tujuan melakukan kesalahan yang boleh dihukum mati
449. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan tujuan melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum mati hendaklah dihukum penjara seumur hidup dan denda.

Pencerobohan rumah dengan tujuan melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara selama 15 tahun

450. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan tujuan melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama 15 tahun hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Pencerobohan rumah dengan tujuan melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara

451. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan tujuan melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Dan, jika kesalahan yang dimaksudkan hendak dilakukan itu adalah kesalahan mencuri, maka tempoh hukuman penjara itu tidak melebihi 10 tahun.

Pencerobohan rumah setelah membuat persiapan bagi menyebabkan cedera, menyerang atau menghalang dengan salah

452. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah, setelah membuat persiapan bagi –

- (a) menyebabkan cedera kepada mana-mana orang;
- (b) menyerang mana-mana orang;
- (c) menghalang dengan salah mana-mana orang; atau
- (d) mendatangkan ketakutan kepada mana-mana orang bahawa kecederaan, serangan atau halangan salah akan berlaku,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Hukuman bagi pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah

453. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Hukuman kerana menceroboh rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah di tempat terkawal atau tempat ibadat [S 51/2014]

453A. (1) Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan besembunyi atau pecah rumah di suatu tempat terkawal atau suatu tempat ibadat hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 3 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan sebat tidak kurang dari 3 kali sebatan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), “tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau premis yang diisyiharkan sebagai suatu tempat terkawal di bawah bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147).

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah dengan tujuan melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara

454. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah dengan tujuan melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Jika kesalahan yang dimaksudkan hendak dilakukan itu adalah kesalahan mencuri, maka dia hendaklah dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun.

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah setelah membuat persiapan bagi menyebabkan cedera, menyerang atau menghalang dengan salah

455. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi, atau pecah rumah setelah membuat persiapan bagi –

- (a) menyebabkan cedera kepada mana-mana orang;
- (b) menyerang mana-mana orang;
- (c) menghalang dengan salah mana-mana orang; atau

(d) mendatangkan ketakutan kepada mana-mana orang bahawa kecederaan, serangan atau halangan salah akan berlaku, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan sebat.

Hukuman bagi pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam

456. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam, atau pecah rumah pada waktu malam, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Hukuman kerana menceroboh rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam di tempat terkawal atau tempat ibadat [S 51/2014]

456A. (1) Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam, atau pecah rumah pada waktu malam di suatu tempat terkawal atau suatu tempat ibadat hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 3 tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan sebat tidak kurang dari 3 kali sebatan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), “tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau premis yang diisyiharkan sebagai suatu tempat terkawal di bawah bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147).

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam dengan tujuan melakukan kesalahan yang boleh dihukum penjara

457. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam atau pecah rumah pada waktu malam, dengan tujuan melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Jika kesalahan yang dimaksudkan hendak dilakukan itu adalah kesalahan mencuri, maka dia hendaklah dihukum penjara tidak melebihi 15 tahun.

Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam setelah membuat persiapan bagi menyebabkan cedera, menyerang atau menghalang dengan salah

458. Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam, atau pecah rumah pada waktu malam, setelah membuat persiapan bagi –

- (a) menyebabkan cedera kepada mana-mana orang;
- (b) menyerang mana-mana orang;
- (c) menghalang dengan salah mana-mana orang; atau
- (d) mendatangkan ketakutan kepada mana-mana orang bahawa kecederaan atau serangan, atau halangan salah akan berlaku,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Menyebabkan cedera parah semasa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah

459. Barang siapa, semasa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah, menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Semua orang yang bersesama terlibat dalam pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam boleh dihukum jika salah seorang daripada mereka menyebabkan kematian atau cedera parah

460. Jika pada masa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam atau pecah rumah pada waktu malam, mana-mana orang yang melakukan kesalahan itu dengan sengaja menyebabkan atau cuba menyebabkan kematian atau cedera parah kepada mana-mana orang, maka tiap-tiap orang yang bersesama terlibat dalam melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam atau pecah rumah pada waktu malam itu hendaklah dihukum penjara seumur hidup.

Secara tidak jujur, memecah buka bekas yang berisi harta

461. Barang siapa secara tidak jujur, atau dengan niat hendak melakukan kesalahan khianat, memecah buka atau membuka apa-apa bekas tertutup yang berisi atau yang dipercayainya berisi harta, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

Hukuman bagi kesalahan sama apabila dilakukan oleh orang yang diamanahkan menjaga

462. Barang siapa, yang diamanahkan menjaga apa-apa bekas tertutup yang berisi atau yang dipercayainya berisi harta, tanpa mendapat kebenaran untuk membuka bekas itu, secara tidak jujur, atau dengan niat hendak melakukan kesalahan khianat, memecah buka atau membuka bekas itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat.

PENGGAL XVIII

**KESALAHAN BERKENAAN DENGAN DOKUMEN, DOKUMEN PALSU DAN
MATA WANG KERTAS DAN WANG KERTAS BANK**

Pemalsuan

463. Barang siapa membuat dokumen palsu, atau sebahagian daripada suatu dokumen –

- (a) dengan niat hendak –
 - (i) menyebabkan kerosakan atau kecederaan kepada orang ramai atau kepada mana-mana orang;
 - (ii) menyokong apa-apa tuntutan atau hak milik;
 - (iii) menyebabkan mana-mana orang melepaskan harta; atau
 - (iv) membuat apa-apa kontrak yang nyata atau tersirat; atau
- (b) dengan niat hendak melakukan fraud, atau supaya fraud itu boleh dilakukan,

adalah melakukan pemalsuan.

Membuat dokumen palsu

464. Seseorang itu adalah dikatakan membuat suatu dokumen palsu, jika –

- (a) dia secara tidak jujur atau secara fraud, membuat, menandatangani, memeterai atau menyempurnakan suatu dokumen, atau sebahagian daripada suatu dokumen, atau membuat apa-apa tanda yang menunjukkan penyempurnaan suatu dokumen, dengan niat hendak menyebabkan supaya dipercayai bahawa dokumen atau sebahagian daripada suatu dokumen itu telah dibuat, ditandatangani, dimeterai atau disempurnakan oleh atau dengan kebenaran seseorang yang olehnya atau yang dengan kebenarannya dia mengetahui bahawa dokumen atau sebahagian daripada suatu dokumen itu tidak dibuat, ditandatangani, dimeterai atau disempurnakan, atau pada suatu masa yang diketahuinya bahawa dokumen atau sebahagian daripada suatu dokumen itu tidak dibuat, ditandatangani, dimeterai atau disempurnakan;
- (b) dia tanpa kebenaran yang sah, secara tidak jujur atau secara fraud, dengan memadam atau pun selainnya, mengubah suatu dokumen dalam mana-mana bahagiannya yang material, selepas dokumen itu dibuat atau disempurnakan sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain, sama ada orang itu masih hidup atau telah mati pada masa perubahan itu; atau
- (c) dia secara tidak jujur atau secara fraud, menyebabkan mana-mana orang menandatangani, memeterai, menyempurnakan, atau mengubah suatu dokumen, dengan mengetahui bahawa orang itu oleh kerana akalnya tidak sempurna atau oleh kerana mabuk tidak dapat, atau bahawa oleh kerana dia diperdayakan dia tidak, mengetahui isi kandungan dokumen itu atau jenis perubahan itu.

Misalan-misalan

(a) A ada suatu surat kredit yang ditulis oleh Z bagi B perlu membayar \$10,000. A, dengan tujuan hendak menipu B, menambah satu angka kosong kepada \$10,000 itu, dan menjadikan jumlahnya sebanyak \$100,000, dengan maksud supaya boleh dipercayai oleh B bahawa Z telah menulis begitu dalam surat itu. A telah melakukan pemalsuan.

(b) A, tanpa kebenaran Z, membubuh meterai Z pada suatu dokumen yang dikatakan sebagai memindah hak suatu estet daripada Z kepada A, dengan niat hendak menjual estet itu kepada B, dan dengan yang demikian memperoleh wang belian daripada B. A telah melakukan pemalsuan.

(c) A mengambil suatu cek kepada seorang jurubank yang ditandatangani oleh B yang kena dibayar kepada pembawanya, tetapi sebarang jumlah wang tiada dimasukkan dalam cek itu. A secara fraud mengisikan cek itu dengan memasukkan jumlah wang \$10. A melakukan pemalsuan.

(d) *A meninggalkan dengan B, ejennya, suatu cek kepada seorang jurubank yang ditandatangani oleh A, tanpa memasukkan jumlah wang yang kena dibayar dan memberi kuasa kepada B untuk mengisikan cek itu dengan memasukkan suatu jumlah wang tidak melebihi \$10,000 bagi maksud membuat pembayaran tertentu. B secara fraud mengisikan cek itu dengan memasukkan jumlah wang \$20,000. B melakukan pemalsuan.*

(e) *A menulis suatu bil pertukaran untuknya sendiri atas nama B tanpa kebenaran B, dengan maksud hendak menggunakan sebagi suatu bil tulen bagi mendapatkan wang daripada seorang jurubank secara potongan, dan dengan maksud hendak mengambil balik bil itu apabila tempohnya matang. Di sini, oleh kerana A menulis bil itu dengan niat hendak memperdayakan jurubank itu dengan menyebabkannya menyangka bahawa dia ada jaminan B, dan dengan yang demikian menyebabkannya membayar bil itu secara potongan, maka A bersalah melakukan pemalsuan.*

(f) *Wasiat Z mengandungi perkataan-perkataan ini: "Saya mengarahkan supaya segala harta saya yang tinggal dibahagi sama rata antara A, B dan C". A secara tidak jujur memadam nama B, dengan maksud supaya boleh dipercayai bahawa kesemuanya telah diwariskan kepadanya dan C. A telah melakukan pemalsuan.*

(g) *A membuat catitan pada suatu surat janji hutang, dan menjadikannya kena dibayar kepada Z atau perintahnya, dengan menulis pada bil itu perkataan-perkataan "Bayar kepada Z atau perintahnya" dan menandatangani catitan itu. B secara tidak jujur memadam perkataan-perkataan "Bayar kepada Z atau perintahnya", dan dengan yang demikian menjadikan catitan khas itu kepada suatu catitan kosong. B melakukan pemalsuan.*

(h) *A menjual dan memindah hak suatu estet kepada Z. A kemudiannya, dengan tujuan hendak mendapatkan estet itu dengan menipu Z, menyempurnakan suatu pemindahan hak atas estet itu kepada B, bertarikh 6 bulan lebih awal daripada tarikh pemindahan hak kepada Z itu, dengan maksud supaya dipercayai bahawa dia telah memindah hak estet itu kepada B sebelum dia memindah hak estet itu kepada Z. A telah melakukan pemalsuan.*

(i) *Z melafazkan wasiatnya kepada A. A dengan sengaja menulis nama seorang penerima pusaka yang lain daripada yang dinamakan oleh Z, dan, dengan menyatakan kepada Z bahawa dia telah membuat wasiat itu mengikut arahannya, mendorong Z supaya menandatangani wasiat itu. A telah melakukan pemalsuan.*

(j) *A menulis suatu surat dan menandatanganinya atas nama B tanpa kebenaran B, yang memperakui bahawa A seorang yang mempunyai kelakuan baik dan dalam kesusahan kerana kemalangan yang tidak disangka, dengan maksud dengan menggunakan surat itu hendak mendapatkan sedekah daripada Z dan orang lain. Di sini, oleh kerana A telah membuat suatu dokumen palsu bagi tujuan hendak mendorong Z supaya melepaskan hartanya, A telah melakukan pemalsuan.*

(k) *A, tanpa kebenaran B, menulis suatu surat dan menandatanganinya atas nama B yang memperakui kelakuan A, dengan maksud dengan yang demikian hendak mendapatkan pekerjaan di bawah Z. A telah melakukan pemalsuan, oleh kerana dia bermaksud hendak memperdayakan Z dengan perakuan yang palsu itu, dan dengan yang demikian mendorong Z supaya membuat suatu kontrak perkhidmatan yang nyata atau tersirat.*

Huraian 1 – Tandatangan seseorang atas namanya sendiri boleh terjumlah kepada pemalsuan.

Misalan-misalan

(a) A menandatangani namanya sendiri dalam suatu bil pertukaran, dengan maksud supaya boleh dipercayai bahawa bil itu telah ditulis oleh orang lain yang senama dengannya. A telah melakukan pemalsuan.

(b) A menulis perkataan “diterima” pada sekeping kertas dan menandatanganinya atas nama Z, bagi tujuan supaya B boleh kemudiannya menulis pada kertas itu suatu bil pertukaran yang kena dibayar oleh Z kepada B, dan meniagakan bil itu seolah-olah ia telah diterima oleh Z. A bersalah melakukan pemalsuan, dan jika B, yang mengetahui hal itu, menulis bil itu pada kertas itu menurut maksud A, maka B juga bersalah melakukan pemalsuan.

(c) A mengambil suatu bil pertukaran yang kena dibayar menurut perintah orang lain yang senama dengannya. A mengendors bil itu atas namanya sendiri, dengan maksud hendak menyebabkan supaya dipercayai bahawa bil itu telah diendors oleh orang yang menurut perintahnya bil itu kena dibayar. Di sini, A telah melakukan pemalsuan.

(d) A membeli suatu estet yang dijual dalam pelaksanaan suatu dikri terhadap B. B, selepas estet itu dirampas, berpaktat sulit dengan Z, menyempurnakan suatu pajakan estet itu kepada Z pada suatu sewa nominal dan bagi tempoh yang lama, dan mentarikkan pajakan itu 6 bulan sebelum estet itu dirampas, dengan niat hendak menipu A, dan hendak menyebabkan supaya dipercayai bahawa pajakan itu telah diberikan sebelum estet itu dirampas. B, walaupun dia menyempurnakan pajakan itu atas namanya sendiri, melakukan pemalsuan dengan mengawalkan tarikhnya.

(e) A, seorang pedagang, yang menjangka dia tidak mampu membayar hutangnya, menyerahkan harta bendanya kepada B untuk faedah A, dan dengan niat hendak pemutang-pemutangnya; dan bagi tujuan supaya perbuatannya itu nampak sebagai benar, membuat suatu surat janji hutang yang mengikat dirinya membayar kepada B suatu jumlah wang bagi harga barang-barang yang telah diterimanya, dan mengawalkan tarikh surat itu, dengan maksud supaya boleh dipercayai bahawa surat itu telah dibuat pada masa sebelum A menjadi tidak mampu membayar hutangnya. A telah melakukan pemalsuan di bawah kesalahan pertama takrifan ini.

Huraian 2 – Membuat suatu dokumen palsu atas nama seseorang yang diada-adakan, dengan maksud supaya dipercayai bahawa dokumen itu telah dibuat oleh seseorang yang benar-benar ada, atau atas nama seseorang yang telah mati, dengan maksud supaya dipercayai bahawa dokumen itu telah dibuat oleh orang itu pada masa hidupnya, boleh terjumlah kepada pemalsuan.

A menulis suatu bil pertukaran ke atas seseorang yang diada-adakan, dan secara fraud menerima bil itu atas nama orang yang diada-adakan itu dengan niat hendak memperniagakannya. *A* melakukan pemalsuan.

Hukuman bagi pemalsuan

465. Barang siapa melakukan pemalsuan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Pemalsuan rekod Mahkamah atau daftar awam dll.

466. Barang siapa memalsukan suatu dokumen, yang dikatakan sebagai –

- (a) suatu rekod atau prosiding Mahkamah Keadilan atau dalam Mahkamah Keadilan;
- (b) suatu daftar beranak, pembaptisan, perkahwinan, atau pengebumian, atau suatu daftar yang disimpan oleh seorang kakitangan kerajaan sebagai yang demikian;
- (c) suatu perakuan atau dokumen yang dikatakan telah dibuat oleh seorang kakitangan kerajaan atas sifat rasminya; atau
- (d) suatu autoriti untuk memulakan atau membela suatu guaman, atau untuk menjalankan apa-apa prosiding di dalamnya, atau untuk mengaku menerima penghakiman atau suatu surat kuasa wakil,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Pemalsuan jaminan berharga atau wasiat dll.

467. Barang siapa memalsukan suatu dokumen yang –

- (a) dikatakan sebagai suatu jaminan berharga, suatu wasiat atau suatu autoriti untuk mengambil sebagai anak angkat seorang kanak-kanak lelaki; atau
- (b) dikatakan –
 - (i) memberi autoriti kepada mana-mana orang untuk membuat atau memindah milik apa-apa jaminan berharga;
 - (ii) menerima wang pokok, faedah atau dividen ke atasnya; atau

- (iii) menerima atau menyerahkan apa-apa wang, harta alih, atau jaminan berharga, atau apa-apa dokumen yang dikatakan sebagai suatu penyelesaian atau resit yang mengakui penerimaan pembayaran wang, atau suatu penyelesaian atau resit bagi penyerahan apa-apa harta alih atau jaminan berharga,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Pemalsuan bagi maksud hendak menipu

468. Barang siapa melakukan pemalsuan, dengan maksud supaya dokumen yang dipalsukan itu digunakan bagi maksud hendak menipu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Pemalsuan bagi maksud hendak merosakkan nama baik

469. Barang siapa melakukan pemalsuan –

- (a) dengan maksud supaya dokumen yang dipalsukan itu merosakkan nama baik mana-mana pihak; atau
- (b) dengan mengetahui bahawa dokumen itu mungkin digunakan bagi maksud itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Dokumen palsu

470. Suatu dokumen palsu yang dibuat seluruhnya atau sebahagiannya dengan pemalsuan adalah ditetapkan “dokumen palsu”.

Menggunakan dokumen palsu sebagai tulen

471. Barang siapa secara fraud atau secara tidak jujur menggunakan sebagai tulen apa-apa dokumen yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai suatu dokumen palsu hendaklah dihukum sama seperti seolah-olah dia telah memalsukan dokumen itu.

Membuat atau memiliki meterai palsu dll. dengan niat hendak melakukan pemalsuan yang boleh dihukum di bawah bab 467

472. Barang siapa –

(a) membuat atau memalsukan apa-apa meterai, plat atau alat lain untuk membuat suatu teraan, dengan maksud supaya meterai, plat atau alat lain itu digunakan bagi maksud hendak melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh dihukum di bawah bab 467 dari Kanun ini; atau

(b) dengan niat tersebut, ada dalam milikannya apa-apa meterai, plat atau alat lain itu, dengan mengetahuinya sebagai palsu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Membuat atau memiliki meterai palsu dll. dengan niat hendak melakukan pemalsuan yang boleh dihukum selainnya

473. Barang siapa –

(a) membuat atau memalsukan apa-apa meterai, plat atau alat lain untuk membuat suatu teraan, dengan maksud supaya meterai, plat atau alat lain itu digunakan bagi maksud hendak melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh dihukum di bawah mana-mana bab Penggal ini selain daripada bab 467; atau

(b) dengan niat tersebut, ada dalam milikannya apa-apa meterai, plat, atau alat lain, dengan mengetahuinya sebagai palsu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Memiliki jaminan berharga atau wasiat dll. dengan mengetahuinya sebagai palsu dan dengan maksud hendak menggunakannya sebagai tulen

474. Barang siapa ada dalam milikannya apa-apa dokumen dengan mengetahuinya sebagai palsu, dan dengan maksud supaya dokumen itu secara fraud atau secara tidak jujur digunakan sebagai tulen, hendaklah, jika dokumen itu adalah salah satu perihalan yang disebutkan dalam –

(a) bab 466, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda; dan

(b) bab 467, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Memalsukan alat atau tanda yang digunakan untuk mengesahkan dokumen yang diperihalkan dalam bab 467, atau memiliki bahan bertanda palsu

475. Barang siapa –

(a) memalsukan ke atas, atau pada isi, apa-apa bahan, apa-apa alat atau tanda yang digunakan bagi maksud mengesahkan apa-apa dokumen yang diperihalkan dalam bab 467, dengan maksud supaya alat atau tanda itu digunakan bagi maksud memberi rupa bentuk kesahan kepada apa-apa dokumen yang pada masa itu dipalsukan atau selepas itu akan dipalsukan pada bahan itu; atau

(b) dengan niat itu, ada dalam milikannya apa-apa bahan yang ke atasnya atau yang pada isinya apa-apa alat atau tanda itu telah dipalsukan,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Memalsukan alat atau tanda yang digunakan untuk mengesahkan dokumen selain daripada yang diperihalkan dalam bab 467, atau memiliki bahan bertanda palsu

476. Barang siapa –

(a) memalsukan ke atas, atau pada isi, apa-apa bahan, apa-apa alat atau tanda yang digunakan bagi maksud mengesahkan apa-apa dokumen selain daripada dokumen-dokumen yang diperihalkan dalam bab 467, dengan maksud supaya alat atau tanda itu digunakan bagi maksud memberi rupa bentuk kesahan kepada apa-apa dokumen yang pada masa itu dipalsukan atau selepas itu akan dipalsukan pada bahan itu; atau

(b) dengan niat itu, ada dalam milikannya apa-apa bahan yang ke atasnya atau yang pada isinya apa-apa alat atau tanda itu telah dipalsukan,
hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Secara fraud memadam, memusnahkan dll. wasiat, autoriti untuk mengambil sebagai anak angkat atau jaminan berharga

477. Barang siapa secara fraud atau secara tidak jujur, atau dengan niat hendak menyebabkan kerosakan atau kecederaan kepada orang ramai atau mana-mana orang –

(a) memadam, memusnahkan atau mencacatkan, atau cuba memadam, memusnahkan atau mencacatkan, atau menyorokkan atau cuba menyorokkan, apa-apa dokumen yang merupakan, atau dikatakan sebagai suatu jaminan berharga, suatu

wasiat atau suatu autoriti untuk mengambil sebagai anak angkat seorang kanak-kanak lelaki; atau

- (b) melakukan kesalahan khianat berkaitan dengan dokumen tersebut, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Pemalsuan akaun

477A. Barang siapa, sebagai seorang kerani, pegawai atau kakitangan, atau yang bekerja atau bertindak atas sifat seorang kerani, pegawai atau kakitangan, dengan sengaja dan dengan niat hendak menipu –

(a) memusnahkan, mengubah, mencacatkan atau memalsukan apa-apa buku, kertas, tulisan, jaminan berharga atau akaun yang dippunyai oleh atau ada dalam milikan majikannya, atau telah diterima olehnya untuk atau bagi pihak majikannya; atau

(b) membuat atau bersubahat membuat apa-apa catatan palsu, dalam atau meninggalkan atau mengubah atau bersubahat meninggalkan atau mengubah apa-apa butir material daripada atau dalam apa-apa buku, kertas, tulisan, jaminan berharga atau akaun tersebut,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Huraian – Adalah memadai dalam apa-apa pertuduhan di bawah bab ini untuk mengatakan suatu niat am hendak menipu tanpa menamakan mana-mana orang tertentu yang dimaksudkan hendak ditipu itu atau menyatakan apa-apa jumlah wang tertentu yang dimaksudkan hendak dijadikan perkara fraud itu, atau mana-mana hari tertentu kesalahan itu dilakukan.

478. - 489. (Tidak ada bab-bab).

Memalsukan mata wang kertas atau wang kertas bank

489A. Barang siapa memalsukan, atau dengan mengetahui menjalankan mana-mana bahagian proses pemalsuan, apa-apa mata wang kertas atau wang kertas bank, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Huraian – Bagi maksud-maksud bab ini dan bab-bab 489B, 489C dan 489D, “wang kertas bank” bermakna suatu surat janji hutang atau perjanjian bagi membayar wang kepada pembawanya apabila diminta yang dikeluarkan oleh mana-mana orang yang menjalankan perniagaan perbankan di mana-mana pelusuk dunia, atau dikeluarkan oleh atau di bawah autoriti mana-mana Negara atau kuasa berdaulat, dan dimaksudkan hendak digunakan sebagai bersamaan dengan wang, atau sebagai ganti wang.

Menggunakan sebagai tulen mata wang kertas atau wang kertas bank tiruan atau palsu

489B. Barang siapa –

- (a) menjual kepada, atau membeli atau menerima daripada, mana-mana orang lain; atau
- (b) selainnya memperniagakan atau menggunakan sebagai tulen, apa-apa mata wang kertas atau wang kertas bank tiruan atau palsu, dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayainya sebagai tiruan atau palsu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda.

Memiliki mata wang kertas atau wang kertas bank tiruan atau palsu

489C. Barang siapa ada dalam milikannya apa-apa mata wang kertas atau wang kertas bank tiruan atau palsu, dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayainya sebagai tiruan atau palsu, dan dengan maksud hendak menggunakan sebagai tulen, atau supaya boleh digunakan sebagai tulen, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Membuat atau memiliki alat atau bahan untuk meniru atau memalsukan mata wang kertas atau wang kertas bank

489D. Barang siapa –

- (a) membuat, atau menjalankan mana-mana bahagian proses membuat, atau membeli atau menjual atau melupuskan; atau
- (b) ada dalam milikannya, apa-apa jentera, alat atau bahan, bagi maksud digunakan, atau dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ia dimaksudkan untuk digunakan, bagi meniru atau memalsukan apa-apa mata wang kertas atau wang kertas bank, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

PENGGAL XIX

MELANGGAR KONTRAK PERKHIDMATAN SECARA JENAYAH

490. - 492. (*Tidak ada bab-bab*).

PENGGAL XX

KESALAHAN BERKENAAN DENGAN PERKAHWINAN

Bersekedudukan disebabkan oleh seorang lelaki dengan perdayaan mendorong seorang perempuan untuk mempercayai yang mereka telah berkahwin secara sah

493. Tiap-tiap lelaki yang dengan perdayaan menyebabkan mana-mana perempuan yang tidak berkahwin dengannya secara sah untuk –

- (a) mempercayai bahawa perempuan itu telah berkahwin dengannya secara sah; dan
- (b) bersekedudukan atau bersetubuh dengannya atas kepercayaan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Berkahwin lagi dalam masa suami atau isteri masih hidup

494. Barang siapa, yang mempunyai suami atau isteri yang masih hidup, berkahwin dalam sebarang hal di mana perkahwinan itu menjadi tidak sah oleh sebab ia berlaku dalam masa

suami atau isterinya masih hidup, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

Kecualian – Bab ini tidak termasuk mana-mana orang yang perkahwinannya dengan suami atau isterinya telah diisyiharkan tidak sah oleh sebuah Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak; juga tidak termasuk mana-mana orang yang berkahwin dalam masa suami atau isterinya yang dahulu itu masih hidup, jika suami atau isterinya itu, pada masa perkahwinan yang kemudian itu, telah meninggalkan orang itu secara berterusan selama 7 tahun, dan orang itu telah tidak mendengar apa-apa khabar dalam tempoh itu sama ada suami atau isterinya itu masih hidup atau telah mati, dengan syarat orang yang berkahwin kemudian itu hendaklah, sebelum perkahwinan itu berlaku, memberitahu orang yang dengannya berkahwin itu tentang keadaan hal yang sebenarnya setakat mana yang diketahui oleh suami atau isterinya itu.

Kesalahan yang sama dengan menyembunyikan perkahwinan yang dahulu daripada orang yang dengannya berkahwin kemudian itu

495. Barang siapa melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab 494, setelah menyembunyikan hal perkahwinannya yang dahulu daripada orang yang dengannya berkahwin kemudian itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Upacara perkahwinan dilangsungkan dengan niat menipu tanpa perkahwinan yang sah

496. Barang siapa, secara tidak jujur atau dengan niat menipu, melangsungkan upacara perkahwinan itu, dengan mengetahui bahawa dia dengan yang demikian tidak berkahwin secara sah, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

497. (Tidak ada bab).

Memikat atau membawa pergi atau menahan perempuan bersuami dengan niat jenayah

498. Barang siapa –

- (a) membawa atau memikat pergi mana-mana perempuan, yang menjadi, dan yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai, isteri kepada mana-mana lelaki lain, daripada lelaki itu, atau daripada mana-mana orang yang menjaganya bagi pihak lelaki itu, dengan niat supaya perempuan itu boleh melakukan persetubuhan haram dengan mana-mana orang; atau
- (b) menyembunyikan atau menahan dengan niat tersebut mana-mana perempuan itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

PENGGAL XXI

FITNAH

Fitnah

499. Barang siapa, dengan perkataan sama ada dituturkan atau dimaksudkan hendak dibaca, atau dengan isyarat, atau dengan pernyataan zahir, membuat atau menyiaran apa-apa tohmahan mengenai mana-mana orang –

- (a) dengan maksud hendak merosakkan; atau
- (b) dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan,

nama baik orang itu, adalah dikatakan, kecuali dalam hal yang dikecualikan selepas ini, memfitnah orang itu.

Huraian 1 – Maka boleh terjumlah kepada fitnah dengan mentohmah sesuatu perkara kepada orang yang telah mati jika tohmahan itu akan merosakkan nama baik orang itu jika dia masih hidup, dan tohmahan itu dimaksudkan untuk menyakiti perasaan keluarganya atau sanak saudaranya yang lain.

Huraian 2 – Maka boleh terjumlah kepada fitnah dengan membuat suatu tohmahan berhubung dengan suatu syarikat atau suatu persatuan atau kumpulan orang sebagai yang demikian.

Huraian 3 – Suatu tohmahan dalam bentuk alternatif, atau dinyatakan dengan sindiran, boleh terjumlah kepada fitnah.

Huraian 4 – Tohmahan tidaklah dikatakan merosakkan nama baik seseorang, melainkan jika tohmahan itu secara langsung atau tidak langsung, pada hemat orang lain, menjatuhkan sifat akhlak atau intelek orang itu, atau menjatuhkan sifat orang itu berkaitan dengan kastanya atau pekerjaannya, atau menjatuhkan kebolehpercayaan orang itu, atau menyebabkan supaya dipercayai bahawa tubuh orang itu dalam keadaan menjijikkan, atau dalam keadaan yang pada amnya dipandang mengaibkan.

Misalan-misalan

(a) A mengatakan “Z seorang yang jujur; dia tidak pernah mencuri jam tangan B”, dengan maksud hendak menyebabkan supaya dipercayai bahawa Z ada mencuri jam tangan B. Ini adalah fitnah, melainkan jika termasuk dalam salah satu kecualian.

(b) A ditanya siapakah yang telah mencuri jam tangan B. A menunjuk kepada Z, dengan maksud hendak menyebabkan supaya dipercayai bahawa Z telah mencuri jam tangan B. Ini adalah fitnah, melainkan jika termasuk dalam salah satu kecualian.

(c) A melukis suatu gambar menunjukkan Z sedang membawa lari jam tangan B, dengan maksud supaya dipercayai bahawa Z telah mencuri jam tangan B. Ini adalah fitnah, melainkan jika termasuk dalam salah satu kecualian.

Tohmahan mengenai perkara benar yang perlu dibuat atau disiarkan untuk kebaikan orang ramai

Kecualian Pertama – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan mentohmah sesuatu perkara yang benar mengenai mana-mana orang, jika tohmahan itu patut dibuat atau disiarkan untuk kebaikan orang ramai. Sama ada atau tidak tohmahan itu adalah untuk kebaikan orang ramai adalah suatu persoalan fakta.

Kelakuan kakitangan kerajaan dalam menjalankan tugas awamnya

Kecualian Kedua – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan menyatakan dengan suci hati apa-apa pendapat pun mengenai kelakuan seorang kakitangan kerajaan dalam menjalankan tugas-tugas awamnya atau mengenai sifatnya, setakat mana sifatnya itu terzahir dalam kelakuannya itu sahaja.

Kelakuan orang yang menyentuh soal awam

Kecualian Ketiga – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan menyatakan dengan suci hati apa-apa pendapat pun mengenai kelakuan mana-mana orang berhubung dengan apa-apa persoalan awam atau mengenai sifatnya, setakat mana sifatnya itu terzahir dalam kelakuannya itu sahaja.

Misalan

Maka tidaklah menjadi fitnah jika A menyatakan dengan suci hati apa-apa pendapat pun mengenai kelakuan Z dalam membuat petisyen kepada Kerajaan atas suatu persoalan awam, dalam menandatangani suatu permintaan bagi mesyuarat diadakan atas suatu persoalan awam, dalam mempengerusikan atau menghadiri mesyuarat tersebut, dalam menubuhkan atau menyertai mana-mana pertubuhan yang meminta sokongan awam, dalam mengundi atau merayu undi bagi seorang calon tertentu untuk apa-apa jawatan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya dengan cekap yang ada kepentingan dengan orang ramai.

Menyiarkan laporan prosiding Mahkamah

Kecualian Keempat – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan menyiarkan suatu laporan yang sebahagian besarnya benar mengenai prosiding Mahkamah Keadilan, atau mengenai keputusan mana-mana prosiding tersebut.

Huraian – Seorang Majistret atau pegawai lain yang menjalankan suatu siasatan permulaan dalam Mahkamah terbuka bagi suatu perbicaraan dalam Mahkamah Keadilan, adalah Mahkamah dalam makna bab 499.

Merit kes yang diputuskan dalam Mahkamah, atau kelakuan saksi dan orang lain yang berkenaan

Kecualian Kelima – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan menyatakan dengan suci hati apa-apa pendapat pun mengenai merit mana-mana kes, sivil atau jenayah, yang telah

diputuskan oleh Mahkamah Keadilan, atau mengenai kelakuan mana-mana orang sebagai suatu pihak, seorang saksi atau ejen, dalam mana-mana kes tersebut, atau mengenai sifat orang itu, setakat mana sifatnya itu terzahir dalam kelakuannya itu sahaja.

Misalan-misalan

(a) A mengatakan “Saya fikir oleh kerana keterangan Z dalam perbicaraan itu sangat bercanggah dia tentulah seorang yang bodoh atau seorang yang tidak jujur”. A adalah termasuk dalam kecualian ini jika dia mengatakannya dengan suci hati, oleh kerana pendapat yang dinyatakannya itu adalah mengenai sifat Z sebagaimana yang terzahir dalam kelakuan Z sebagai seorang saksi sahaja.

(b) Tetapi jika A mengatakan “Saya tidak percaya apa yang dinyatakan oleh Z dalam perbicaraan itu kerana saya tahu dia sebagai seorang yang tidak bercakap benar”. A tidaklah termasuk dalam kecualian ini oleh kerana pendapat yang dinyatakannya mengenai sifat Z adalah suatu pendapat yang tidak diasaskan kepada kelakuan Z sebagai seorang saksi.

Merit hasil karya awam

Kecualian Keenam – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan menyatakan dengan suci hati apa-apa pendapat mengenai merit apa-apa hasil karya yang telah diserahkan oleh pengarangnya bagi pertimbangan awam, atau mengenai sifat pengarang itu, setakat mana sifatnya itu terzahir dalam hasil karyanya itu sahaja.

Huraian – Suatu hasil karya boleh diserahkan bagi pertimbangan awam dengan nyata, atau dengan perbuatan di pihak pengarangnya yang membayangkan penyerahannya bagi pertimbangan awam.

Misalan-misalan

(a) Seseorang yang menerbitkan sebuah buku menyerahkan bukunya itu bagi pertimbangan awam.

(b) Seseorang yang membuat suatu ucapan di khalayak ramai menyerahkan ucapannya itu bagi pertimbangan awam.

(c) Seorang pelakon atau penyanyi, yang muncul di pentas awam, menyerahkan lakonan atau nyanyiannya itu bagi pertimbangan awam.

(d) A mengatakan mengenai sebuah buku yang diterbitkan oleh Z: “Buku Z itu tidak masuk akal, Z tentulah seorang yang lemah fikirannya; buku Z itu lucah, Z tentulah seorang yang kotor fikirannya”. A adalah termasuk dalam kecualian ini jika dia mengatakannya dengan suci hati,

oleh kerana pendapat yang dinyatakannya mengenai Z itu hanyalah mengenai sifat Z setakat mana yang terzahir dalam buku Z itu sahaja.

(e) Tetapi, jika A mengatakan, “Saya tidak hairan bahawa buku Z itu tidak masuk akal dan lucah, kerana dia seorang yang lemah fikirannya, dan tiada pendirian”. A tidaklah termasuk dalam kecualian ini, oleh kerana pendapat yang dinyatakannya itu mengenai sifat Z adalah suatu pendapat yang tidak diasaskan kepada buku Z.

Celaan dibuat dengan suci hati oleh orang yang mempunyai kuasa yang sah ke atas orang lain

Kecualian Ketujuh – Maka tidaklah menjadi fitnah bagi seseorang yang mempunyai apa-apa kuasa ke atas orang lain, sama ada diberikan oleh undang-undang, atau terbit daripada suatu kontrak yang sah yang dibuat dengan orang lain itu, membuat dengan suci hati apa-apa celaan mengenai kelakuan orang lain itu dalam perkara-perkara yang dimaksudkan oleh kuasanya yang sah itu.

Misalan

Seorang Hakim yang mencela dengan suci hati kelakuan seorang saksi, atau seorang pegawai Mahkamah, seorang ketua sebuah jabatan yang mencela dengan suci hati mereka yang di bawah perintahnya; ibu atau bapa yang mencela dengan suci hati seorang anaknya di hadapan kanak-kanak lain; seorang guru sekolah lelaki, yang kuasanya terbit daripada ibu atau bapa, yang mencela dengan suci hati seorang murid di hadapan murid-murid lain; seorang majikan yang mencela orang gajinya dengan suci hati kerana lalai menjalankan kerjanya; seorang jurubank yang mencela dengan suci hati juruwang banknya kerana kelakuannya sebagai juruwang banknya itu – adalah termasuk dalam kecualian ini.

Tuduhan dibuat dengan suci hati kepada orang yang diberi kuasa

Kecualian Kelapan – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan membuat dengan suci hati suatu tuduhan terhadap mana-mana orang kepada mana-mana daripada mereka yang mempunyai kuasa yang sah ke atas orang itu berkenaan dengan hal perkara tuduhan itu.

Misalan

Jika A dengan suci hati menuduh Z di hadapan seorang Majistret; jika A dengan suci hati membuat aduan kepada majikan Z mengenai kelakuan orang gajinya, Z; jika A dengan suci hati membuat aduan kepada bapa Z mengenai kelakuan anaknya Z – A adalah termasuk dalam kecualian ini.

Tohmahan dibuat dengan suci hati oleh orang untuk melindungi kepentingannya atau kepentingan orang lain

Kecualian Kesembilan – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan membuat suatu tohmahan mengenai sifat orang lain dengan syarat bahawa tohmahan itu dibuat dengan suci hati untuk melindungi kepentingan orang yang membuatnya, atau mana-mana orang lain, atau untuk kebaikan orang ramai.

Misalan-misalan

(a) A, seorang tuan punya kedai, mengatakan kepada B, yang menguruskan perniagaannya – “Jangan jual apa-apa barang pun kepada Z melainkan jika dia membayar dengan wang tunai, kerana saya tidak tahu tentang ketulusannya”. A adalah termasuk dalam kecualian ini, jika dia telah membuat tohmahan mengenai Z ini dengan suci hati untuk melindungi kepentingannya sendiri.

(b) A, seorang Majistret, dalam suatu laporan kepada pegawai atasannya, membuat suatu tohmahan mengenai sifat Z. Di sini, jika tohmahan itu dibuat dengan suci hati, dan untuk kebaikan orang ramai, A adalah termasuk dalam kecualian ini.

Amaran dimaksudkan untuk kebaikan orang yang kepadanya amaran itu disampaikan atau untuk kebaikan orang ramai

Kecualian Kesepuluh – Maka tidaklah menjadi fitnah dengan menyampaikan suatu amaran, dengan suci hati, kepada seorang terhadap orang lain, dengan syarat bahawa amaran itu dimaksudkan untuk kebaikan orang yang kepadanya amaran itu disampaikan, atau seseorang yang ke atasnya orang itu ada kepentingan, atau untuk kebaikan orang ramai.

Hukuman bagi fitnah

500. Barang siapa memfitnah orang lain hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Mencetak atau mengukir bahan yang diketahui sebagai fitnah

501. Barang siapa mencetak atau mengukir apa-apa bahan, dengan mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa bahan itu adalah memfitnah

mana-mana orang hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Menjual benda bercetak atau berukir yang mengandungi bahan fitnah

502. Barang siapa menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa benda bercetak atau berukir yang mengandungi bahan fitnah, dengan mengetahui bahawa ia mengandungi bahan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

PENGGAL XXII

MENAKUTKAN SECARA JENAYAH, MENGAIBKAN DAN MENGGUSARKAN

Menakutkan secara jenayah

503. Barang siapa mengugut orang lain dengan mendatangkan apa-apa kecederaan kepada diri, nama baik atau hartanya, atau kepada diri atau nama baik sesiapa pun yang ke atasnya orang itu ada kepentingan, dengan niat hendak menyebabkan –

- (a) kecemasan kepada orang itu; atau
- (b) orang itu untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dia tidak terikat di sisi undang-undang untuk melakukannya, atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perbuatan yang orang itu berhak di sisi undang-undang untuk melakukannya, sebagai cara mengelakkan ugutan itu daripada dilakukan, melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah.

Huraian – Suatu ugutan hendak menjelaskan nama baik mana-mana orang yang telah mati yang ke atasnya orang yang diugut itu ada kepentingan adalah termasuk dalam makna bab ini.

Misalan

A, bagi maksud hendak mendorong B supaya berhenti daripada menjalankan suatu guaman civil, mengugut hendak membakar rumah B. A adalah melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah.

Dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pelanggaran keamanan

504. Barang siapa dengan sengaja mengaibkan, dan dengan yang demikian mendatangkan bangkitan marah kepada mana-mana orang, dengan maksud atau dengan mengetahuinya berkemungkinan bahawa bangkitan marah itu akan menyebabkannya melanggar keamanan awam, atau melakukan apa-apa kesalahan lain, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Pernyataan yang mendatangkan khianat awam

505. Barang siapa membuat, menyiaran atau mengedarkan apa-apa pernyataan, khabar angin atau laporan –

(a) dengan niat hendak menyebabkan, atau yang mungkin menyebabkan, mana-mana pegawai atau konstabel dalam pasukan polis Negara Brunei Darussalam atau mana-mana pegawai, soldado, kelasi atau askar udara dalam angkatan bersenjata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memberontak atau pun selainnya mengabaikan atau tidak menjalankan kewajipannya sebagai yang demikian;

(b) dengan niat hendak menyebabkan, atau yang mungkin menyebabkan, ketakutan atau kecemasan kepada orang ramai, atau kepada mana-mana golongan orang ramai yang memungkinkan mana-mana orang terdorong melakukan suatu kesalahan terhadap Negara Brunei Darussalam atau terhadap ketenteraman awam; atau

(c) dengan niat hendak mengapikan, atau yang mungkin mengapikan, mana-mana golongan atau komuniti orang untuk melakukan apa-apa kesalahan terhadap mana-mana golongan atau komuniti lain,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda.

Kecualian – Maka tidaklah terjumlah kepada suatu kesalahan, dalam makna bab ini, jika orang yang membuat, menyiaran atau mengedarkan apa-apa pernyataan, khabar angin atau laporan itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pernyataan, khabar angin atau laporan itu adalah benar dan membuat, menyiaran atau mengedarkannya tanpa apa-apa niat sebagaimana yang tersebut.

Hukuman bagi kesalahan menakutkan secara jenayah

506. Barang siapa melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Jika ugutannya itu adalah –

- (a) menyebabkan kematian atau cedera parah; atau
- (b) menyebabkan kemasuhan apa-apa harta dengan api;
- (c) menyebabkan suatu kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun; atau
- (d) mentohmah seorang perempuan sebagai jalang,

maka dia hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan menakutkan secara jenayah dengan perhubungan tanpa nama

507. Barang siapa melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah dengan apa-apa perhubungan tanpa nama, atau setelah mengambil langkah untuk menyembunyikan nama atau tempat tinggal orang yang membuat ugutan itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, sebagai tambahan kepada hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu oleh bab 506.

Perbuatan disebabkan dengan mendorong orang untuk mempercayai bahawa dia akan dijadikan seorang yang dimurkai tuhan

508. Barang siapa dengan sengaja menyebabkan atau cuba menyebabkan mana-mana orang –

- (a) melakukan apa-apa perkara yang orang itu tidak terikat di sisi undang-undang untuk melakukannya; atau
- (b) meninggalkan daripada melakukan apa-apa perkara yang dia berhak di sisi undang-undang untuk melakukannya,

dengan mendorong atau cuba mendorong orang itu untuk mempercayai bahawa dia atau mana-mana orang yang ke atasnya dia ada kepentingan akan menjadi, atau akan dijadikan dengan sesuatu perbuatan pesalah itu, seorang yang dimurkai tuhan, jika dia tidak melakukan perkara yang menjadi objek pesalah itu untuk menyebabkannya melakukan, atau jika dia

melakukan perkara yang menjadi objek pesalah itu untuk menyebabkannya meninggalkan daripada melakukannya, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Misalan-misalan

(a) A menjalankan suatu upacara di pintu Z dengan niat hendak menyebabkannya supaya dipercayai bahawa, dengan berbuat demikian, dia menjadikan Z sebagai seorang yang dimurkai tuhan. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

(b) A mengugut Z bahawa melainkan jika Z melakukan suatu perbuatan tertentu, A akan membunuh salah seorang anak A sendiri dalam hal keadaan bahawa pembunuhan itu akan dipercayai sebagai menjadikan Z seorang yang dimurkai tuhan. A telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam bab ini.

Perkataan, gerak isyarat atau perbuatan dimaksudkan hendak mengaibkan kehormatan perempuan

509. Barang siapa, dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan mana-mana perempuan –

(a) menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau gerak isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya gerak isyarat atau benda itu dilihat, oleh perempuan itu; atau

(b) mengganggu kesantunan perempuan itu,

hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan denda.

Salah laku di tempat awam oleh orang mabuk

510. Barang siapa, dalam keadaan mabuk, berada di mana-mana tempat awam, atau di mana-mana tempat yang menjadi pencerobohan baginya untuk memasuki, dan di situ berkelakuan dengan cara yang menyebabkan kegusaran kepada mana-mana orang, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan dan denda.

PENGGAL XXIII
PERCUBAAN UNTUK MELAKUKAN KESALAHAN

Hukuman kerana cuba melakukan kesalahan

511. Barang siapa cuba –

(a) melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Kanun ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis lain dengan penjara, denda atau sebat atau dengan gabungan hukuman-hukuman tersebut; atau

(b) menyebabkan kesalahan tersebut dilakukan,

dan dalam percubaan tersebut melakukan apa-apa perbuatan bagi melakukan kesalahan itu, hendaklah, jika tiada peruntukan yang nyata dibuat oleh Kanun ini atau oleh undang-undang bertulis lain itu, mengikut mana yang berkenaan, bagi hukuman percubaan tersebut, dihukum dengan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa mana-mana tempoh hukuman penjara yang dikenakan tidaklah boleh melebihi separuh daripada tempoh paling lama yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Misalan-misalan

(a) A membuat suatu percubaan untuk mencuri beberapa barang kemas dengan memecah buka sebuah peti, dan mendapati setelah membuka peti itu bahawa tidak ada barang kemas di dalamnya. Dia telah melakukan suatu perbuatan bagi melakukan kesalahan mencuri, dan dengan yang demikian adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.

(b) A membuat suatu percubaan untuk mencuri isi saku Z dengan memasukkan tangannya ke dalam saku Z, A tidak berjaya dalam percubaan itu oleh kerana Z tiada apa-apa dalam sakunya. A adalah melakukan kesalahan di bawah bab ini.